



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT PERTAMA

SHAH ALAM, 06 APRIL 2015 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Diana Binti Shuwardi
Penolong Setiausaha

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Encik Ibrahim bin Mat Mom

Pelapor Perbincangan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahitaalla Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang ke enam 6 April 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT:

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat.

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2015
 - Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2015
 - Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABAS bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Cadangan Penstrukturan Semula Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor.
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 29 Tahun 2015
 - Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah JP PADAT bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Pejabat Daerah dan Tanah, PDT Gombak.
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2015
 - Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah JP PADAT bagi Dewan Negeri Selangor ke Pejabat Daerah dan Tanah, Hulu Langat.
- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2015
 - Maklum balas Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Tanah dan Daerah JP PADAT bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Petaling.

III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua. Hulu Bernam.

TUAN SPEAKER: Ya Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tuan Speaker, peraturan tetap 24 (2) saya mohon mengambil soalan Hulu Bernam.

TUAN SPEAKER: Ok.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR (N05 HULU BERNAM)

TAJUK: PERDAGANGAN ANTARABANGSA

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai eksport produk-produk dari Selangor ke peringkat antarabangsa pada tahun 2014?
- b) Nyatakan jenis-jenis produk dan kawasan industri penyumbang utama perdagangan antarabangsa Selangor pada tahun 2014.

TUAN SPEAKER: Silakan Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, Hulu Bernam bertanyakan nilai eksport produk-produk dari Selangor ke peringkat antarabangsa pada tahun 2014. Walau bagaimanapun Tuan Speaker, maklumat berkenaan nilai eksport produk-produk dari Selangor ke peringkat antarabangsa tidak dapat dinyatakan kerana tiada mekanisma khusus di peringkat negeri bagi memantau prestasi perdagangan seperti sistem percukaian yang dilaksanakan. Secara umumnya antara jenis produk dan kawasan industri penyumbang utama perdagangan Selangor pada tahun 2014 adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Produk	Kawasan Industri
1.	Rubber Glove	- Kawasan Perindustrian Meru, Klang - Kawasan Perindustrian Berjantai Bistari, Kuala Selangor
2.	Electrical & Electronic	- FIZ Sg Way - Bandar Baru Bangi - FTZ Teluk Panglima Garang
3.	Aviation	- Subang - Shah Alam
4.	Food Products	- Pulau Indah - Shah Alam
5.	Logistic	- Shah Alam
6.	Transport Equipment	- Shah Alam - Serendah - Bukit Beruntung dan - Bangi

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, soalan nombor 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINGHAN)**

TAJUK: HUTAN PAYA GAMBUT

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan butiran jumlah keluasan Hutan Paya Gambut di seluruh Negeri Selangor?
- b) Sila nyatakan apakah peranan Hutan Paya Gambut terhadap ekosistem dan kawasan tadahan air?
- c) Sila huraikan apakah aktiviti pencerobohan utama yang sering berlaku?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, Sekinchan memohon untuk butiran jumlah keluasan Hutan Paya Gambut di seluruh Negeri Selangor. Keluasan Hutan Paya Gambut adalah berjumlah 82,890.38 hektar. Butiran adalah seperti berikut:-

Bil.	Hutan Simpan	Keluasan (ha)
1.	Hutan Simpan Raja Musa	23,486.43
2.	Hutan Simpan Kuala Langat Selatan	6,844.30
3.	Hutan Simpan Kuala Langat Selatan (Tambahan)	194.87
4.	Hutan Simpan Sungai Karang	50,106.60
5.	Hutan Simpan Kuala Langat Selatan (Tambahan)	1,300.55
6.	Hutan Simpan Kuala Langat Utara	957.63

Peranan Hutan Paya Gambut adalah amat penting terhadap ekosistem dan kawasan tadahan air di samping mempunyai ciri-ciri yang unik dan '*fragile*' dengan izin. Sebarang gangguan terhadap ekosistem di kawasan ini akan menyebabkan perubahan berkekalan kepada sistem hidrologi dan habitat semula jadi kepelbagaian flora dan fauna. Selain daripada itu, pengekalan air merupakan faktor penting dalam keseimbangan ekosistem hutan paya gambut. Aktiviti pembalakan secara intensif yang telah dijalankan di negeri Selangor sebelum tahun 1990 telah menyebabkan banyak terusan air dibina bagi tujuan membawa keluar kayu balak maka pembinaan terusan air tersebut menyebabkan peningkatan pengaliran air keluar secara berlebihan dan berterusan dan menyebabkan paras air bawah tanah dengan izin *ground water level* menjadi rendah. Dengan itu, permukaan gambut menjadi lebih kerang dan mudah terbakar semasa musim panas.

Aktiviti pencerobohan utama yang sering berlaku di kawasan Hutan Paya Gambut adalah untuk tujuan aktiviti berunsurkan pertanian serta akuakultur. Selain daripada itu, terdapat juga aktiviti seperti memancing ikan, pemburuan haiwan liar dan juga eksplorasi tanpa izin.

TUAN SPEAKER: Soalan seterusnya Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih, Tuan Speaker, soalan nombor 46.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK: KEBAJIKAN

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kawasan ladang dalam Selangor yang direkodkan oleh Kerajaan?
- b) Berapa ramaikan jumlah pekerja ladang direkodkan oleh Kerajaan mengikut daerah?
- c) Apakah usaha dan pencapaian Kerajaan untuk menyelesaikan masalah penempatan/kediaman pekerja ladang?

Y.B.TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, saya pohon agar soalan 46 ini dijawab bersama dengan soalan 125 daripada Bukit Gasing. Tuan Speaker, jumlah kawasan ladang di Negeri Selangor yang direkodkan aktif adalah sebanyak 89 ladang. Meskipun kita mengambil maklum akan majoriti pekerja ladang adalah terdiri daripada masyarakat India, namun kini sektor perladangan sebahagian besar telah dimonopoli oleh warga asing. Di sini kita lihat, warga tempatan terpaksa merebut peluang bagi bersaing dengan warga asing untuk meningkatkan semula statistik pekerja ladang yang terdiri dari kalangan warganegara. Berikut adalah senarai ladang dan bilangan pekerja warga tempatan di Negeri Selangor dan sumber ini diperolehi dari Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang iaitu NUPW. Carta dia terlalu panjang, saya boleh bagi sesalinan kepada Yang Berhormat Tanjung Sepat nanti namun saya ingin membaca di sini mengikut daerah di Hulu Selangor seramai 406, Hulu Langat 32, Kuala Langat 987, Sabak Bernam 172, Kuala Selangor 1,245, Klang 369 dan Petaling 16. Dalam pada itu, keseluruhannya adalah tidak dicatatkan di sini. Dalam pada itu, ingin saya menyatakan di sini bahawa pekerja yang tidak menjadi Ahli NUPW dan atau pekerja yang digajikan atas dasar kontrak jumlah mereka tidak dapat diperolehi. Memandangkan tiada kajian khusus yang dilakukan oleh UPEN sehingga kini.

Kerajaan Negeri setakat ini belum mempunyai perancangan khusus untuk membantu bekas pekerja ladang yang telah bersara untuk mendapatkan rumah selepas mereka bersara. Namun begitu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif dalam menangani masalah ini dengan melaksanakan beberapa siri lawatan dan turun padang ke ladang-;adang di seluruh Negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas, pandangan dan permasalahan yang dihadapi oleh pekerja ladang berkenaan bagi membantu menjaga kebajikan pekerja ladang dan secara tidak langsung dapat meringankan beban yang dihadapi dari segi kewangan, pendidikan, sosial serta

membantu dalam menyuarakan permasalahan yang dihadapi demi mencari jalan penyelesaian yang terbaik dan manfaat kepada semua pihak.

Hal ini dapat kita lihat apabila Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah membantu para pekerja ladang dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dengan membuat lawatan turun padang dari ladang ke ladang untuk mengetahui lebih lanjut dan mendalami permasalahan mereka. Di bawah portfolio pekerja Ladang juga, kami telah mengadakan sesi perbincangan bersama majikan pekerja ladang dalam mengekalkan fasiliti sedia ada seperti tapak rumah ibadat serta sekolah-sekolah di kawasan estet sebagai kemudahan pekerja mereka itu sendiri.

Kami amat menitik beratkan nasib mereka, nasib pekerja ladang dalam mendapatkan kediaman yang selesa untuk mereka mendiami seperti contoh:

1. Ladang Bukit Rajah Sime Darby seramai 75 keluarga telah dibantu dalam memiliki rumah teres satu tingkat dengan harga diskaun di bawah portfolio Pekerja Ladang. Selain itu juga, Portfolio Pekerja Ladang telah membantu mereka untuk mendapatkan tapak kuil sebagai kemudahan kepada mereka.
2. Ladang Bangi seramai 22 orang pekerja ladang telah dibantu bagi mendapatkan persetujuan oleh majikan mereka dalam membina rumah kos rendah dan kos ditanggung oleh majikan itu sendiri.
3. Taman Permata Dengkil seramai 393 orang pekerja ladang telah dibantu bagi mendapatkan tapak untuk pembinaan rumah.
4. Ladang Semenyih seramai 22 orang pekerja ladang telah mendapat manfaat berdasarkan perbincangan bersama majikan dan mereka bersetuju untuk membina 22 buah rumah kepada pekerja ladang serta memberikan tapak rumah ibadat.
5. Ladang Tumbok seramai 12 orang telah dibantu untuk mendapatkan rumah dan atau plot tanah untuk membina rumah.

Portfolio Pekerja Ladang masih meneruskan perbincangan sebegini demi memastikan hak dan kebajikan pekerja ladang dijaga. Dengan cara begini, boleh dikatakan satu pencapaian yang agak besar oleh kerajaan Negeri melalui peningkatan terhadap jumlah pekerja ladang yang dibantu dari tahun-tahun sebelum ini.

Hal ini boleh dianggap sebagai satu kejayaan di bawah portfolio Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dalam membantu mengatasi masalah pemilikan dan rumah kediaman yang dihadapi oleh pekerja ladang secara tidak langsung.

Sehubungan dengan itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri juga menyediakan bantuan bina baru rumah serta bantuan baik pulih rumah melalui Program bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Program ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor dan tidak terkecuali kepada bekas pekerja ladang.

Di bawah program ini, Kerajaan Negeri telah membantu beberapa bekas pekerja ladang yang mempunyai tanah di atas milik sendiri untuk membina sebuah rumah yang selesa untuk didiami berpandukan syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan nasib bekas pekerja ladang kerana golongan ini dianggap terpinggir dan tumpuan lebih harus diberikan kepada mereka dalam memastikan kebajikan mereka dijaga.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Yang Berhormat EXCO kerana sedikit penjelasan cuma saya nak tanya tentang perkembangan status tapak rumah ataupun rumah-rumah yang telah dibina ataupun diberi kepada pekerja-pekerja ladang ni. Tanah itu adakah ianya merupakan tanah bekas pekerja ladang ataupun masih lagi pemilikannya adalah tuan punya ladang itu sendiri sebab kita tidak mahu nanti apabila rumah itu dibina tetapi status tanah itu sendiri adalah masih lagi tanah pemilik ladang jadi ini akan menimbulkan masalah dari segi kita nak membantu membina rumah ataupun seumpama.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Tanjung Sepat. Saya percaya Tanjung Sepat berpandukan kepada masalah Ladang Tumbok yang di kawasan Tanjung Sepat. Adalah daripada *ELB Board, Estate Land Board* melalui kita, kita telah mengadakan perbincangan dan membuat syarat supaya 12 bekas pekerja ladang ini mendapat rumah atau plot tanah untuk membina rumah mereka. Namun perpecahan ataupun *the lot* untuk *individual grant* masih sedang dilakukan. Dia sebenarnya ia tidak mempunyai dikatakan memang akan miliki oleh pekerja ladang itu sendiri.

TUAN SPEAKER: Soalan 35. Soalan 47 telah dijawab bersekali dengan soalan 35 ya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER: Ya, Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: EXCO pada hari itu hanya jawab (a), jawapan.....

TUAN SPEAKER: Ok,

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan kepada (b) tidak dijawab.

TUAN SPEAKER:Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya mohon soalan (b), untuk...

Terima kasih Taman Medan. Untuk menjawab soalan (b) no. 47, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah bekerjasama dengan Persatuan NGO iaitu Persatuan Kebajikan Kanser Payu Dara Malaysia iaitu *Breast Cancer Welfare Associations Malaysia*, (BCWA), yang telah mengadakan kempen kesedaran pencegahan awal kanser payudara dengan mengadakan jelajah anti kanser payudara bersama BCWA menggunakan van khas untuk memeriksa klinikal barah payudara secara percuma yang dinamakan *mobil unit reaching nationwide information*(MURNI). Van MURNI ini merupakan sebuah trak yang telah diubahsuai dengan dilengkapi peralatan klinikal bagi menjalankan kempen pencegahan kanser payudara. Van MURNI akan bergerak dari satu tempat ke satu tempat bagi membantu wanita di kawasan tersebut untuk menjalani ujian pengesanan awal kanser payudara secara klinikal dan mendapatkan informasi lebih lanjut berkenaan barah payudara. Program ini telah dimulakan pada 4 Februari yang lepas bersempena dengan Hari Kanser Sedunia. Bermula di bangunan SUK, Shah Alam, DUN Bukit Gasing, DUN Damansara Utama, DUN Subang Jaya, DUN Seri Setia dan yang terakhir adalah bersama dengan program Malaysia Woman Marathon pada 8 Mac 2015. Dan MURNI atau BCWA ini akan sentiasa bersama-sama dengan program-program di bawah STANCO Wanita dan Kesihatan. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Kalau Van MURNI ini menjelajah seluruh negeri, bilakah giliran DUN-DUN yang lain untuk dilawati.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:Terima kasih Taman Medan. Van MURNI ini akan bersama di dalam program Karnival Sihat Selangor yang akan diadakan di setiap PBT, yang mana jadual untuk program Sihat Selangor ini, kita akan kemukakan, kita telah pun masukkan di dalam MMKN dan kita akan laksanakan di semua PBT.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya tentang, berapakah ramaikah sebenarnya sasaran Kerajaan Negeri Selangor, untuk memastikan wanita dapat manfaat *mammogram* percuma ini dan ramai nya itu, maksudnya, setiap DUN adakah sasaran tertentu dan berapa jumlah keseluruhan di peringkat negeri, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Sasaran awal untuk *mammogram* ini adalah 1,000,000 wanita mendapatkan pemeriksaan *mammogram*, tetapi hingga kini kita baru sahaja mencapai 19,040 orang. Jadi masih banyak lagi yang perlu kita laksanakan. Tetapi kita akan cuba sebaik mungkin dan dengan adanya Pusat Wanita Berdaya melalui Penyelia Pusat Wanita Berdaya ini, kita akan cuba *mobilizekan* wanita-wanita di peringkat DUN untuk mendapatkan pemeriksaan *mammogram* percuma. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER:Ya, Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya agak tertarik sebab van ini ada pergi DUN Damansara Utama tapi saya tidak tahu. So, saya nak tahu, berapakah orang yang telah di manfaat daripada program *on for 4* Februari, DUN yang disebutkan oleh YB EXCO.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Damansara Utama. Kehadiran peserta untuk mendapatkan pemeriksaan melalui van MURNI ini, ada pada BCWA, tidak dikemukakan kepada pejabat EXCO. Terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Boleh minta untuk dapatkan nombor.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:Saya akan dapatkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER:Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya pada Puan EXCO, apabila datang ke DUN-DUN, boleh tak maklumkan kepada ADUN-ADUN, sebenarnya nama-nama *mammogram* ini, pemeriksaan ini, semua ada di pejabat DUN. Jadi yang lebih mengetahui, siapakah yang patut menghadiri pemeriksaan ini adalah di pejabat DUN bukan PBT. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Seri Serdang. Kita akan ambil maklum tentang perkara itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baiklah, ADUN yang tak hadir, saya tak benarkan soalan mereka diambil oleh ADUN-ADUN yang lain. Permatang. Tidak hadir. Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR SUKAN

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah peruntukan khusus untuk membaik pulih gelanggang sukan setiap DUN?
- b) Sekiranya ada, bagaimana cara untuk mendapatkan peruntukan tersebut?
- c) Apakah sasaran SUKMA akan datang?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Speaker dan Paya Jaras. Jawapan (a) Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah peruntukan pada tahun 2015 yang berjumlah RM12,000,000.00 untuk membaik pulih kemudahan sukan. Sebahagian daripada RM12,000,000.00 itu, RM1.12 juta merupakan peruntukan yang akan digunakan untuk membaik pulih kemudahan-kemudahan sukan di peringkat akar umbi dengan kadarnya RM20,000.00 bagi setiap Dewan Undangan Negeri. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak RM320,000.00 berbanding daripada tahun-tahun sebelum ini. Tahun sebelum ini peruntukan sejumlah RM800,000.00 dan tahun 2015 peruntukan sebanyak RM1.12 juta ataupun bersamaan RM20,000.00 bagi setiap Dewan Undangan Negeri.

Perkara kedua, kita telah menyalurkan maklumat kepada semua pejabat Dewan Undangan Negeri dan semua kepada Pihak Berkuasa Tempatan, peruntukan ini akan disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dengan kedudukan pusat-pusat latihan ataupun pusat-pusat kemudahan sukan yang mana akan di baik pulih, adalah diputuskan melalui pejabat-pejabat Dewan Undangan Negeri sendiri. Melalui Pejabat-pejabat Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri. Jadi besarlah harapan saya agar pihak Pejabat Pusat Khidmat mendapatkan maklumat lanjut daripada wakil-wakil di PBT untuk memastikan tempat yang baik dan tempat yang sebenarnya dapat dipulihkan. Untuk bahagian (c), saya dah jawab bersekali dengan soalan 37. Terima kasih Speaker.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDINBIN OTHMAN: Soalan tambahan saya, saya berhubung kait, walaupun dah dijawab soalan (c), berhubung dengan SUKMA. Tahun lalu, apabila kita ber-SUKMA di Perlis, antara rungutan daripada kontinjen kita adalah kurangnya bajet terhadap sukan di negeri Selangor. Apakah Kerajaan pada kali ini memperuntukkan peruntukan tambahan bajet untuk SUKMA kita.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Paya Jaras. Untuk peruntukan dengan SUKMA, kita akan memutuskan mengikut tahun tersebut. Maknanya SUKMA yang akan berlangsung tahun 2016, peruntukan itu akan dipohon untuk 2016. Namun begitu, suka saya mengumumkan untuk tahun ini, kita telah mengambil beberapa langkah pro aktif, terutamanya untuk memastikan peralatan-peralatan itu dapat ditempah awal sebab ia akan digunakan untuk latihan. Apa yang mungkin sebahagian daripada yang dimaksudkan oleh Paya Jaras, pada kes yang berlaku yang lepas ialah berkenaan dengan alatan dan senjata. Kita membeli alatan dan senjata tapi kerana peruntukan dan prosedur kewangan itu harus kita pohon pada tahun itu, jadi peruntukan dan masa yang diambil itu terlalu singkat, akhirnya senjata itu tak sempat sampai dan menyebabkan pasukan kita tak dapat menggunakan senjata tersebut. Walaupun senjata tak dapat sampai, kita sempat beli peluru baru. SUKMA lepas di negeri Perlis, pasukan penembak kita dapat 7 pingat emas. Dan kali ini kita dah buat langkah awal termasuk peralatan tersebut, dan *Insyallah* isu persoalan alatan dan kemudahan ini kita akan atasi dengan permohonan untuk pembelian itu kita beli awal, iaitu pada tahun ini. *Insyallah*. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Peruntukan RM20,000.00 itu saya kira, mungkin agak sedikit. Adakah mungkin tambahan daripada PBT yang berkaitan untuk memulihkan selain daripada RM20,000.00, itu, tambahan daripada PBT untuk memastikan baik pulih itu boleh dijalankan.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Untuk PBT memberikan tambahan itu, saya alu-alukan. Tapi dia mengikut tarafnya. Lalah mengikut taraf dan kedudukan. Kalau MBPJ, saya rasa tidak ada begitu masalah. Juga Majlis-majlis yang lain. Itu yang saya ingin maklumkan. Jadi itu bergantung kepada bagaimana pihak Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Majlis berkenaan dapat memutuskan dari segi polisinya terutamanya ketika melaksanakan belanjawan di peringkat PBT. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER:Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:Terima kasih Tuan Speaker. Tentang kemudahan sukan yang paling popular adalah gelanggang futsal. Peruntukan biasanya tidak cukup menggunakan peruntukan DUN. Dan biasanya dari PBT dan negeri pun tidak ada peruntukan khas. Tetapi kalau kita kurangkan speks, kemungkinan RM40,000.00 , RM50,000.00 boleh di capai. Adakah pihak Kerajaan ataupun EXCO akan membenarkan peruntukan ADUN digunakan sekiranya bajetnya RM50,000.00.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Saya, untuk kemudahan sukan ini, saya alu-alukan. Namun begitu ada beberapa perkara tentang speks, saya rasa kita harus, kita tidak boleh kompromi, sebab dia melibatkan keselamatan dan sebagainya. Tentang penggunaan itu, kita tunggu peraturan daripada pejabat Kewangan Negeri lah. Saya tak boleh putuskan, bagaimana boleh ataupun tidak sebagainya. Kita akan kaji. Namun begitu pada tahun 2010, pihak Kerajaan Negeri telah membina banyak gelanggang-gelanggang futsal. Dan sekarang, saya rasa ada permintaan-permintaan baru, *Insyah-Allah* kita akan tengok dan lihat, kalau ada kepentingan, ada permintaan yang sangat kuat, *Insyah-Allah*, kita akan lihat dan kita akan perhatikan, termasuk sebenarnya, Kerajaan Negeri bukan bina saja, 2010, dua tiga tahun, setahun yang lalu atau dua tahun, pihak EXCO juga melalui Geran *Selangorku*, kita banyak buat gelanggang anak muda, gelanggang anak muda. Atau dataran anak muda. Dan perkara-perkara ini sebenarnya banyak kemudahannya yang saya rasa isunya sekarang adalah isu *maintenance* dengan izin ataupun penyelenggaraan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER:Kampung Tunku, tidak hadir. Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker, soalan saya nombor 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : SISTEM PENGUMPULAN AIR HUJAN (SPAH)

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) senaraikan premis kerajaan yang menggunakan sistem pengumpulan air hujan (SPAH) dan kos yang terlibat.

- b) B) Berapakah jumlah air yang dapat dijimatkan bagi projek-projek yang disenaraikan?
- c) Senaraikan projek-projek yang menggunakan SPAH mengikut pecahan PBT.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat banyak premis Kerajaan yang menggunakan sistem pengumpulan air hujan ataupun SPAH, dan Kerajaan Negeri setakat ini dalam data base ada rekod senarai premis seperti berikut :-

- 1) Dewan Jubli Perak Abdul Aziz, SUK Selangor dengan kos RM288,000.00.
- 2) Pusat Bayumas, MPSJ, Bandar Bukit Puchong, dengan kos RM20,000.00.
- 3) Tempat Mencuci Kenderaan di Bengkel Mekanikal MPSJ dengan kos RM7,000.00.
- 4) Bangunan Ibu Pejabat MBPJ dengan kos RM109, 500.00.
- 5) Masjid Bukit Indah, di Ampang dengan kos RM95,000.00.
- 6) Kompleks Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya dengan kos RM19,980.00.
- 7) Dewan Orang Ramai Taman Dahlia, Sepang dengan kos RM15,000.00.
- 8) Dewan Orang Ramai Taman Putera Prima, Sepang dengan kos RM15,000.00.

Selain daripada itu terdapat juga premis-premis kerajaan seperti sekolah, hospital, IPTA, Surau, MRT, KTMB dan juga Stesen Satelit Bumi yang ada sistem pengumpulan air hujan.

Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Sandakan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM). Pemasangan SPAH dapat mengurangkan penggunaan air terawat sebanyak 30% sehingga 75%. Ia bergantung pada kapasiti tangki SPAH dan jumlah air yang dapat dikumpulkan pada satu-satu masa. Kerajaan Negeri Selangor telah mewajibkan semua permohonan pelan bangunan yang dikemukakan kepada PBT perlu disediakan sistem pengumpulan air hujan dan ini adalah bagi semua bangunan yang mempunyai kawasan berbumbung 100 meter

persegi atau lebih. Dan senarai, saya rasa saya tidak akan baca kerana terlalu panjang dan butiran ini akan diserahkan kepada Yang Berhormat Rawang.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Hendak mendapat *confirmation*, adakah sekarang sudah menguatkuasakan secara sepenuhnya bahawa bangunan baru kena ada SPAH?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:Setakat ini penguatkuasaannya di peringkat perbandaran. Jadi MBSA, MBPJ, MPSJ dan MPS dan lain-lain. Buat sementara ini kita sedang menggalakkan yang di peringkat majlis daerah untuk melaksanakan gazet tersebut.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI:Tuan Speaker, soalan saya nombor 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: PERBELANJAAN PENDIDIKAN

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Senaraikan perbelanjaan pendidikan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2014 mengikut daerah?
- b) Apakah peranan kerajaan negeri dalam membantu mempertingkatkan mutu pendidikan di Selangor.

TUAN SPEAKER: Seri Setia

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:Pertama, pembiayaan pendidikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2014 mengikut daerah berjumlah RM16,243,675.00. Laporan terperinci saya akan diserahkan secara bertulis kerana agak *details*. Kedua ialah peranan kerajaan negeri dalam membantu mempertingkatkan pendidikan di negeri Selangor adalah :-

- i) Membantu meningkatkan kualiti infrastruktur sekolah melalui program bantuan sekolah;

- ii) membantu meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia menerusi Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS);
- iii) membantu meningkatkan kualiti guru-guru di peringkat Negeri Selangor melalui pelaksanaan Program Latihan Keguruan;
- iv) memberi bantuan yuran tadika kepada keluarga yang kurang berkemampuan melalui program Skim TUNAS;
- v) melaksanakan program-program pendidikan awal kanak-kanak melalui seminar keibubapaan, Hari Tadika dan pelbagai lagi; ke-enam membantu memperkembangkan ...
- vi) melaksanakan program bantuan sebanyak RM1000.00 kepada para pelajar yang berjaya yang melanjutkan pelajaran ke IPT melalui Program Hadiah Pengajian IPT ataupun HPIPT. Seterusnya juga memberikan bantuan sekolah menerusi program bantuan sekolah Yayasan Selangor dan juga program Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor untuk anak-anak Selangor yang melanjutkan pengajian ke Universiti.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI: Saya hendak rujuk kepada isu mempertingkatkan pendidikan perkara pertama dan terakhir tadi, pertama disebut tentang peningkatan kualiti pra sekolah. Boleh beri sedikit peng*detailan*. Kedua, dari segi 1000 terhadap pelajar yang masuk IPTA sebab ini perkara yang sering ditanya daripada pihak...

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tentang program bantuan sekolah ini kita bagi kepada Sekolah Agama Rakyat sebanyak RM6 Juta, Sekolah Jenis kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Jenis Cina sebanyak RM6 Juta. Dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil sebanyak RM4 Juta. Dan program ini kita bagi untuk kita berikan untuk memperbaiki kualiti infrastruktur di sekolah-sekolah tersebut dan kita berikan mengikut permohonan yang dibuat oleh sekolah-sekolah dan kita melihat keadaan infrastruktur dan juga bilangan pelajar dalam kita memperuntukkan sumbangan tersebut. Tiap-tiap tahun jumlahnya ialah RM16 Juta. Bagi Program HPIPT, ini diberikan kepada pelajar-pelajar daripada keluarga yang berpendapatan bawah RM3000.00, bantuan sebanyak RM1000.00 untuk ke IPTA ataupun IPTS dan selagi mana mereka yang memenuhi syarat kita memberikan bantuan tersebut kepada pelajar-pelajar tersebut.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:Apakah purata pencapaian pelajar SPM yang telah mengikuti IPTRS?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:Purata pencapaian saya kena rujuk dan saya kena secara bertulis kepada Taman Medan tetapi kalau yang terbaik SPM 2014 ialah daripada DUN Lembah Jaya ada 9A 1C, yang terbaik, DUN Balakong 8A tapi purata itu saya kena dapatkan secara bertulis kepada Taman Medan.

TUAN SPEAKER:Paya Jaras

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO, memang adanya disebut tentang bajet-bajet pada Sekolah-sekolah Rendah Agama tetapi di Paya Jaras di tempat saya ini, sudah satu minggu bergelap tiada elektrik, tiada api, bekalan telah *shot* di situ. Bila kita bertanyakan kepada yang berkenaan. Katanya belum ada peruntukkan bajet. Apakah ada bajet yang terdesak yang *emergency* seperti ini?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:Saya kena, kalau sekolah untuk makluman ya, kalau Sekolah Rendah Agama ianya di bawah JAIS yang mana di bawah EXCO yang di sebelah kanan saya (Y.B. Seri Setia memandang ke arah Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi) tetapi kalau Sekolah Agama Rakyat yang itu memang di bawah saya, peruntukannya memang ada di bawah kerajaan negeri biasanya ialah peruntukan bantuan sekolah ialah sebanyak RM16 Juta. Yang itu lebih kepada berbentuk bukan bantuan kecemasan, tetapi bantuan kepada lebih berbentuk jangka masa panjang. Tetapi memang sebelum ini kalau dalam kes-kes yang ada untuk memberi pertimbangan misalnya kebetulanlah jadi ini kalau ianya ada masalah kecemasan sebelum sejurus sebelum mesyuarat kita hendak meluluskan bantuan untuk sekolah tersebut maka ia beruntung sebab ia akan diambil kira. Tetapi kita tiada peruntukkan untuk kecemasanlah buat pada masa ini.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker. Soalan 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: TANAH CANAL CITY

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Sila nyatakan terma-terma terkini antara kerajaan negeri dengan Sapphire Index Sdn. Bhd. Berkenaan dengan isu tanah *Canal City*.
- b) Sila nyatakan perkembangan baru tanah *Canal City*.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Damansara Utama. Sukacita saya memberikan jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Damansara Utama berhubung kedudukan terkini *Canal City*. Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ataupun MBI telah menandatangani satu perjanjian *sale and purchase come development agreement* pada 15 April 2013 yang lalu bersama Sapphire Index Sdn. Bhd. iaitu 100% milik penuh Tropicana Berhad yang melibatkan aset hartanah mukim Kuala Langat, Tanjung Dua Belas seluas 1172 ekar pada kadar RM18.50 satu kaki persegi. Di dalam perjanjian tersebut terdapat 4 *element* komersial yang dipersetujui dan merangkumi aspek berikut:

- i) Penjualan tanah boleh dilakukan oleh Sapphire Index Sdn. Bhd.;
- ii) Peratusan perkongsian GDV hanya pada kadar 5%;
- iii) Peratusan perkongsian keuntungan pada kadar 3%; dan
- iv) Pulangan kepada kerajaan negeri dibayar dalam tempoh 20 tahun.

Pada 19 Mac 2014 iaitu hanya 11 bulan selepas kerajaan negeri menandatangani perjanjian itu Sapphire Index Sdn. Bhd. telah menjual sebahagian tanah seluas 308.72 ekar tanah kepada Promine Prime Sdn. Bhd. 100% milik penuh Equal Berhad pada kadar RM35.00 satu persegi. Sapphire Index Sdn. Bhd. telah mencatatkan lebih keuntungan berjumlah RM170 Juta dalam tempoh sebelas bulan. Untuk prestasi kewangan berakhir tahun 31 Disember 2014 hasil dari transaksi tersebut. Angka ini boleh kita rujuk melalui pengumuman yang telah dibuat oleh Tropicana Berhad, BSKL dalam tahun berakhir 31 Disember 2014. Pengurusan baru MBI telah menyemak semula terma-terma perjanjian bersama Sapphire Index Sdn. Bhd. sebaik sahaja saya diberikan amanah supaya kepentingan kerajaan negeri dilindungi dan pulangan kepada kerajaan negeri adalah lebih adil, terjamin, *spior* dan dalam tempoh yang munasabah dan bukannya dalam tempoh 20 tahun. Antara semakan dan terma baru yang telah disyaratkan oleh kerajaan negeri dan dipersetujui oleh Sapphire Index Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

- i) Peratus pengkongsian GDV telah dinaikkan daripada 5% kepada 9%;

- ii) Jangka masa pulangan pada kerajaan negeri dipendekkan daripada perjanjian asal 20 tahun kepada 12 tahun;
- iii) Penjualan tanah oleh Sapphire Index Sdn. Bhd. kepada pihak ketiga tidak lagi dibenarkan.

Hasil daripada semakan terma-terma ini berdasarkan nilai GDV sebanyak RM20 Bilion seperti yang telah diumumkan oleh syarikat berkenaan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur, kerajaan negeri melalui MBI mensasarkan pulangan tambahan sebanyak RM550 Juta. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Apakah faedah yang dikenakan kepada Sapphire Index Sdn. Bhd. di terma baru?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Untuk makluman Yang Berhormat, dalam perjanjian yang lama ada dikenakan syarat pembayaran kadar faedah sebanyak RM252 Juta sekiranya syarikat yang berkenaan membayar pulangan kepada kerajaan negeri pada satu tempoh yang lewat, seperti yang saya nyatakan 20 tahun. Tetapi dalam perjanjian yang baru kita telah pendekkan kepada 12 tahun dan kita tidak kenakan kadar faedah tetapi ianya berdasarkan kepada pulangan berdasarkan kepada GDV setiap tahun. Maka ianya bukan satu *bullet payment* yang dibuat pada akhir tempoh yang berkenaan tetapi dibuat setiap tahun berdasarkan GDV yang diumumkan oleh syarikat berkenaan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tadi saya amat tertarik dengan Dato' Menteri Besar yang berkata bahawa *imitation* yang baru yang membuat perjanjian tersebut. Tetapi saya ambil daripada *news* yang *summary agreement* ini di *sign* pada 7 Ogos 2014, boleh jelaskan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Untuk makluman Yang Berhormat, memang untuk perjanjian yang saya sebut tadi *sale and purchase development agreement* telah ditandatangani 15 April 2013 yang telah meletakkan terma-terma yang saya nyatakan tadi namun perjanjian tersebut telah menimbulkan banyak persoalan kerana dibuat tatkala Dewan Negeri telah dibubarkan dan Dewan Rakyat juga telah dibubarkan maka banyak penulisan yang dibuat dalam beberapa markalah *business committee* mempertikaikan perjanjian itu dibuat. Kemudian juga timbul beberapa perkara persoalan sama ada perjanjian itu mungkin mendedahkan kerajaan negeri kepada tanggungan yang lain untuk maksud itu kerajaan negeri pada ketika itu kerajaan negeri telah menandatangani satu lagi *alimentary agreement* pada bulan Ogos 2014. Walau bagaimanapun setelah pengurusan baru MBI diberikan tanggungjawab ini, kita masih merasakan ada beberapa perjanjian dan terma itu *lose sided* tidak menjaga kepentingan negeri dan juga menjamin pulangan kepada

kerajaan negeri. Sebab itu kita telah meneliti perkara ini dan ianya bukan satu proses yang mudah kerana ianya kedua-dua belah pihak ketika itu telah pun menandatangani perjanjian namun kita menegaskan kepentingan kerajaan negeri dan pulangan kepada kerajaan negeri itu menjadi satu perkara yang mesti dilakukan dengan tulus dan terbuka. Dan sebab itulah telah dibuat semakan, terma-terma baru telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dan kita telah pun menandatangani perjanjian untuk memastikan terma ini dipatuhi untuk di syarikat yang berkenaan. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Semasa buat perjanjian yang pada 7 Ogos 2014, perjanjian itu di antara syarikat berkenaan dengan MBI ataupun dengan kerajaan negeri?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya pada ketika itu 7 Ogos ialah di antara MBI dan juga Syarikat Suppiefire Indeks Sdn. Bhd. Namun kita merasakan itu adalah *after court* yang dibuat setelah melihat beberapa ketimpangan dalam perjanjian asal yang ditandatangani pada April 2014. Tetapi setelah tahun ini kita telah melihat terlalu banyak ruang-ruang yang longgar, yang perlu diperkenalkan kerana sekiranya tidak dilakukan beban tanggungan kepada Kerajaan Negeri itu adalah terlalu besar, terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih setelah saya melihat, mendengar penerangan daripada Menteri Besar, saya ingin dapatkan satu maklum balas selepas 7 Ogos perjanjian dibuat pada 7 Ogos 2014 apakah terma baru yang telah pun dikemukakan oleh pentadbiran baru Menteri Besar bagi memastikan bahawa perjanjian itu lebih baik.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Batu Tiga, saya sudah sebut secara terang dan jelas sebentar tadi di antara terma baru yang telah disyaratkan oleh Kerajaan Negeri dan telah dipersetujui oleh Suppiefire Indeks Sdn. Bhd. dan telah pun diumumkan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur ialah Pertama peratusan perkongsian GDV dinaikkan daripada 5% kepada 9%. Yang kedua jangka masa pembayaran pulangan kepada Kerajaan Negeri yang sebelum ini ditetapkan kepada 20 tahun dipendekkan kepada 12 tahun dan yang ketiga sebelum ini Suppiefire Indeks Sdn. Bhd. dibenarkan menjual hartanah tersebut. Itu yang berlaku dalam tempoh 11 bulan Suppiefire Indeks Sdn. Bhd. telah menjual kepada Equival dan

meraih keuntungan RM170 juta dalam tempoh 11 bulan. Maka terma yang baru kita menetapkan syarat Suppiefire Indeks Sdn. Bhd. tidak lagi menjual tanah-tanah kepada pihak ketiga, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Soalan.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 54.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK: PENGUPAYAAN SURAU

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan kerajaan untuk sebuah surau di Negeri Selangor?
- b) Apakah agenda khusus membangunkan remaja-belia yang sistematik dengan berpusatkan masjid/surau?
- c) Siapakah yang dilibatkan oleh kerajaan untuk bersama membangunkan remaja perempuan agar berupaya hindar terjebak gejala sosial?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker, Selat Kelang bertanyakan berkaitan dengan pengupayaan surau. Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan bagi program-program atau pun kerja-kerja baik pulih dan pembaikan surau-surau. Jika ada sekali pun adalah daripada Lembaga Zakat Selangor, walau bagaimanapun Kerajaan Negeri menyumbangkan dana sumbangan iftar ataupun moreh sebanyak RM1,000.00 bagi surau biasa dan RM1,250.00 bagi surau kebenaran solat Jumaat yang akan diserahkan kepada pihak surau sebelum bulan Ramadhan setiap tahun. Kaedah pegawai dan ahli Jawatankuasa Masjid Negeri Selangor 1995 menghendaki semua masjid mengujudkan Lajnah Pemuda dan Belia yang bertujuan untuk menjadi daya penggerak dan penarik kepada belia untuk dekat dengan masjid. Antara program yang dilakukan oleh Lajnah Belia Masjid adalah program riadah, rekreasi, sukan dan tafsir ibadat, tafsir Quran, tuisyen, teknik menjawab soalan, motivasi, usrah remaja dan sebagainya. Saya sedang memikirkan bagaimana kita boleh mengujudkan Kelab Remaja Islam Masjid dan ataupun KRIM dengan melihat sumber-sumber peruntukan daripada mana ataupun agensi mana. Dan *insya-Allah* ini kita akan cuba lakukan untuk pembangunan belia dan juga remaja di masjid-masjid dan sebagai pusat tumpuan

program yang kita akan adakan di seluruh Negeri Selangor. Antara agensi yang terlibat adalah MAIS di dalam program pembangunan remaja belia dan juga perempuan yang terjebak di dalam gejala sosial. Begitu juga penglibatan JAIS melalui Bahagian Pembangunan Pengurusan Masjid dan Dakwah dan NGO-NGO Islam yang telah dipilih oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Dakwah. Lajnah pemuda, Lajnah wanita dan kepimpinan pelajar-pelajar IPTA yang biasanya kita adakan walaupun tidak secara spesifik rasanya secara berkala masjid-masjid tertentu di Negeri Selangor, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Saya nak bertanya kepada kerajaan memandangkan kerajaan hanya memberi RM1,000 untuk moreh dan adakah itu mencukupi untuk mengupayakan satu institusi begitu penting untuk masyarakat di situ. Khususnya kerajaan bagi mencapai*Insyah-Allah* negeri yang baik dan makmur dan juga diberkati oleh Allah SWT. Dan adakah kerajaan boleh melatih pengurusan surau itu supaya mereka boleh mencari dana yang mencukupi institusi surau ini hidup dan memainkan peranannya yang terbaik.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih saya kira cadangan yang baik cuma kita perlu melihat secara keseluruhan jumlah-jumlah peruntukan yang kita peruntukan untuk masjid-masjid dan surau-sarau di Negeri Selangor ini. Yang mana saya kita memang ada keperluannya di dalam program pembangunan masyarakat yang mana kita nak menjadikan masjid dan surau-sarau sebagai pusat transformasi masyarakat itu. Cuma dengan ketegasan dan peruntukan yang kita ada saya kita ia juga menjadi kekangan. *Insyah-Allah* pada tahun ini kita mulakan program-program walau pun tidak semua masjid tetapi melalui bawah portfolio di bawah amanah yang diberikan kepada saya kita akan mengadakan Program Karnival Kampung ku Kesayangan ku. Yang mana masjid ini sebagai vernier atau pun tempat program itu meliputi kesembilan-sembilan daerah dan secara tidak langsung ianya memperuntukkan program-program pembangunan seperti masyarakat yang secara tidak langsung akan melibatkan remaja-remaja dan juga belia. Untuk tahun hadapan kita mungkin boleh lihat, sejauh mana kita boleh melihat peruntukan-peruntukan yang ada atau perlunya untuk program tambahan untuk kita bangunkan anak-anak muda ataupun generasi kita melalui masjid sebagai wadah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker Yang Berhormat EXCO isu hubungan antara surau-sarau dan masjid khususnya surau

dengan kerajaan melalui JAIS ini memang teratur. Maknanya dari segi maklumat, tindakan dan sebagainya memang ada formal dari segi ini hubungan yang cukup formal. Tetapi dari segi peranan kerajaan dilihat sebagai kurang, contohnya peruntukan, saya telah membawa di dalam dewan ini kalau peruntukan RM2,000 hingga RM5,000 setahun sebagai satu tanda sumbangan kerajaan kepada surau antara RM5,000 hingga RM10,000 setahun. Adakah ia membebankan sedangkan kesan dari segi hubungan antara surau dan masjid dengan kerajaan cukup mantap sekiranya dia dilaksanakan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Hulu Kelang ialah kalau kita lihat sendiri jumlah masjid dan surau di seluruh Negeri Selangor cukup besar. Masjid sahaja kita mempunyai lebih daripada 400 buah masjid, setakat ini kita ada 410 masjid seperti mana yang saya jawab dalam soalan yang lepas kita mempunyai lebih daripada 1,000 buah surau di seluruh Negeri Selangor. Jadi sekiranya kita memperuntukkan walaupun jumlah mungkin tidak besar RM2,000 hingga RM5,000 ia akan memberikan impak kewangan yang cukup besar. Pun begitu kita akan lihat, kita akan mengolah dengan hubungan tadi saya kira kita boleh lihat kewangan masjid itu saya kira di sebahagian besar daripada masjid-masjid di seluruh Negeri Selangor ini mempunyai kekuatan kewangan yang mantap hasil daripada sumbangan daripada masyarakat dekat sama ada kutipan melalui kutipan hari Jumaat ataupun khusus kutipan-kutipan yang lain. Saya kira kalau ada satu kesinambungan yang baik di antara masjid dan surau-sarau di bawah kariah mereka. Mereka boleh mengadakan program-program yang saya kira dia dapat dimanfaatkan. Insya-Allah pada tahun ini juga kita akan memulakan program usrah keluarga yang mana kita akan mulakan di masjid dan kita juga akan *develop* kita akan bangunkan melibatkan daripada surau-sarau kariah itu tersebut. Walaupun daripada sifatnya program ini adalah program pilot yang akan melibatkan beberapa masjid yang terpilih di setiap daerah. Kita akan juga melibatkan surau-sarau ataupun jawatankuasa surau yang akan sebagai ahli usrah yang akhirnya sedikit demi sedikit kita persembahkan akan memberikan impak pada seluruh masyarakat di Selangor, di kawasan atau kariah tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Tuan Speaker, saya nak tanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat EXCO, kalau saya tidak silap bantuan moreh itu merujuk kepada bantuan setiap Ramadhan. Sebelum 2013 bantuan ini diberi melalui wakil rakyat, ADUN ataupun Penyelaras tetapi setelah dari itu ia tidak lagi diteruskan. Persoalan saya adakah boleh dikembalikan cara asal itu bayaran moreh itu diberi melalui ADUN-ADUN di tempat masing-masing?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Paya Jaras antara isu yang kita hadapi ia apabila kita memberikan sumbangan kewangan iftar ataupun moreh kepada melalui ADUN-ADUN atau kita berikan melalui cek ini sebahagian

daripada surau-surau akaun, tidak mempunyai akaun bank yang mana juga menjadi masalah kepada mereka. Dan sebahagiannya pula memberikan nama akaun yang tidak betul, yang salah yang akhirnya cek yang kita serahkan itu tidak dapat dicashkan sebab itu antara penyelesaiannya adalah kita berikan melalui EFT pun begitu ada dalam beberapa keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri yang lepas, kita masukkan melalui EFT tetapi pemakluman kerana ada juga surau-surau ataupun masjid yang dia tidak maklum duit dah masuk dalam akaun moreh. Ada lagi masih membuat tuntutan ataupun pertanyaan kepada pihak Jabatan Agama Islam, jadi yang baiknya kita masukkan mudah cara untuk masuk ke dalam akaun mereka dan kita galakkan surau-surau ini untuk membuka akaun dan penyampaian secara simboliknya atau pun pemakluman akaun sumbangan ini sudah disampaikan kepada akaun mereka melalui ADUN-ADUN dan baiknya juga kalau ADUN-ADUN boleh adakan program bersama-sama dengan masjid-masjid ataupun surau atau jawatankuasa masjid dan surau untuk sempena program menyambut Ramadhan dengan peruntukan ADUN, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Tuan Speaker, soalan saya nombor 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK: PENGURUSAN SISA PEPEJAL

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status pengurusan pelupusan sisa pepejal di bawah MPKj selepas Kerajaan Negeri menamatkan perjanjian dengan RDF.
 - i) Rancangan jangka pendek dan panjang untuk mengendalikan sistem pelupusan sampah.
 - ii) Apakah rancangan Kerajaan untuk atasi masalah ini selain daripada penggunaan *landfill*.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Kajang tentang isu RDF dekat Semenyih, Majlis Perbandaran Kajang telah mengeluarkan Notis Pelanggaran Perjanjian antara MPKj, Majlis Perbandaran Kajang dan RESB iaitu Recycle Energy Sdn. Bhd. pada 16 Julai 2014. Susulan pelanggaran tersebut MPKj telah mengeluarkan Notis Pembatalan Perjanjian bertarikh 26 Februari 2015 kepada syarikat berkenaan. MPKj juga telah mengambil langkah dengan menghantar sisa pepejal secara terus ke tapak pelupusan sanitari Tanjung Dua

Belas, Kuala Langat bermula 8 April 2014 sehingga kini ekoran daripada penutupan operasi di Loji RDF, Semenyih. Melalui mekanisme yang dilakukan di dalam menstabilkan penjadualan kutipan sisa pepejal di kawasan pentadbiran MPKj, kos sebanyak RM2 per unit diberikan kepada kontraktor kutipan sisa pepejal. Bagi perancangan jangka masa panjang untuk mengatasi masalah pelupusan sisa pepejal di MPKj, pihak MPKj berpandangan satu kaedah pelupusan yang sistematik diperlukan, sekian.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Soalan tambahan, terima kasih Tuan Speaker, terima kasih saudara EXCO saya nak tanya kepada kerana apakah sisa pepejal itu dibawa ke tapak pembinaan pelupusan sampah, sisa pembinaan di Semenyih. Sebab di situ apabila dihantar sisa pepejal domestik dihantar di sana *leachatenya* nampak secara kasar masuk ke Sungai Semenyih. Jadi apakah tindakan diambil di atas pemilikan tanah tapak swasta tersebut dan apakah perancangan yang dikatakan tidak berkenaan itu, perancangan masa panjang sebab kalau dulu ditubuhkan tapak sisa pepejal di Semenyih dulu itu untuk *recycles* satu konsep yang baik. Apakah nak tutup atau berhentikan perjanjian itu apakah gantiannya, terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Sisa pepejal yang sebelum ini yang dihantar ke RDF adalah sisa pepejal domestik tetapi malangnya syarikat ini tidak mampu untuk melupuskan sisa pepejal yang dihantarkan oleh MPKj kepada tapak tersebut. Jadi selepas penutupan RDF ini, Kerajaan Negeri masih mengkaji beberapa cara yang baru ataupun mesra alam supaya tapak itu boleh digunakan sebagai satu tapak yang lebih sesuai untuk pelupusan sisa pepejal ataupun menjadi satu tapak *transit station* atau pun MRF ia satu teknologi yang baru Materialsumbangan untuk mengganti RDF yang lama ini.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYA KUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan Tambahan.

Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Minta maaf.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Yang Berhormat EXCO tidak menjawab yang sisa pepejal yang sepatutnya pergi ke Tanjung Dua Belas dibawa ke tempat yang di sisa pepejal untuk sisa pembinaan, *consctrution wefe*. Jadi apakah tindakan yang diambil kerana apa bila saya melawat nampak lecet itu Nampak masuk ke dalam sungai?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Yang Berhormat maksud tadi adalah satu tapak pelupusan untuk sisa pembinaan di kawasan Semenyih yang berhampiran dengan

Nirwana dan sebagainya. Perkara ini telah diadukan oleh penduduk tempatan dan juga Yang Berhormat dan MPKJ telah mengambil tindakan untuk menyaman kepada syarikat tersebut dan kompaun telah dikeluarkan kepada syarikat tersebut supaya tidak ada lagi sisa pepejal domestik dimasukkan kepada tapak pelupusan sisa pepejal di kawasan tersebut.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYA KUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:Terima kasih Speaker. Saya ingat soalan ini memang penting untuk seluruh negeri Selangor bukan saja di MPKJ. Saya nak minta EXCO ini adakah cadangan di negeri Selangor untuk masa depan negeri sudah buat ketetapan atau dalam kajian atau dalam cadangan untuk menengok kepada *incinerator* di dalam kawasan tertentu. Saya ingat kita kena *shift* daripada sisa pepejal yang kita akan tanamkan dan juga kajian-kajian lain dan nampaknya masalah sisa pepejal ini *domestic waste*, *garden waste* dan juga *construction waste* ini perlu kita ada satu kajian baru macam mana kita nak atasi masalah ini di dalam negeri Selangor.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:Terima kasih Seri Andalas. Baru-baru ini kerajaan telah membuat satu keputusan bahawa setiap PBT perlu menyediakan satu tapak untuk sisa pembinaan di setiap PBT ini salah satu pendekatan yang diambil oleh kerajaan negeri. Selain itu Kerajaan Negeri melalui UPEN sedang mengkaji beberapa opsyen yang saya sebut tadi bahawa beberapa opsyen iaitu MRF (*Material Recovery Facilities*), Biomass salah satu opsyen dan *incinerator* mungkin sebagai satu opsyen tapi sampai hari ini Kerajaan Negeri belum tentukan opsyennya yang mana satu yang akan digunakan oleh Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Maaf saudara EXCO kerana yang RM2 juta Kerajaan Negeri beri sebagai pinjaman kepada MPKJ untuk bagi kepada RDF. Kalau ditutup RDF apakah caranya untuk mendapatkan *recovery* balik untuk MPKJ.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:Pinjaman tersebut adalah untuk membantu MPKJ untuk menyelesaikan sisa pepejal yang dikumpulkan di kawasan tapak RDF. Tapi buat masa ini kerajaan tidak ada satu cara untuk MPKJ untuk nak bayar balik kepada Kerajaan Negeri. Tapi MPKJ boleh memohon kepada Kerajaan Negeri supaya bayaran ini dapat dijadikan sebagai satu geran ataupun kecualikan *interest* tersebut.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tuan Speaker, soalan no. 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK: PENJUALAN TANAH MILIK KERAJAAN NEGERI DAN ANAK SYARIKAT

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan tanah kerajaan negeri yang telah dijual sepanjang 2008 – 2015?
- b) Berapakah jumlah keseluruhan tanah anak syarikat kerajaan negeri yang dibangunkan secara usaha sama bersama pemaju sepanjang 2008 – 2015?
- c) Nyatakan keseluruhan hasil penjualan ini menyumbang ke arah pertambahan hasil rizab kerajaan negeri?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Yang ingin mengetahui tentang mekanisme penjualan tanah milik kerajaan negeri dan juga anak syarikat. Untuk makluman Yang Berhormat terdapat dua senario bagaimana tanah-tanah ini dapat memberikan pulangan kepada kerajaan negeri. Yang pertama, tanah-tanah Kerajaan Negeri dilupuskan di mana ia diproses oleh Pejabat Tanah dan Daerah dan penerima tanah tersebut termasuk individu akan dikenakan kadar premium bersesuaian dengan peraturan tanah Selangor. Kaedah yang kedua adalah tanah-tanah yang dianugerahkan kepada anak-anak syarikat kerajaan negeri akan diusahamakan bagi melihat penjana pulangan tunai untuk kerajaan negeri. Sepanjang tahun 2008 hingga tahun 2015 berdasarkan rekod yang diperolehi melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor tanah kerajaan negeri yang terlibat berjumlah 8000 ekar. Yang kedua mengikut jumlah rekod yang diperolehi daripada anak syarikat jumlah keseluruhan tanah anak-anak syarikat kerajaan negeri yang dibangunkan secara usaha sama dengan pemaju adalah dianggarkan sejumlah 7500 ekar dan mengikut rekod yang diperolehi melalui Perbendaharaan Negeri Selangor bahagian hasil, hasil premium yang diperolehi daripada urus niaga pembermilikan tanah kerajaan melalui kaedah pelupusan tanah dari tahun 2008-2014 adalah dianggarkan sekitar 1.1 bilion. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya ingin bertanya kepada Dato' Menteri Besar adakah Dato' Menteri Besar bersetuju bahawa sanya dengan pelupusan tanah milik kerajaan negeri ataupun diberikan kepada anak syarikat ini menyumbangkan hasil yang banyak kepada rizab Kerajaan Negeri di mana yang dimaklumkan bahawa 1.1 bilion yang dikumpulkan untuk setelah dilupuskan ataupun diberikan kepada anak syarikat seperti juga yang berlaku di tanah-tanah milik anak syarikat seperti tanah *canal city* dan sebagainya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Soalannya?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Setuju dia menyumbang dia menyumbang pada rizab yang besar untuk negeri Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Terima kasih Dengkil. Seperti Yang Berhormat Dengkil sedia maklum ketika saya menjawab soalan dalam sesi soal jawab baru-baru ini kumpulan wang amanah disatukan kerajaan negeri itu ada tiga komponen salah satunya adalah akaun hasil yang merangkumi hasil-hasil yang dikutip melalui aktiviti dan usaha sama yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Ada akaun hasil cukai seperti cukai tanah, hasil hutan, caruman parit dan sebagainya. Sudah tentulah bayaran premium untuk senario yang pertama saya nyatakan tadi ia akan masuk ke dalam akaun hasil yang merupakan salah satu komponen kumpulan wang yang disatukan negeri dan sekiranya ada lebihan wang dalam kumpulan wang disatukan baru dinamakan rizab kerajaan negeri. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing. Tidak hadir. Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker soalan no. 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : HORAS (HYBRID OFF RIVER AUGMENTATION SYSTEM)

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Fasa pertama (Kolam Takungan Fasa 1) dijangka siap Julai 2015. Nyatakan status terkini.

- b) Berapakah anggaran kos bagi projek ini?
- c) Berapakah keuntungan pasir yang diperolehi dengan projek ini?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih pada Lembah Jaya yang bertanya. Tuan Speaker, izinkan saya juga untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 116 (Sungai Burung). Berkenaan dengan projek HORAS izinkan saya untuk menerangkan dalam bentuk yang beberapa perkara antaranya adalah berkenaan status simpanan air mentah dan langkah-langkah yang telah pun diambil untuk meningkatkan sumber air mentah berkenaan dengan status projek HORAS itu sendiri. Sekarang ini kalau kita lihat di Selangor terdapat 7 empangan utama yang membekalkan air untuk tujuan bekalan air berbanding dengan tahun 2013 dan 2014 kerajaan negeri Selangor mendapati bahawa keadaan pembekalan air di Selangor pada waktu itu dalam keadaan terkawal dijangkakan dapat terus membekalkan bekalan air kepada pengguna tanpa sebarang catuan. Keyakinan Kerajaan Negeri Selangor ini adalah berdasarkan kepada keupayaan kerajaan negeri Selangor untuk menyediakan sumber bekalan air mentah yang mencukupi. Ini adalah berdasarkan kedudukan paras empangan di seluruh negeri Selangor setakat 23 Mac 2015 adalah di atas daripada paras kritikal seperti berikut dan untuk status terkini Ahli Dewan boleh merujuk kepada laman web LUAS itu sendiri. Bagi empangan Sungai Selangor misalnya peratus simpanan pada 23 Mac 2014 berada pada tahap 38.31% tapi pada tahun 2015 pada 23 Mac pada waktu yang sama berada pada tahap 70.29% ia berdasarkan paras empangan juga yang lain dengan keadaan yang begitu baik kita menjangkakan *Insyah-Allah* tidak akan berlakunya catuan. Penurunan paras empangan pada tahun 2013 sehingga menyebabkan catuan terpaksa dibuat adalah disebabkan keadaan cuaca panas yang luar biasa ditambah dengan pengurangan kadar hujan yang ketara dan kurangnya persediaan untuk menghadapi cuaca panas luar biasa tersebut. Keadaan cuaca panas luar biasa ini menyebabkan empangan menerima hujan yang sedikit sejak awal 2013 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Dan kalau kita lihat juga pada tahun ini cuaca tidaklah seteruk pada tahun 2013. Namun demikian kerajaan negeri Selangor telah mengambil langkah proaktif untuk mengatasi langkah penurunan berterusan paras-paras kedua-dua empangan yang membekalkan peratusan yang besar 60% kepada pembekalan air di Selangor iaitu Sungai Selangor dam dan Sungai Tinggi dam. Dengan kita mengepam air 800 juta liter sehari dari kolam-kolam di Bestari Jaya dan juga melaksanakan proses pembenihan awan. Bagi menghadapi musim kering 2015 kerajaan negeri Selangor telah membuat persediaan awal sejak November 2014 lagi dengan mengepam air dari sungai untuk memenuhi kolam-kolam takungan sedia ada. Melalui persediaan awal tersebut kerajaan negeri Selangor dapat mengawal pelepasan air dari empangan khususnya dari Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi di mana pelepasan air empangan hanya dibuat bermula 18 Februari 2015 pada tahun ini sahaja. Kerajaan negeri Selangor juga akan terus melaksanakan tindakan untuk memastikan kesinambungan bekalan air

serta kesediaan sumber air di empangan di antaranya seperti berikut. Melaksanakan operasi pembenihan awan (*cloud seeding*) yang membolehkan hujan turun di kawasan tadahan dan lembangan sungai menerus dan mengurus operasi pengepaman air dari kolam takungan di sekitar Bestari Jaya tanpa mengabaikan soal kualiti sumber air tersebut. Mengawal pelepasan air empangan bagi memastikan pelepasan diadakan seoptimum dengan mengambil kira sumber air sedia ada. Mengadakan kerjasama erat di antara agensi kerajaan negeri Selangor dan jabatan alam sekitar untuk memantau dan mengawal bagi mengelakkan berlakunya pencemaran sumber air dan penguatkuasaan yang tegas melalui pemantauan di sepanjang sungai yang terlibat pembekalan air mentah iaitu Sungai Selangor, Sungai Langat, Sungai Semenyih khususnya pada waktu cuti. Kerajaan negeri Selangor juga sedang melaksanakan tindakan-tindakan untuk kelangsungan bekalan air secara jangka masa panjang antaranya pengurangan kadar air terhasil ataupun *non revenue water* (NRW). Pada ketika ini kadar NRW adalah pada tahap 35% kerajaan negeri Selangor ini mahu kadar NRW ini dapat diturunkan pada tahap 25% dalam tempoh 5 tahun iaitu sehingga tahun 2020 selaras dengan perancangan penurunan NRW kebangsaan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Yang keduanya penyaluran air mentah Sungai Bernam kajian terperinci sedang giat dilaksanakan untuk memastikan sumber air dapat membantu memperkasakan lagi aliran air di Sungai Selangor dan yang ketiga pembangunan *off river storage* (ORS) di Sungai Semenyih dan Sungai Langat, membangunkan sumber air tambahan sebanyak 100 hingga 200 juta liter sehari di Sungai Semenyih dan Sungai Langat ini melalui sistem yang saya sebutkan tadi iaitu ORS. Berkenaan dengan projek HORAS *Hybrid off River Augmentation System, Hybrid off River Augmentation Storage* bermaksud sistem penakungan air larian *storm water* berkonsepkan *river storage* dan kolam takungan *collector well*. Berdasarkan kepada data-data limpahan air paras Bestari Jaya adalah didapati sumber *storm water* di Lembangan Sungai Selangor adalah mencukupi untuk ditakung ketika berlaku lebihan daripada penggunaan loji rawatan air yang terdapat di Sungai Selangor. Penggunaan HORAS ini dilaksanakan mengikut dua fasa. Yang pertama fasa HORAS 600 dan fasa kedua HORAS 3000. Bagi HORAS 600 dibangunkan di kawasan bekas lombong di kampung Sungai Darah Bestari Jaya Daerah Kuala Selangor membekal dan menyalurkan air mentah tambahan sebanyak 300 juta liter sehari bagi tujuan menambah kapasiti *overloading* loji rawatan air SSP1 dan 3. Komponen kerja utama yang akan dibangunkan bagi tujuan melaksanakan HORAS 600 adalah yang pertama pembinaan kolam utama dengan kemampuan *suitability* dengan untuk membekalkan jumlah kapasiti air mentah tambahan sebanyak 600 juta liter sehari. Walaupun kolam utama mampu membekalkan air mentah sebanyak 600 juta liter sehari namun jumlah yang diperlukan untuk menampung kapasiti *overloading* LRA SSP1 dan 3 khususnya musim kemarau atau lebih tepat lagi apabila aliran sungai sangat rendah adalah sebanyak 300 juta liter sehari. Pembinaan kolam Hang Tuah sebagai muka sauk *intake point* dan kolam penapis *filter point*. Dan ketiga pembinaan rumah pam baru dengan kapasiti pengepaman 300 juta liter sehari untuk keperluan *overloading* SSP 1 dan SSP 3. Terdapat lima loji rawatan air di

Lembangan Sungai Selangor yang pada ketika ini bergantung sepenuhnya pada pelepasan air mentah dari Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi dan aliran asas *reverse ways flow* air di Sungai Selangor. Jumlah air mentah yang diperlukan adalah sebanyak 3,000 juta liter sehari namun dengan siapnya projek mitigasi 2 sebanyak 300 juta liter air sehari air mentah tambahan diperlukan bagi tujuan menambah kapasiti *overloading* LRA SSP 1 dan 3. Justeru itu dengan adanya HORAS 600 yang berkemampuan untuk membekalkan jumlah kapasiti air mentah tambahan sebanyak 600 juta liter sehari. Berdasarkan kepada data-data

TUAN SPEAKER: Boleh ringkaskan Yang Berhormat Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Berdasarkan kepadamerujuk kepada pertanyaan ketika ini Kerajaan Negeri Selangor telah melantik Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan bagi tujuan pembinaan kolam takungan. Kerajaan Negeri Selangor telah membayar KSSB bagi kerja-kerja pengorekan yang dibuat sebaliknya nilai kerja tersebut di kontra dengan jumlah pasir yang akan dijual oleh KSSB. Kerja-kerja pengorekan oleh KSSB telah bermula semenjak 15 Mac 2014. Walaupun HORAS 600 belum siap sepenuhnya pada ketika ini bermula daripada bulan April 2014, HORAS 600 telah dapat membekalkan air mentah sebanyak 167 juta liter air sehari untuk dialihkan ke Sungai Selangor bagi meningkatkan paras aliran sungai dalam usaha untuk mengurangkan pelepasan air dari empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi.

Fasa pembangunan yang terlibat dalam projek HORAS 600 adalah seperti berikut :-

Fasa 1 Pakej 1 :

Kerja-kerja pengorekan kolam utama oleh KSSB telah bermula semenjak Mac 2014 dan kerja-kerja pengorekan ini dijadualkan siap separa Interim *Completion* Pembinaan Kolam Utama dijadualkan siap pada Jun 2016 dan kerja-kerja ditapak telah mencapai 40%.

Fasa 1 Pakej 2 :

Kerja-kerja membina cerun kolam dan *external works* pelantikan kontraktor akan dibuat pada bulan Mei 2015 dan kerja-kerja di bawah pakej ini dijadualkan siap pada bulan Ogos 2016 dan;

Fasa 1 Pakej 3 :

Pembinaan Kolam Hang Tuah masih dalam peringkat reka bentuk dan kerja-kerja ini dijadualkan sepenuhnya siap pada Ogos 2016.

Fasa 2 Pembinaan Rumah Pam pada ketika ini dalam proses reka bentuk dan kerja-kerja ini dijadualkan siap pada bulan Ogos 2016.

Manakala bagi HORAS 3,000 masih lagi dalam peringkat kajian perbandingan dan dari sudut kos yang terakhir sekali HORAS 600 adalah sebanyak 200 juta di mana sebanyak 100 juta adalah datangnya daripada hasil pasir yang diusahakan oleh KSSB dan bakinya adalah daripada peruntukan kerajaan negeri. Anggaran kos sebenar dapat ditentukan selepas pelantikan kontraktor bagi kerja-kerja yang disenaraikan di atas dibuat, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker, Ijok ingin bertanya kepada EXCO anggapan atau pun persepsi rakyat galian kita korek tanah untuk HORAS ini Selangor akan dapat sumber air mentah dari bawah tanah, ini betul ke tidak? Sebab ada satu ketika dulu diuar-uarkan sumber air dari bawah tanah akan memberi air kepada HORAS atau pun HORAS ialah salah satu empangan air yang macam biasa.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih pada Ijok yang bertanya, dari segi sumber airnya kita akan dapat daripada pelbagai sumber. Antaranya adalah daripada air tanah juga lebih daripada air sungai yang dialirkan masuk dan juga daripada air hujan, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Saya hendak tanya berapa *percentage* air bawah tanah akan memberi takungan dalam HORAS.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Dari sudut *percentage* jumlah air tanah yang akan keluar itu tidak ada dalam pengetahuan saya atau pun dalam maklumat saya mungkin kita boleh buat sedikit kajian untuk menghasilkan *percentage*. Tapi apa yang saya sebutkan tadi lebih penting adalah untuk kita memenuhi kolam takungan ini dengan air. Dan hasil daripada kajian kita banyak lebih air daripada sungai-sungai, khususnya Sungai Selangor sewaktu musim tengkujuh, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Sebagaimana sungai terdedah dengan pencemaran yang disengajakan sabotaj demikian juga boleh berlaku pada HORAS, apakah mekanisme dan jaminan yang sudah dirangka oleh kerajaan untuk memastikan tidak ada sabotaj.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ok terima kasih kepada Hulu Kelang yang bertanya, saya kira jawapan kepada soalan tersebut telah pun dijawab dalam soalan No. 5 berkenaan dengan pencemaran itu. Dan sekarang ini sebenarnya di peringkat negeri ada jawatankuasa yang memantau dari sudut supaya tidak berlakunya

pencemaran di sungai apatah lagi dalam konteks ini yang disebut sebagai unsur-unsur sabotaj itu, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Adakah Y.B. EXCO sangat pasti bahawa HORAS ada air di bawah tanah sebab apabila kita pergi melawat bawah tanah adalah kurang daripada 500, so saya hendak minta penjelasan Y.B. EXCO bahawa kenapa *so sure that is* bawah tanah. Yang kedua untuk kos yang jawapan Y.B. EXCO adakah Y.B. EXCO sangat pasti bahawa kerajaan negeri patut memberi 100 juta untuk memperuntukkan HORAS sebab apa yang saya dapat daripada penyata atau pun kita mendapati bahawa KSSB menyatakan bahawa HORAS akan membawa keuntungan kepada Kerajaan Negeri, adakah Y.B. EXCO pernah memastikan *confirmed your answered before your answer in the Dewan*.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Bagi soalan yang pertama tadi dari sudut air tanah itu memang dari sudut *possibility* dan kajian awal yang telah kita buat memang kita menjangkakan adanya air daripada tanah akan keluar dan kita lihat nanti bagaimana proses pengorekan kolam itu sepenuhnya nanti, kita *Insyah-Allah* menjangkakan adanya sumber air daripada tanah. Tapi seperti yang saya sebutkan tadi kita ada pelbagai sumber yang lain yang lebih penting untuk kita memastikan bahawa takungan itu dapat dipenuhi. Dan berkenaan dengan kos tadi itulah maklumat yang kita dapat yang saya sebutkan tadi bagaimana hasil daripada jualan pasir oleh KSSB mampu untuk meraih pendapatan sehingga RM100 juta dan selebihnya RM100 juta akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri, terima kasih.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Minta penjelasan, sebab apa yang kita dapat dari KSSB ialah kos keseluruhan projek RM120 juta apa yang kita akan dapat daripada penjualan pasir adalah RM162 juta, saya tak tahu kenapa kita ada angka yang berbeza daripada kerajaan negeri dan KSSB. Adakah persalahfahaman.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:Ok terima kasih kepada yang bertanya, kita akan semak dari sudut di mana katanya dari sudut kepastian jawapan itu, kita pasti di sana ada *flat situation* dengan izin dari sudut harga pasir, dari sudut market dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita akan menyemak kembali dari sudut jumlah keuntungan dari sudut pasir dan juga jumlah yang mana kerajaan negeri tanggung dalam projek HORAS ini.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan yang terakhir.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN:Boleh saya minta *the confirmation* secara bertulis dari kerajaan negeri apabila sudah *confirmed*, apakah ...

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ok terima kasih, saya akan sediakan.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan No. 59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : PINJAMAN KUMPULAN PERANGSANG BERHAD

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status pinjaman RM300 juta kepada Kumpulan Perangsang Berhad yang diberikan oleh kerajaan negeri?
- b) Apakah terma-terma pinjaman yang dikenakan kepada Kumpulan Perangsang Berhad?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:Yang Berhormat Speaker, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad tidak pernah menerima sebarang pinjaman daripada pihak kerajaan negeri, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KENAIKAN GAJI GURU KAFA

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kenaikan gaji sebanyak RM1,500 sebulan untuk guru-guru KAFA telah dilaksanakan?
- b) Apakah kenaikan gaji tersebut dinikmati oleh semua guru KAFA tanpa mengira tempoh perkhidmatan atau sebaliknya?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker, Sungai Air Tawar bertanya berkaitan kenaikan elaun guru KAFA. Kenaikan elaun guru KAFA sebanyak RM1,500.00 sebulan untuk guru KAFA belum lagi dilaksanakan. Kajian mengenainya telah siap seperti mana yang saya maklumkan sebelum ini dan kerajaan sedang meneliti cadangan dan syor-syor yang dikemukakan. Dan kita melihat justifikasi walaupun kita telah bercadang untuk memberikan sejumlah RM1,500 tapi kita melihat justifikasi atas pertimbangan 4 jam perkhidmatan guru-guru KAFA di sekolah-sekolah tempat mereka mengajar. Dan juga melihat jangka mereka memberikan perkhidmatan berkhidmat dalam perkhidmatan ini. Ada yang mungkin sifatnya kurang daripada setahun, ada yang lebih daripada 10 tahun dan sebagainya. Dan ada beberapa perkara-perkara di dalam justifikasi untuk pertimbangan kerajaan ini yang mana syor-syor ini akan kita bincangkan termasuklah kita hendak melihat juga pemerksaan guru KAFA itu sendiri daripada segi menambahkan nilai kebolehan untuk mengajar dan mendidik anak-anak kita. Dan beberapa perkara lain yang perlu kita putuskan sebelum kita membuat keputusan untuk menaikkan elaun RM1,500 ini, terima kasih.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Kita sedia maklum guru KAFA ini kekurangan guru dan kita melantik guru kontrak. Soalan saya adakah guru-guru kontrak ini, KAFA kontrak yang berstatus kontrak ini akan diserapkan terus ke jawatan tetap supaya mereka ini juga akan mendapat pinjaman, pembiayaan, cuti bersalin, cuti menunaikan haji dan lain-lain seperti guru tetap, terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Sistem pendidikan sekolah agama rendah yang ada di Selangor antara sistem yang terbaik kalau kita hendak bandingkan di negeri-negeri yang lain. Pun begitu dari segi perjawatannya adalah bergantung pada pihak persekutuan untuk membenarkan guru-guru tetap dilantik sebagai guru tetap sebab itulah, buat masa ini kita masih lagi meletakkan keperluan bergantung pada keperluan Sekolah-sekolah Pendidikan Islam ini kepada guru-guru yang kita lantik sebagai kontrak. Pun begitu usaha daripada Jabatan Agama Islam sendiri untuk mengemukakan cadangan ini daripada Kerajaan Pusat masih lagi berterusan cuma keputusan ini adalah di tangan kerajaan pusat, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan secara spesifiknya oleh sebab guru-guru KAFA ini merupakan guru-guru yang telah lama memberikan perkhidmatan kepada pembelajaran prasekolah, adakah Kerajaan Negeri menaik taraf kedudukan guru-

guru ini supaya dia dapat merasakan dan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik di samping, adakah Kerajaan Negeri akan memberikan kemudahan-kemudahan *facilities* pada guru-guru KAFA ini supaya kedudukan mereka walaupun mereka dapat pendapatan yang rendah atau gaji yang rendah, tapi mereka mendapat kemudahan-kemudahan yang membolehkan mereka dapat orang kata, kedudukannya tidaklah disebut sebagai orang yang daif atau pun apa ini, mereka yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Sungai Burong, bagi jawatan-jawatan kontrak ini sebenarnya kita terhad atau pun dari segi kemudahan-kemudahan kelayakan kemudahan untuk perkara-perkara yang lain kecuali kalau guru ini dilantik secara kontrak sudah tentu ada kemudahan-kemudahan yang lain. Walaupun kita sedia maklum keperluan atau pun guru-guru ini terlalu ramai, sebab itulah kekangan kita untuk menjadikan guru tetap adalah satu perkara yang saya kira agak besar walaupun sebelum ini kita galakkan guru-guru KAFA untuk meneruskan pengajian sama ada di satu tempat atau pun mereka mendapatkan diploma pendidikan. Tapi disebabkan oleh kekangan kita ini yang akhirnya selepas mereka tamat mendapatkan kelayakan diploma dan ada sebahagiannya ijazah kita tidak mempunyai kekuatan untuk menempatkan kerana sifatnya sebagai kontrak, guru kontrak. Sebab itulah akhirnya mereka terpaksa berhijrah ke negeri lain yang ada ruangan untuk mereka mendapat jawatan yang tetap. Dan usaha ini masih lagi diteruskan di peringkat pihak Kerajaan Negeri supaya akhirnya seperti mana yang dimaklumkan tadi kemudahan-kemudahan ini akan juga dirasakan oleh guru-guru yang mendidik anak-anak kita, terima kasih.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker, maksud saya penjelasan ini ialah supaya membolehkan supaya kedudukan dari segi kelayakan mereka itu diperbaiki. Adakah Kerajaan Negeri secara dalam perkhidmatan memberikan berkaitan secara khususnya menaikkan taraf kelayakan mereka dari segi akademik supaya membolehkan mereka dapat memberikan yang lebih baik walaupun mereka tidak mempunyai diploma tetapi mereka setara dari segi memberikan perkhidmatan mereka. Itu yang pertama, yang kedua dari segi *facilities*, itu belum dijawab.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya kira kerajaan negeri sentiasa melihat perkara-perkara ini dan kita perlulah membuat satu justifikasi yang terbaik untuk perkhidmatan mereka. Kita tidak bolehlah katakan, ialah isu kita hendak naikkan elaun dengan kadar masa mereka 4 jam di sekolah kalau kita hendak bandingkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain. Sudah tentu ada satu implikasi untuk kita lakukan supaya ia adalah seimbang dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Sebab itulah Kerajaan Negeri mengadakan kajian ini walaupun perkara ini dilihat sebagai isu yang terlalu kecil dengan kenaikan kepada RM1,500.00 tetapi kita perlu ada justifikasi yang terbaik. Jadi untuk makluman juga kita telah berikan elaun sebanyak RM200.00 kepada semua guru KAFA berjumlah

6,800guru yang mana impaknya dalam setahun hampir RM1 juta. Sebab itulah saya kira bila kita buat satu justifikasi ini sudah tentulah pertimbangan yang terbaik dengan nilai kewangan yang kita hendak belanjakan kepada mereka, terima kasih.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada kajian itu. Kajian itu bila kita boleh dapat tahu kedudukannya, tempoh kajian itu bila kita akan dapat tahu.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: *Insyah-Allah* kita akan putuskan dalam tahun ini sebab daripada segi peruntukan pun kita tidak peruntukan pada tahun ini, sebab penyediaan bajet kita pada ketika itu pun kita tidak tahu lagi kajian kita akan selesai dalam masa yang terdekat. Sebab itu secara ringkasnya peruntukan kita tidak peruntukan tahun ini tapi *Insyah-Allah* keputusannya kita akan putuskan pada tahun ini. Saya tidak dapat memberikan masa yang tepat sebab ini pun masih lagi di peringkat perbincangan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

IV. USUL

SETIAUSAHA DEWAN:Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah Ucapan Terima Kasih serta Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Saya mempersilakan pihak kerajaan atau pun pembawa usul untuk menyambung penjelasan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Seri Kembangan

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:Terima kasih kepada Tuan Speaker, dan saya meneruskan apa yang saya katakan pada Jumaat yang lalu. Langkah-langkah tentang beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri, kerana Kerajaan Negeri *serius* dalam isu pembersihan awam dan juga pemprosesan sampah. Antaranya adalah satu penubuhan Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Audit Luar, pengurusan sampah dan pembersihan awam ia akan ditubuhkan oleh setiap PBT dan akan dianggotai oleh Adun dan dipengerusikan oleh Adun. Senarai itu akan diumumkan selepas ia ditetapkan. (2) JKR akan bekerjasama dengan PBT dan juga akan melantik PBT sebagai agensi pelaksanaan pembersihan awam di jalan-jalan JKR, supaya semua ini akan diselaraskan bukan pada masa dulu bahawa jalan JKR, ada juga aduan kepada PBT dan ini semua akan dikendali oleh PBT pada masa hadapan (3) UPEN juga, pihak UPEN juga dalam proses untuk mengkaji balik skop kerja pembersihan awam penambahan akan dibuat penambahan skop akan dibuat disemua PBT supaya diseluruh negeri

pembersihan awam dapat ditingkatkan dan Kerajaan Negeri juga bercadang untuk membekalkan tong sampah kepada penduduk di seluruh Negeri Selangor secara berperingkat. Ini akan diumumkan oleh Menteri Besar selepas ditetapkan. (5) Saya ingin menjawab soalan atau pun cadangan daripada Hulu Kelang tentang pengasingan sampah. Kerajaan Negeri telah merancang dan projek perintis pengasingan sampah akan dilakukan pada tahun ini di beberapa kawasan yang terpilih, kawasan-kawasan akan diumumkan kelak nanti. Ini saya mungkin perlu kerjasama daripada Hulu Kelang supaya kita sama, kerjasama untuk menjayakan projek

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Speaker, adakah tempat-tempat itu sulit dan rahsia sehingga tidak boleh diumumkan dalam sidang dewan ini.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ini tak ada, perkara yang sulit hanya sekarang kita masih tunggu senarai daripada PBT satu tempat yang akan dipilih oleh PBT tersebut dan kita akan umumkan, tidak ada apa-apa yang sulit. Mengenai tentang isu pemilihan raya tempatan yang dibangkitkan oleh Bukit Gasing dan juga Semenyih saya mengatakan bahawa sebarang perubahan tentang cara pemilihan atau pun pelantikan Ahli Majlis perlu mendapat persetujuan di antara ketiga-tiga komponen parti. Pada masa ini Majlis Tertinggi Pakatan Rakyat masih belum membuat sebarang keputusan tentang isu ini. Dan saya juga ingin menjawab

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:Terima kasih, EXCO saya nampak sekarang banyak program yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri melalui EXCO masing-masing apa yang saya nak tahu ialah apa *time frame* nya sebelum dilaksanakan beberapa program ini *its just hanging in the airtime frame* kita tak kenal adakah sampai hujung tahun ini dan apakah tahun depan *do youhavetime frame* yang dikatakan ini akan dilaksanakan sebab sebagai jawatankuasa sisa pepejal yang lain di kawasan-kawasan itu, *time frame* dia apa?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Untuk pengetahuan Seri Andalas, Jawatankuasa Audit Luar ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan akan dilakukan dalam masa satu dua bulan nanti dan projek perintis tentang pengasingan sampah kertas kerja telah disediakan oleh pihak UPEN dan akan dimasukkan kepada untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan saya ingin meneruskan menjawab soalan daripada Kota Anggerik mengenai Taman Tasik Shah Alam. Pihak MBSA telah melaksanakan beberapa program untuk menaiktaraf kemudahan di dalam Taman Tasik Shah Alam 2013 dengan melaksanakan kerja-kerja pembinaan jambatan kayu di tepi Pusat Rekreasi Wet World, Taman Tasik Barat, iaitu sepanjang 230 meter dari jenis kayu cengal dengan kos RM416,508.00,

pada tahun 2014 MBSA telah melaksanakan projek pembinaan pagar sepanjang 1.2 km dengan kos sebanyak RM481,940.00 yang berfungsi sebagai kawalan keselamatan serta meningkatkan imej taman tasik tersebut dan juga pihak MBSA juga mengeluarkan sebut harga penggantian semula tong sampah di Taman Tasik Shah Alam dan taman-taman tasik awam yang lain yang dijangka siap pada masa 2015 dan pengawalan kualiti air Tasik Shah Alam masih diteruskan bagi memastikan tahap kualiti air Tasik Shah Alam sentiasa terkawal.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Sila

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Jawapan ini pernah dijawab oleh EXCO sebelum ini sama jawapan dia dan jawapan bertulis pun sama, saya berasa kualiti air tak nampak tindakan dibuat soal pagar itu, macam pagar Abu Nawas sebahagian di pagar sebahagian tak, jadi tasik ini perlu didalamkan sebab 90 tahun dia dah cetek saya cadangkan supaya usaha ini disegerakan dan bila tanya soalan lagi sekali dia akan sama.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Kota Anggerik, saya akan maklumkan dan juga mengarahkan MBSA supaya cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin, dan dengan menjawab soalan daripada Paya Jaras ia cadangan pembinaan kompleks di DUN Paya Jaras kompleks perniagaan pasar moden enam tingkat dengan kemudahan kedai dan juga tempat letak kereta di tingkat empat hingga lima, sebahagian Lot 1057, Paya Jaras Seksyen U19 Shah Alam, keluasan tapak bagi cadangan projek ini adalah seluas 1.94 ekar dan status pemilikan tanah adalah tanah Kerajaan Negeri. Pihak majlis dalam peringkat penyelarasan konsep dan reka bentuk bangunan dengan mengambil keperluan penduduk sekitar bagi tahun 2015 pihak majlis telah menyediakan peruntukan berjumlah 2juta bagi tujuan kerja-kerja awalan, iaitu konsep dan reka bentuk. Tentang isu kompleks padang bola sepak di Seksyen U19 Shah Alam, keluasan tapak bagi cadangan projek ini ialah seluas 6.91 ekar dan status pemilikan tanah adalah tanah Kerajaan Negeri, pihak majlis dalam peringkat penyelarasan konsep dan reka bentuk kompleks padang bola tersebut dengan mengambil kira keperluan penduduk sekitar. Pada tahun 2015 pihak majlis telah menyediakan peruntukan berjumlah RM600,00.00 bagi tujuan kerja-kerja awalan.

Dan satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Paya Jaras iaitu tentang peniaga-peniaga di Taman Ehsan diminta keluar daripada premis perniagaan untuk pembangunan tetapi peniaga tidak disediakan tempat untuk berniaga, untuk makluman Yang Berhormat Paya Jaras, MBSA telah mengeluarkan notis pada 31 Mac 2015 kepada semua peniaga untuk memohon premis MBSA yang masih kosong sebelum 30 April 2015 akan tetapi MBSA akan mencari jalan terbaik untuk menyelesaikan isu ini supaya satu penempatan yang baru boleh sediakan untuk penjaja yang terlibat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Mohon penjelasan

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ya, sila

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya memohon maaf kerana saya ingin berbalik sedikit kepada satu isu yang penting yang telah pun disebut tentang Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di mana saya telah membangkitkan bahawa isu ini disebutkan dalam Manifesto Pakatan Rakyat dan terdapat juga titah ucapan daripada Tuanku bahawa Kerajaan perlu menunaikan segala janji-janji dalam Manifesto. Jadi soalan saya adalah Yang Berhormat dan barisan EXCO sedar tentang perkara ini dan juga apakah usaha-usaha yang akan dilakukan supaya janji ini akan menjadi satu realiti sekurang-kurangnya di Selangor pada sebelum penggal kita tamat pada tahun 2018.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Kampung Tunku, saya tadi saya memperjelaskan bahawa isu ini perlu diputuskan di dalam Majlis Tertinggi Pakatan Rakyat selagi Majlis Tertinggi Pakatan Rakyat tidak memutuskan jadi Kerajaan Negeri masih tidak boleh melaksanakan lagi. Sila Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Yang Berhormat EXCO saya, terima kasih kepada jawapan yang diberikan peniaga-peniaga di Taman Ehsan dan bermaksud mereka adakah ini jaminan daripada Kerajaan maka bahawa mereka boleh terus kekal meniaga sehingga satu tapak baru disediakan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Paya Jaras, Kerajaan Negeri perlu mengambil sikap prihatin terhadap penjaja-penjaja industri itu kita perlu memastikan bahawa penempatan yang baru perlu disediakan sebelum premis yang lama dirobohkan.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Boleh saya celahkan, Yang Berhormat EXCO, saya teruja kerana Y.B. EXCO telah menyatakan akan membekalkan tong sampah untuk penduduk. Saya nak Tanya adakah Kerajaan akan memastikan PBT itu mempunyai cukup dana kewangan atau ada satu tabung khas untuk memastikan kebersihan awam ini boleh dijayakan kerana di tempat Selat Kelang ini tong sampah yang sedia ada pun pecah dan masih tidak digantikan oleh MPK, jadi saya nak kepastian daripada Andalus pun dah senyum mungkin dia pun ada juga *kot*, saya nak kepastian daripada Yang Berhormat EXCO Kerajaan nak bagi yang baru yang sedia ada perlu ini bukan di rumah orang di tepi jalan, tempat-tempat awam pun tak boleh nak digantikan jadi saya minta

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Yang Berhormat Selat Kelang, tadi saya katakan bahawa Kerajaan Negeri masih dalam proses merancang dan kita kena pastikan peruntukkan yang cukup disalurkan kepada PBT barulah kita akan membekalkan tong sampah ini kepada penduduk Negeri Selangor secara

berperingkat. Saya ingin juga menjawab isu yang dibangkitkan oleh Seri Andalas mengenai tentang kegiatan minum minuman keras di taman-taman awam dan penguatkuasaan ke atas ini dalam bidang kuasa yang diperuntukkan kepada PBT tiada peruntukkan khas ke atas penguatkuasaan aktiviti minum minuman keras di taman-taman awam, walau bagaimanapun bagi mengatasi aktiviti atau kelakuan minum minuman keras di taman-taman awam pihak majlis melaksanakan tindakan pengusiran dan mengarahkan sesiapa jua mengunjungi taman-taman awam yang minum minuman keras sehingga boleh menyebabkan kelakuan tidak senonoh, tidak sopan, akibat daripada minuman tersebut.

Pengunjung itu boleh diusir dan diarahkan meninggalkan kawasan taman-taman awam selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil 9(1) Undang-undang Kecil Taman MPK 2005.

TUAN SPEAKER: Seri Kembangan, Seri Andalas minta, sila.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih, saya terima baik apa yang dicadangkan oleh EXCO tentang undang-undang yang ada atau pun Sub-klausa yang ada di dalam undang-undang tempatan tetapi saya ingat kita kena sampai masanya kita kena adakan satu undang-undang yang khususnya untuk minuman-minuman di luar yang *public drinking* di dalam kawasan-kawasan awam. Baru-baru ini di Singapura kita dapat ada satu kejadian yang besar dan dalam tempoh satu tahun sahaja Singapura telah melaksanakan satu undang-undang yang di mana mereka terhadkan penjualan arak pada masa dan di dalam kawasan juga dan undang-undang ini pun telah mengadakan jatuhnya kesalahan ke atas yang mereka yang akan buat demikian besar USD10,000 atau pun penjara dan sebagainya kalau ikut dua tiga kali sebagainya. Saya ingat kita kena berani lah di dalam perkara ini untuk menunjukkan keberanian bahawa kita memang ada masalah besar di dalam kawasan dan kita kena buat sesuatu, undang-undang ini saya ingat kena ambil diambil berat dan kena dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagai satu undang-undang di seluruh kawasan negeri dan dianjurkan kepada majlis tempatan-majlis tempatan yang lepas itu boleh membuat tugas nya untuk atas undang-undang ini kalau EXCO nak apa-apa bantuan saya sedia untuk bagi bantuan kepada EXCO atas isu ini sebab saya ada sedikit apa itu *history* dibelakang bukan sahaja di Singapura tetapi di Australia dan di Kanada dan juga di Amerika Syarikat sendiri di mana *Public Drinking is not allowed, thank you.*

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Saya ucapkan terima kasih kepada Seri Andalas kerana beliau memang agak *worker* dalam isu ini dan saya setuju bahawa satu kawalan yang diperlukan oleh kerajaan negeri ataupun *british fire* supaya dalam taman-taman awam tidak dibenarkan minum, minuman arak. Dan saya juga akan minta pandangan daripada Seri andalas jikalau kita perlu apa-apa informasi daripada ya Y.B. dan saya juga ingin menjawab satu isu lagi dibangkitkan oleh

Andalas iaitu cadangan ya, cadangan persempadanan semula kawasan pentadbiran MPK kepada dua pihak berkuasa tempatan. Pada masa ini MPK..

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:Pohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Saya ingin menyatakan tentang apa yang dibangkitkan oleh Y.B. Seri Andalas tadi. Saya rasa masalah ini bukannya , bukan sahaja undang-undang, sebenarnya saya rasa masalah dengan PBT adalah penguatkuasaan. Ada kelemahan dari segi penguatkuasaan. Bukan disebabkan mereka tidak dapat melaksanakan kerja tetapi keselamatan mereka juga diancam. Saya difahamkan, ketua penguat kuasa baru saja diancam. Saya rasa ini satu perkara yang sangat serius kerana pihak polis sangat kurang bekerjasama dengan PBT. Selalunya kalau ada isu berkenaan dengan isu jenayah, minta polis saya rasa sangat kuranglah kerjasama yang telah diberikan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Soalan nya Y.B.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:Soalan saya adalah, selain daripada untuk menguatkan dari segi undang-undang apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk, untuk menambah baik penguatkuasaan dari segi menjaga keselamatan pegawai-pegawai penguatkuasaan dengan lebih baik. Contohnya memberi pistol kepada, membenarkan pegawai tertentu diberikan pistol ataupun cara yang lain. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:Terima kasih kepada Pandamaran dan isu ini, kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan memang suka kita kerjasama dengan pihak polis untuk menjaga keselamatan atau mencerahkan isu-isu yang mengenai kacau gangguan di taman-taman dan sebagainya tapi malangnya seperti apa yang dikatakan oleh Pandamaran ada sesetengah kes memang kita susah dapatlah kerjasama daripada pihak Polis tapi tak apa kita akan mempertingkatkan penguatkuasaan dengan tenaga kerja yang sedia ada dan juga kita juga ada perancangan untuk menambah tenaga kerja ataupun pegawai-pegawai penguatkuasaan di peringkat PBT.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Seri Andalas minta, banyak pula Seri Andalas pagi ini.

Y.B. TUAN DR.XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM:Tak ada. Saya memang keliru sikit. Kalau katakan keselamatan ahi penguat kuasa ini kita akan jaga memang kita akan jaga, tapi adakah kita sebagai satu Kerajaan Negeri akan, sebab ada ugutan dan selain daripada kumpulan-kumpulan ini kita tidak akan buat kerja

kita. Saya ingat sebagai satu kerajaan dan juga penguatkuasaan di dalam mana-mana agensi, saya ingat AKTA dia dan juga kekuatan ialah di dalam tangan kita. Kita mesti berani untuk melaksanakan sesuatu. Kalau ada masalah dia, memang ada jawatan polis lah. Polis kena jawab, polis kena bersama dengan kita di dalam kes ini.

TIMBALAN TUAN SPEAKER: Y.B. Soalan. Itu cadangan ke soalan tu.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM: Tak ada. Saya nak bagi cadangan sebab ini penting untuk kita laksanakan.

TIMBALAN TUAN SPEAKER: Ok. Sila.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ya saya setuju dengan Seri Andalas walau bagaimanapun, ada tekanan, ada ugutan daripada pihak yang tertentu, PBT akan juga terus melaksanakan tugas kita dan satu lagi isu yang tadi saya telah menyatakan iaitu satu isu daripada seri Andalas tentang isu persempadanan semula kawasan pentadbiran MPK kepada 2 pihak berkuasa tempatan. Pada masa ini MPK tiada cadangan untuk persempadanan semula kawasan pentadbiran kepada 2 PBT dan pihak kerajaan negeri juga sehingga kini belum ada sebarang keputusan untuk MPK membuat kajian semula persempadanan MPK kepada 2 PBT.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM: Soalan.

TIMBALAN TUAN SPEAKER: Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM: Saya bawa isu ini sebab saya nampak Klang ini menjadi satu kawasan besar. Contohnya ialah *540 square miles*, besarnya kawasan. Dan proses perkembangan kawasan ini dalam tempoh 15, 10 tahun ini menjadi 2 ganda, dan besar lagi, ada *development on going, development* yang besar di dalam kawasan. Soalan saya ialah adakah Majlis Perbandaran Klang sanggup untuk menjaga keseluruhan kawasan Klang ini dengan anggota yang mereka ada sekarang. Kalau katakan tidak ada cadangan untuk pecahkan MPK kepada Utara dan Selatan dan sebagainya, apa cadangan negeri untuk memperkembangkan kerja tenaga yang ada di dalam Majlis Perbandaran Klang sekarang.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Seri Andalas, memang ada kelemahan yang, di dalam pentadbiran MPK tapi saya mengambil maklum tentang cadangan daripada pihak Seri Andalas supaya adakah kita nak menjadikan MPK sebagai 2 kawasan pentadbiran ataupun kita meningkatkan tenaga kerja di MPK tersebut dan saya akan minta UPEN untuk mengkaji semula tentang isu ini. Tentang satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Andalas iaitu tentang along ya, *banner Along*. Pada umumnya isu pemasangan *banner* along di Klang adalah banyak dan perlu

penambahbaikan dari aspek pemantauan. Majlis telah mengambil tindakan penurunan *banner* ataupun iklan along di sekitar kawasan Klang sebanyak 1981 sitaan bagi tahun 2014. Pihak Majlis telah berjaya membuat 4 penahanan terhadap perilaku kesalahan yang sedang memasang iklan along di sekitar kawasan Persiaran Raja Muda Musa. 4 kompaun telah dikeluarkan kepada syarikat ataupun pemilik iklan peminjam. Bagi tahun 2015 sebanyak 7186 sitaan telah dilaksanakan. Satu penahanan telah berjaya dilaksanakan di bandar Bukit tinggi dan satu kompaun telah dikeluarkan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR AL ARULANANDAM:Terima kasih kepada EXCO. Saya memang gembiralah ya, yang papan tanda yang telah, *banner-banner* yang telah dikeluarkan dan saya pun terima kasih pada MPK sebab dia bagi saya jawapan semua yang saya ucap di dalam dewan ini lengkap. Saya tak tau jawapan ini sudah hantar kepada EXCO, belum hantar kepada EXCO tetapi sudah hantar kepada saya. Saya nampak kita belanja juga banyak untuk beri kesan dan sebagainya tetapi soalan saya di dalam dewan ini ialah pada waktu itu walaupun kita belanja, bajet yang besar untuk turunkan ini semua dan juga pembersihan dan sebagainya, *value for money* ada ke tiada yang kita buat perbelanjaan itu di dalam kawasan. Belanjaan itu satu isu yang besar tetapi ada kesan perbelanjaan itu tak, *every scene* kita buat *survey* atau apa yang kita belanja itu, ada kesan yang dibawa tak. Itu yang soalan saya, bukan soalan saya berapa kita belanja dan apa yang kita telah lakukan. Saya faham kita telah lakukan banyak dan belanja juga tetapi perbelanjaan itu adakah ia kesan dibawa, *isn't value for money, isn't been, isn't functional* tak yang kita belanja di bawah, itu saja. Dan lagi satu saya memang bawa perkara ini sebab Klang ialah bandar diraja, satu nama yang besar untuk negeri Selangor ya, so along-along poster ini memang banyak sekali di dalam semua kawasan saya nampak. So kita kena ada satu jawapan untuk *banner-banner* along ini ya.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Boleh mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Sila-sila.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:Saya juga ingin mencelah sebab saya dapati jawapan daripada Y.B. EXCO adalah kebanyakannya apa ni *banner-banner* haram, along ini kebanyakannya digantung di jalan-jalan besar. Tapi sebenarnya dalam taman-taman sendiri serabut, ya serabut seolah-olah jadi hiasan. Dan papan-papan tanda juga ditepek-tepekan dengan poster-poster ini. Jadi saya ingat, apa ni EXCO juga perlu mengambil berat tentang keceriaan dan juga isu yang menyesak mata disebabkan *banner-banner* along ini.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Batu Tiga dengan Seri Andalas. Saya, saya juga berpendapat bahawa isu ini memang seriuslah khususnya di kawasan pekan dan bandar bahawa along ini memang mereka *target* ya,

peminjam mereka di kawasan bandar dan pekan. Saya juga akan, mengarahkan kepada semua PBT supaya satu pasukan khas penguatkuasaan ditubuhkan khususnya ya, untuk menangani isu tentang *banner*, *banner* dan stiker along ini. Dan walaupun kita telah mengeluarkan bajet untuk menurunkan banyak iklan dan *banner* along tapi sampai hari ini masih kita nampak ada banyak tempat dan juga jalan masih ada *banner-banner* tersebut. Dan saya juga ingin menjawab isu tentang keselamatan yang dibangkitkan oleh Damansara Utama. Majlis Bandar raya Petaling Jaya telah memperoleh kuasa Polis bantuan pada 7 Januari 2015. Walau bagaimanapun jumlah perjawatan yang diluluskan adalah seramai 30 orang berbanding cadangan asal 100 orang bagi saringan pertama dan 50 orang bagi peringkat saringan kedua. Skop tugas polis bantuan oleh MBPJ adalah terhad dan melibatkan kawasan bangunan pejabat di Menara MBPJ dan mahkamah *Miniciple* sahaja. Cadangan asal permohonan untuk melaksanakan rondaan keselamatan di kawasan penduduk tidak diluluskan oleh pihak polis. Dan untuk maklumat pada ketika ini kebanyakan PBT telah mengadakan kerjasama dengan pihak PDRM dari segi mengadakan rondaan bersama bagi mencegah kejadian jenayah seperti pecah rumah, contohnya di MBSA menetapkan rondaan bersama dijalankan dengan nisbah 2 anggota PDRM, 2 anggota penguatkuasa PBT bagi memastikan keselamatan awam dan penduduk setempat. Dan saya juga terima baik, sambutan baik cadangan daripada Damansara Utama iaitu untuk meningkatkan pegawai penguatkuasaan supaya lebih banyak penguatkuasaan dapat dikeluarkan oleh PBT untuk sama-sama membuat rondaan ya, di kawasan operasi perbandaran tersebut. Dan saya juga ingin menjawab soalan daripada Semenyih tentang projek-projek bangunan yang dilaksanakan tanpa kebenaran merancang . untuk makluman projek pembangunan di batu 3, Jalan Bangi dan Taman seri tanjung telah mendapat kelulusan merancang dan pelan infrastruktur dari Majlis Perbandaran Kajang. Projek batu 3 Jalan Bangi terletak di atas lot 18370 Mukim Semenyih seluar 448.61ekar dimiliki oleh UEM Land berhad. Kelulusan kebenaran merancang telah diluluskan bagi pembangunan bercampur melalui surat bertarikh 13 Disember 2013 dan kelulusan pelan infrastruktur fasa 1 telah diluluskan oleh jabatan kejuruteraan MPKj pada tahun 24 Februari 2015. Projek taman seri tanjung terletak di atas Lot 2465 Mukim Semenyih seluas 17ekar dimiliki oleh Berkat Unit Sdn Bhd dan dibangunkan oleh the Cluver Development Sdn Bhd. Kelulusan kebenaran merancang telah diluluskan bagi permohonan kediaman melalui surat kelulusan bertarikh 31 Disember 2010 dan kelulusan pelan infrastruktur telah diluluskan oleh Jabatan Kejuruteraan MPKj pada 11 November 2013. Kerja tanah berdekatan dengan kampung Nasabade adalah tidak mendapat kelulusan kebenaran merancang dan pelan infrastruktur. Walau bagaimanapun Jabatan Kejuruteraan telah mengeluarkan *stok walk order* bertarikh 12 Februari 2015 kepada pemilik tanah dan kerja pembaikan telah dilakukan. Pihak MPKj akan terus memantau agar tidak ada kerja-kerja tanah dilakukan tanpa kelulusan. Dan saya juga ingin jawab soalan daripada Sekinchan, Sekinchan, kerajaan negeri setakat ini, setakat 31 Mac 2015 telah meluluskan sebanyak 9 pra projek kecil dengan jumlah keseluruhannya 655,600.00. Untuk makluman sebelum satu projek diluluskan, kerajaan negeri melalui Unit

Perancang Ekonomi akan menjalankan semakan secara terperinci bagi setiap butiran kerja yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa tempatan ataupun pejabat daerah. Selain itu, UPEN juga akan menjalankan lawatan tapak bersama pelaksanaan projek bagi memastikan projek kecil di Kg. Baru yang dipohon menepati keperluan dan syarat untuk melaksanakan seperti status tanah, kesesuaian projek dan sebagainya. Dan saya juga ingin menjawab soalan-soalan, lagi satu soalan daripada Paya Jaras tentang masalah aliran trafik di kawasan Wangsa Permai. Untuk makluman Yang Berhormat, dia ada premis yang didirikan di atas tapak cadangan Jalan Wangsa Permai 3/4 ke Jalan IDA 1. Walau bagaimanapun, mengikut maklum balas daripada MPS, cadangan pembinaan jalan pintas daripada Jalan Wangsa Maju 34 ke Jalan IDA 1 adalah tidak bersesuaian kerana :

- 1) Perbezaan aras tanah sementara Jalan Permai 3/4 di Jalan IDA 1 sejauh 4 meter iaitu terlalu tinggi untuk pembinaan RAM.
- 2) Jalan Permai 3/4 selebar 7 meter dan sempit untuk dijadikan sebagai jalan utama.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Tambahan Yang Berhormat EXCO. Adakah prinsipnya bila tidak bersesuaian kita benarkan premis haram itu berada di situ?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Saya rasa walau dalam apa-apa keadaan pun, semua premis perlu kelulusan daripada PBT. Jadi, premis haram tidak dibenarkan. Dan..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sri Kembangan, banyak lagi ke?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ada sikit lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ramai tunggu tu.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ini, isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian. Saya juga ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kinrara. Di antara konsep dan fungsi pasukan *in-house* iaitu pekerja dalaman, ya, PBT untuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Ini adalah menjalankan kerja-kerja *ad-hoc* serta membantu di dalam kerja-kerja pengurusan, bencana contohnya memotong pokok yang tumbang, mengambil tindakan segera aduan berkaitan sampah haram, pembersihan lot-lot dan rumah-rumah kosong serta penghantaran tong-tong di majlis, gerai dapat dilaksanakan segera dan pantas oleh pasukan ini. Selain itu, pasukan ini juga berfungsi sebagai *back-up*, segera, bagi kawasan bermasalah seperti gangguan kutipan sampah akibat lori rosak tidak mengikut jadual kutipan serta bertindak berdasarkan aduan awam. Secara

umumnya, antara faktor-faktor yang menjadi penghalang kekangan untuk pelaksanaan konsep *in-house* adalah perjawatan ataupun tenaga kerja yang tidak cukup, kos pembelian peralatan ataupun kawasan operasi yang luas.

Dan saya juga ingin menjawab beberapa soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Lembah Jaya. Ya, Lembah Jaya. Tentang gerai, pembangunan luar bandar, di Jalan Tasik Taman 1. Terdapat 11 unit gerai PLB di tapak yang mana 6 peniaga adalah peniaga warganegara manakala 5 bukan warganegara. Gerai tersebut telah dibina di atas rizab jalan JKR. MPAJ telah mengemukakan cadangan kepada pihak UPEN untuk meroboh dan membina semula gerai-gerai PLB tersebut. Pihak MPAJ akan mengambil tindakan tegas ke atas para peniaga bukan warganegara tersebut. Dan juga gerai yang dibina di atas tapak parkir di hadapan Puteri Park Plaza, Taman Putera. Terdapat 26 unit gerai di tapak dengan 20 orang peniaga. Bangunan gerai tersebut dibina sendiri oleh peniaga dan beroperasi di tapak sebelum penubuhan MPAJ. MPAJ ada mengeluarkan lesen penjaja dan caj pembersihan dengan kadar RM180 setahun bagi setiap gerai. MPAJ ada menerima maklumat bahawa terdapat individu yang mengutip sewa daripada peniaga atas alasan beliau yang telah membina bangunan tersebut dahulu.

Tiga (3) isu tentang penjaja di laluan masuk utama ke Taman Ampang Saujana dari arah *Look Out Point*. Notis pernah dikeluarkan dan tindakan telah diambil terhadap 18 penjaja yang menjalankan perniagaan di lokasi tersebut pada tahun 2013. Penutupan berjaya dilakukan selama 1 minggu sahaja kerana pihak MPAJ telah menerima daripada penjaja dengan sokongan Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan. Rentetan..

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Mencilah.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ya, silakan.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Maknanya, kalau orang politik masuk campur tangan maknanya benda yang tak boleh dijadikan boleh, begitu ke?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Bukan, sekarang ni saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat tentang status yang terbaru. Belum lagi. Sekarang. MPAJ akan mengeluarkan notis untuk mengosongkan tapak dan menjalankan kerja-kerja pembersihan walaupun ada surat sokongan daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Begini ya, saya minta apa jua, cari satu jalan penyelesaian yang baik. Mereka itu peniaga, kalau kita roboh, mereka akan datang ke pejabat Adun juga, pergi ke pejabat Parlimen juga. Cumanya, masalahnya, apa..telah melangkai undang-undang yang terlalu lebih, di mana berniaga betul-betul di atas tapak jalan raya sedangkan itu, tersebut adalah laluan utama bagi penduduk Ampang Saujana Elite dan juga penduduk-penduduk flat di

situ. Jadi, saya harap kerajaan ambil penyelesaian dengan cara yang baik dengan menyediakan tapak ataupun yang paling penting jangan benarkan. Saya, yang paling saya tak suka ialah orang yang bukan warganegara pun ada di situ terkini. Itu saya rasa perlu dibendunglah, maknanya kita kecilkan peniaga itu, jangan makin lama makin besar.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ya, saya setuju apa pandangan daripada Yang Berhormat bahawa:

- 1) Iaitu ADUN perlu terlibat dalam isu pemindahan penjaja tersebut.
- 2) Secara prinsipnya, tidak boleh ada apa-apa bangunan ataupun premis di atas tanah Rejab jalan di mana-mana tempat pun termasuk di kawasan Ampang Jaya

Tentang isu dewan muhibah di Jalan Permai D, Kg Tasik Tambahan..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, Sri Andalas minta untuk bertanya.

Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih. Saya memang ambil perhatian tentang gerai-gerai di dalam kawasan-kawasan semua tempat. Keperluan gerai-gerai ini, saya ingat di semua tempat Yang Berhormat ada keperluannya. Adakah kerajaan ada cadangan untuk membina gerai-gerai di dalam kawasan-kawasan untuk memberikan satu peluang kepada peniaga-peniaga kecil untuk bangunkan diri sendiri mereka. Bukan sahaja gerai-gerai ini untuk tempat makan tetapi untuk jual barang-barang yang telah katakan '*home made products*' untuk mereka jual di dalam kawasan-kawasan ini. Boleh kerajaan adakan satu ketetapan atau cadangan sebab kalau saya minta kepada Majlis, Majlis kata tidak peruntukan, tidak cukup peruntukan. Bolehkah negeri bawa perkara ini sebagai satu projek di dalam negeri dan bagi peruntukan untuk pembinaan gerai ini di dalam kawasan?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Sri Andalas. Saya secara peribadi, saya tidak ada isu tentang, untuk membina gerai yang baru, premis yang baru untuk penjaja-penjaja kecil ini. Kalau Yang Berhormat ada cadangan dan maklum balas daripada pihak MPK mengatakan bahawa tiada peruntukan, Yang Berhormat boleh ya, mengemukakan cadangan kepada saya dan saya akan cuba untuk bagikan peruntukan untuk bangunkan gerai-gerai tersebut di tempat yang sesuai, ya, tempat yang sesuai.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih ya Tuan Speaker. Cuma saya nak mencadangkan begini kepada Yang Berhormat EXCO, terlalu banyak isu-isu setempat oleh ADUN-ADUN berhubung kait dengan gerai-gerai dan saya dapati isu di Lembah Jaya ataupun di Andalas tidak sama antara satu sama lain. Boleh tak kita cadangkan, ada pertemuan antara Adun dengan Yang Berhormat EXCO dan adakan satu *standard modus operandi* tentang bagaimana kita nak kendalikan gerai-gerai kecil di tempat masing-masing.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Boleh tiada masalah. Selepas sesi dewan kita akan aturkan. Tentang dewan muhibah di Jalan Permai di Kg. Tasik Tambahan. Pihak MPAJ akan menilai dan menyemak status tanah tersebut sekiranya sesuai, MPAJ akan memohon ke Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk diwartakan sebagai dewan orang ramai. Dan tentang isu tunggakan bil di flat Sri Nilam, pihak pengurusan JMB telah mengemukakan cadangan pembayaran secara ansuran mengikut kedudukan kewangan semasa JMB dan Yang Berhormat Ahli Parlimen. Kawasan tersebut turut terlibat dalam rundingan. Sekiranya pihak TNB bersetuju dengan cadangan ansuran, maka pihak JMB akan membincangkan tentang isu pengecualian *penalties* 1% dengan TNB.

Isu cerun di belakang Bukit Sg. Seputih. MPAJ ambil maklum terhadap isu cerun di lokasi tersebut yang mana ia adalah rizab hutan. Anggaran kos bagi kerja-kerja pengukuhan kekal adalah sebanyak RM11 juta. Pihak MPAJ telah mempunyai komitmen bayaran pinjaman sebanyak RM30 juta dengan pihak kerajaan negeri. Dan tidak mampu untuk menambah nilai pinjaman lagi. Isu ini perlu kita bincang dengan secara *detail* supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan cepat kerana isu ini memang serius dan Kerajaan Negeri memang memandangi isu ini satu isu yang perlu diselesaikan dengan segera.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Sila.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Ok. Apa..tadi Yang Berhormat EXCO mengatakan bahawa akan diberi perhatian sebab benda ini saya rasa dah lama sebab saya rasa dah lebih 3 tahun tak berjalan sebab itu saya bawa dalam persidangan dewan kali ini. Agak-agak bila nak diadakan perbincangan tersebut? Sebab ini serius. Saya bila berlaku hujan lebat ni, saya dah bimbanglah, mereka takut tanah itu runtuh. Kalau runtuh, makna sebelum ni runtuh di Bukit Antarabangsa. Bukit Antarabangsa ni dia berkembar dengan Lembah Jaya, hah jadi 2 beradik lah. Saya takut nanti Lembah Jaya pula kena. Jadi saya harap kena ambil tindakan seriuslah.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Boleh. Saya akan sendiri, akan *follow up* tentang isu ini. Tentang tapak sekolah di Lembah Maju, MPAJ akan memberi bantuan logistik kepada Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk mengosongkan tapak. Setelah Pejabat Tanah dan Daerah selesai mengeluarkan

notis pengosongan kepada semua pengusaha perniagaan. Banjir kilat di Pandan Glades. Kerja-kerja pengukuran di tapak telah dijalankan oleh pihak MPAJ. Sedang dalam penyediaan spesifik kerja. Anggaran kos adalah RM400,000 yang mana pelaksanaan dijangka bermula Mei 2015. Sekian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, sikit lagi Sri Andalas minta tu.

Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih atas isu banjir ini. Bukan sahaja di mana tadi? Meru ya? Tapi di kawasan Klang ini, kita sentiasa ada masalah banjir. So, saya minta ya, untuk EXCO ambil berat tentang isu ini dan penglibatan PBT di dalam isu ini sentiasa kena adakan dan saya mintalah, peruntukan-peruntukan akan disalurkan kepada PBT-PBT berkenaan untuk atasi soalan banjir di dalam bandar, saya tak berapa pasti dengan luar bandar tetapi dalam bandar ini kita kena adakan satu pelan tegas dalam tempoh 5 tahun, mana atasi masalah banjir sebab macam mana saya katakan, kita tidak boleh jawab kepada penduduk bahawa hujan turun 35mm dan hujan turun 90mm sebab itu kawasan *you* banjir. Saya ingat, itu bukan jawapan ya. Kita mesti ada satu pelan tindakan untuk atasi masalah ini di dalam kawasan masing-masing. Lagi satu ialah, kita kena faham bahawa beberapa kawasan taman-taman penduduk ini dia telah dibina 30 tahun sebelum ini ataupun 40 tahun sebelum ini dan keadaan sekarang tak sama dengan keadaan dulu. So kita kena buat kajian apa masalah dia sekarang di dalam kawasan itu dan atasi masalah ini dengan infrastruktur yang ada itu kita kena belanja sikit untuk mengatasi masalah ataupun *improve the infrastructure* kepada keadaan yang ada sekarang. Saya minta EXCO untuk lihat perkara ini, bukan sahaja katakan Klang, kawasan Meru pun ada, lain-lain kawasan pun ada banjir kilat ini yang sering kerap sekarang dan saya harap EXCO akan ambil tindakan selanjutnya.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Ya. Saya ambil maklum tentang isu yang dibangkitkan. Isu banjir yang dibangkitkan oleh Seri Andalas kerana isu banjir ini ia bukan melibatkan PBT sahaja tapi ia juga melibat pihak JKR dan JPS. Dan baru-baru ini Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan satu Jawatankuasa *Task Force* Banjir. *Task Force* ini akan menyediakan pelan bagaimana kita nak mencegah isu banjir di seluruh Negeri Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dipersilakan Y.B. Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada satu dua perkara yang ingin saya umumkan kepada Dewan yang mulia ini. Pertamanya adalah soalan daripada Kuala Kubu Baharu yang menanyakan adakah pewartaan sungai di Negeri Selangor sebagai Zon Perlindungan telah dijalankan?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Sungai Selangor iaitu di bawah kategori sungai utama sepanjang 140 km telah diwartakan, Warta Negeri Nombor 3190 pada

tarikh 31 Julai 2014. Terdapat juga sungai-sungai yang dalam proses pewartaan di peringkat semakan JUPEM Selangor untuk penerbitan Pelan Warta Akhir. Satu sungai utama iaitu Sungai Langat, tiga anak sungai utama iaitu Sungai Semenyih, Sungai Sembah dan Sungai Damansara dan 41 anak sungai. Sungai-sungai yang dalam proses pewartaan di peringkat penyediaan pelan ukur yang akan yang jangka akan disiap 18 Mei 2015 dan akan dikemukakan kepada JUPEM untuk penyediaan Pelan Warta Akhir. Terdapat empat sungai utama iaitu Sungai Tenggi, Sungai Buloh, Sungai Sepang dan Sungai Klang. Terdapat juga 80 anak sungai utama yang merangkumi anak sungai utama di kawasan ataupun yang diliputi oleh Sungai Selangor dan juga Sungai Langat. Soalan juga dibangkitkan..

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Pencilahan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Kuala Kubu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Saya nak tanya kepada Y.B. EXCO sama ada semasa proses pewartaan itu, adakah terdapat anak sungai ke sungai utama yang mana sebahagian tanah sebahagian daripada sungai tersebut adalah hak milik tanah individu yang lain?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Di sepanjang Sungai Selangor, memang ada satu dua kawasan yang pada awalnya adalah hak milik individu. Tapi kerana kita ingin menjaga kawasan ataupun memelihara kawasan tersebut beberapa tahun yang lalu Kerajaan Negeri telah mengambil alih dengan izin, *Acquired* tanah-tanah tebing sungai tersebut khasnya di Sungai Selangor.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Minta penjelasan lagi. Adakah sungai yang diwartakan itu ialah sungai sahaja ataupun termasuk tebing ataupun termasuk rizab sungai dan rizab sungai itu adakah kita mengikut enakmen LUAS iaitu bukan lagi satu rantai iaitu 2.5 rantai ataupun kita ikut JPS iaitu satu rantai saja.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Sekarang kita guna meter. Pewartaan ini melibatkan rizab sungai iaitu 50 meter kiri dan 50 meter kanan dari tebing sungai bagi kesemua kategori sungai yang akan yang bakal diwartakan. Boleh saya teruskan? Y.B. Sekinchan juga telah memohon dalam Dewan yang mulia ini untuk menerbitkan risalah khas untuk Sekinchan sebagai satu tapak pelancongan yang amat masyhur di Negeri Selangor dan juga di seluruh negara.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB) selaku badan pelancongan rasmi Negeri Selangor sebenarnya tidak membuat risalah khas untuk satu tempat saja tapi kita menerbitkan maklumat tentang tapak-tapak pelancongan di seluruh daerah. Jadi, selama ini kita telah ada risalah ataupun

maklumat di peringkat daerah. Kita ada Sembilan daerah maka kita ada maklumat berkenaan semua tapak-tapak pelancongan di peringkat daerah. Untuk Sekinchan, Negeri Selangor telah adakan beberapa siri promosi dalam negeri sebagai contohnya dengan izin, *Tourism Selangor Day Out* dan *Familiarization Tour* ataupun *Farm Tour* dengan penglibatan pelancong, *blogger* dan juga pengamal media sosial dari dalam serta luar negara untuk melihat dan merasai sendiri keunikan produk pelancongan khususnya di Sekinchan dan juga secara am di Negeri Selangor.

Baru-baru ini pada 9 sehingga 12 Mac yang lalu, pihak TSSB bersama Tourism Malaysia telah mengadakan siri promosi *Farm Tour, Make it Malaysia, China Market* yang turut disertai oleh 20 orang pengamal media dari Negara China untuk melawat kawasan dan produk pelancongan di sekitar Negeri Selangor termasuk di kawasan DUN Sekinchan. Hasil lawatan tersebut, Kerajaan Negeri telah menerima maklumbalas yang amat baik dan memberangsangkan apabila peserta-peserta *Farm Tour* dari Negara China tersebut dilihat sangat teruja dan seronok di sepanjang lawatan di sekitar pekan Sekinchan. Dengan melihat sendiri keistimewaan produk Sekinchan, keindahan sawah padi, keenakan kuih-kuih tempatan yang saya tidak dapat rasai masa itu dan khasiat produk berasaskan sarang burung. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dan TSSB sedang merangka satu pakej pelancongan yang lengkap untuk mengangkat DUN Sekinchan sebagai sebuah produk pelancongan yang mempunyai keistimewaan dan keunikan terutama dalam bidang pertanian dan perikanan bersekali dengan produk-produk pelancongan sedia ada di Sekinchan seperti padang Pantai Redang dan Kampung Nelayan. Pada masa yang sama, semasa kita promosikan Sekinchan kita juga perlu menambah bahawa di daerah Sabak Bernam terdapat juga banyak lagi tapak-tapak pelancongan yang boleh dengan izin, *attached itself* dengan DUN Sekinchan sebagai contohnya dekat DUN Sabak, Sungai Air Tawar dan juga beberapa kawasan lagi. So, semasa kita bawa media ataupun pengamal media sosial kita juga memberi fokus ke beberapa tapak-tapak pelancongan di utara DUN Sekinchan. Kita jangan sahaja promosi Sekinchan tetapi kita perlu menikmati keistimewaan Sabak Bernam secara keseluruhannya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta sikit. Terima kasih Tuan Speaker. Berkenaan dengan Tourism Selangor yang banyak membantu mempromosikan industri pelancongan di Negeri Selangor. Tapi dalam konteks menerbitkan buku panduan pelancongan ataupun risalah di setengah-setengah kawasan seperti di Sekinchan tiada amalan sedemikian. Tapi saya minta Y.B. Exco pendekatan dahulu yang tidak ada kaedah sedemikian tidak bermakna zaman globalisasi ini teknologi maklumat ini tiada keperluan kerana memandangkan kalau setiap daerah atau ada kawasan-kawasan yang tertentu dia memang *hot spot* sebagai destinasi tarikan pelancongan sewajarnya ia boleh dipertimbangkan satu kaedah yang lebih komprehensif lebih baru boleh digunakan bagi sokongan. Yang keduanya, Sekinchan juga ada Sekinchan Travel F atas inisiatif Pejabat Perkhidmatan saya dan bantuan-bantuan daripada perniagaan. Saya berharap pihak kerajaan dapat memberi sokongan dari

segi dana pada setiap tahun untuk penyenggaraan Sekinchan Travel F untuk abad ini. Sekian terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Sekinchan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah memberi dana *Seat Fund* untuk aplikasi *mobile phone* 'Visit Sekinchan'. Saya rasa dengan *Seat Fund* itu dan juga kebolehan pemandu-pemandu dan juga pihak pelancongan di Sekinchan saya rasa mereka ada cukup sumber untuk menyelenggarakan aplikasi tersebut. Jadi, dana *Seat Fund* kita boleh sokong dan kita telah sokong. Keduanya, walaupun kita tidak menerbitkan risalah tetapi kita juga telah mengiklankan di beberapa majalah khususnya majalah yang mempromosikan perniagaan di Sabak Bernam ataupun mempromosikan Sekinchan di luar negara dalam Bahasa Cina khas ada beberapa muka surat yang menceritakan keindahan dan juga aktiviti pelancongan di Sekinchan. Itu juga satu cara Kerajaan Negeri membantu mempromosikan Sekinchan. Ketiganya, saya memang setuju juga dengan Y.B. Sekinchan bahawa sekarang adalah dunia yang amat global. Dunia amat global sekarang mereka tidak bergantung kepada risalah secara fizikal dan mungkin Y.B. Sekinchan belum dimaklumkan tetapi ada banyak laman web sekarang yang memaparkan Sekinchan dan juga Sabak Bernam dan juga beberapa tapak lain di Negeri Selangor sebagai dengan izin, *A Go To Place* sebagai contohnya ada dua artikel. Saya pun, bila saya baca saya pun rasa sangat bangga. Dua artikel awal tahun ini. Di satu *website* yang amat popular yang dipanggil *hungrygowhere.com* di mana Sekinchan selain daripada memaparkan maklumat tentang *souvenir* (cenderamata) yang boleh dibeli di Sekinchan mereka juga menunjukkan di mana kawasan restoran dan juga tapak-tapak pelancongan yang unik di Sekinchan. Jadi ini adalah satu arena yang berlainan. Sekarang kita biasanya orang tak baca lagi buku, katalog dan sebagainya tapi kita bergantung kepada laman web. Juga ada satu laman web yang dipanggil *recom.am.com* di mana ada ianya memaparkan 19 tapak pelancongan yang terindah di Malaysia di mana fotografi perkahwinan boleh diambil. Sekinchan bukan dapat sebutan sekali saja tapi dua kali dalam artikel tersebut. Jadi, saya ingin syorkan kepada Y.B. Sekinchan kita cuba menerajui di laman web yang lain di mana kita boleh mempromosikan Sekinchan dan juga tapak-tapak yang lain di Negeri Selangor supaya kita boleh menaikkan lagi profil tapak-tapak pelancongan di Negeri Selangor dan jangan kita selalu bergantung kepada risalah, *handbook* dan sebagainya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya Hulu Kelang. Sila.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Y.B. Exco menceritakan tentang *blog*. Kalau di antara lokasi penting di Selangor yang dipromosikan oleh *blogger* yang bebas bukan kerajaan adalah Bukit Tabur dan Permatang Kuartza dan beberapa lokasi di Sungai Kampung Kemensah. Jadi, bilakah akan dibangunkan tempat-tempat tersebut sebagai satu pusat pelancongan bertaraf dunia di Selangor?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Untuk Bukit Tabur dan juga Permatang Kuartza sepertimana yang saya telah maklumkan semasa sidang Dewan yang lepas, kita sekarang dalam proses untuk mendapat dengan izin *National Heritage Status* (Status Warisan Negara) daripada pihak Kementerian. Semua *paper work* telah dihantar dan kita hanya menunggu masa dan juga ulasan daripada Kementerian dan juga Jabatan Warisan Negara. Untuk Bukit Kemensah, setakat ini kita juga sedang kaji. Walau bagaimanapun, kita ada beberapa insiden yang amat tidak diingini di kawasan Permatang Kuartza dan juga Bukit Tabur. Dan pada masa ini, kita masih meneliti dan juga kita cuba mengetatkan pelancong-pelancong yang ingin pergi ke kawasan-kawasan yang ada sedikit merbahaya. Biasanya, baru-baru ini dua minggu yang lalu ada seorang saya rasa pelajar yang terjatuh dan juga sesat semasa mendaki Bukit Tabur, kalau saya tak silap. Dan perkara ini kita amat tidak ingini dan kita sedang mengkaji macam mana kita boleh menjadikan pengalaman di Bukit Tabur dan juga berdekatan dengan Permatang Kuartza lebih selamat untuk pengunjung-pengunjung dimasa depan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan. Saya amat tertarik dengan cadangan atau apa yang dikatakan oleh Y.B. EXCO bahawa *blogger* dan digital adalah *where you market* so boleh saya minta penjelasan dari Y.B. EXCO bahawa apakah digital *strategy you have for tourism marketing in Selangor?* Apakah peruntukan yang diperuntukkan untuk iklan *online*? Di manakah adakah *search engine optimization been done?* Adakah kita ada peruntukan untuk *facebook, apps* dan lain-lain dan adakah kita sebab *Hungry Go Where, I think the website hit is not very high so is actually not very, I would say* bukan blog yang sangat-sangat terkenal so apakah strategi kita untuk dapatkan Trip Advisor, Lonely Planet dan lain-lain. Apakah strategi?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Damansara Utama. Damansara Utama suka menanya *very detail questions*. Sebenarnya kita ada peruntukan khas untuk media sosial termasuk iklan-iklan *online* dan juga digital *marketing* dan ataupun *marketing* melalui sosial media memang ada satu strategi cuma untuk dewan yang mulia ini saya tidak dapat memberi butiran tersebut saya akan hantar pada petang ini kepada Yang Berhormat supaya perkara yang ditanyakan boleh dimaksudkan. Untuk makluman Yang Berhormat Damansara Utama untuk Trip Advisor *this is actually you know it's something by what you call it recommendation that 's one thing*. Dan selain daripada itu Lonely Planet ia penerbitan Lonely Planet ini mereka menghantar seorang wartawan yang datang ke Malaysia setiap tahun dan mereka juga selalu menanya apakah tapak-tapak pelancongan yang baru di Negeri Selangor jadi saya kita ada hubungan yang agak baik dengan pihak Lonely Planet. Buat sementara ini bila wartawan datang ke Malaysia dan juga di Kuala Lumpur ataupun Selangor kita selalu ada perbincangan dengan pihak tersebut. Adakah ianya boleh diterjemahkan kepada dengan izin *online presents*. Itu adalah satu perkara yang saya rasa Tourism Selangor perlu dan

jua meneliti dengan lebih mendalam kerana setakat ini bukan sahaja di Negeri Selangor tapi kebiasaannya kalau kita lihat badan promosi yang konvensional. Ianya menggunakan *conventional methods* walhal kalau kita lihat digital melalui aplikasi *mobile* melalui *websnotebook* dan sebagainya ia lebih meluaskan. Sebenarnya lebih murah dibandingkan dengan pengiklanan ataupun promosi yang konservatif.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Minta mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Paya Jaras dahulu.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Ya, saya nak tanya soalan yang tidak *detail* kepada Yang Berhormat EXCO. Saya dapati jawapan-jawapan Yang Berhormat semuanya menjurus kepada pelancongan, *tourism* ataupun tarikan daya kepada tempat-tempat di Negeri Selangor termasuk perbincangan tentang publisiti. Saya nak bertanya adakah perancangan daripada Selangor untuk mengadakan satu *event* yang besar sebagaimana Langkawi buat. Maknanya tidak tertumpu kepada tempat warisan, National Heritage dan sebagainya. Contoh kita mengadakan daya tarikan melalui penganjuran *paint ball* yang saya dengar rata-rata di peringkat di negara barat menjadi tarikan dari negara-negara Asia dan boleh mendatangkan keuntungan. Apakah kita bersedia menganjurkan sebagai sebegitu?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Paya Jaras. Untuk penganjuran-penganjuran aktiviti besar Kerajaan Negeri menyokong apa yang kita panggil 11 aktiviti utama untuk pelancongan di Negeri Selangor. Baru-baru ini yang baru habis adalah Malaysian Marathon jadi di peringkat nasional kita ada dengan izin *on the look up the national events* yang boleh mengharumkan nama Negeri Selangor. Contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Paya Jaras tentang *paint ball* kita boleh kaji tapi bukan untuk tahun ini kerana kebiasaannya adalah aktiviti-aktiviti diutamakan dirancang sebelum belanjawan di bentangkan di dalam dewan so *we actually have rough idea what kind activities that we want to do* dan *what activities that we want promote* dengan izin. Pada masa yang sama kita juga menyokong banyak aktiviti ataupun *event* di peringkat PBT so sebagai contohnya kalau di MBPJ kita menyokong satu aktiviti yang dijalankan untuk beberapa tahun sebagai contohnya *International Powerbook Race*. Aktiviti seperti tersebut ianya perlu memenuhi beberapa syarat. Satu adalah keunikannya, keistimewaannya dan juga terdapat pelancong-pelancong ataupun penyertaan daripada luar negara so ada dekat Selayang pun kita ada sokong dekat ada satu program di Tasik Kundang di Sepang pun ada kita cuba *we try to be fair to all* PBT yang ada program cadangan program yang baik untuk menaikkan aktiviti ataupun pelancongan di Negeri Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sudah habis ke belum Bukit Lanjan? Habis dah?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya persilakan yang seterusnya Taman Templer, sila.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Timbalan Speaker dan Ahli Dewan, rakan-rakan yang saya kasihi sekalian. Terdapat ramai juga di kalangan Ahli Dewan yang menyentuh berkenaan dengan infrastruktur. Saya mulakan berkenaan dengan masalah banjir yang banyak dibangkitkan dan sebahagiannya juga telah pun disentuh oleh rakan saya Y.B. EXCO PBT. Dari sudut statistik kita lihat bagaimana dalam tempoh 10 tahun 2004 hingga 2014 terdapat lebih kurang 1,028 kejadian banjir yang melibatkan 357 kawasan. Ini satu jumlah yang sangat besar dan pada tahun 2014 sahaja sebanyak 116 insiden banjir melibatkan 92 kawasan. Dan pada 2015 sehingga Mac sahaja sebanyak 27 insiden banjir dan melibatkan 24 kawasan. Ini satu statistik yang cukup membimbangkan kita dan sudah pastilah satu tindakan yang lebih progresif perlu diambil. Seperti mana yang disebut oleh sahabat saya EXCO tadi berkenaan dengan atas inilah sebenarnya kita dalam sidang yang lepas juga ramai di kalangan rakan-rakan Ahli Dewan mencadangkan supaya diadakan satu *task force* dan Alhamdulillah dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri yang lepas telahpun meluluskan untuk penubuhan sebuah *Task Force* Tebatan Banjir. *Task Force* Tebatan Banjir ini untuk melihat secara yang lebih komprehensif bagaimanakah untuk mengatasi permasalahan banjir seperti mana yang saya sebutkan tadi khususnya banjir kilat yang mempunyai statistik yang begitu besar. Dan di antara fungsi *task force* ini adalah untuk merangka dan merancang secara holistik ke arah penyelesaian banjir secara bersepadu dan mampan melalui penyelarasan penglibatan pelbagai agensi. Untuk pengetahuan Sidang Dewan sekalian, antara jawatankuasa yang dilibatkan, saya sendiri sebagai Pengerusi dan Yang Berhormat EXCO Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar sebagai ahli, begitu juga dengan Yang Berhormat EXCO Jawatankuasa Tetap Tempatan sebagai ahli. Selain daripada itu ahli-ahlinya juga terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai Unit Perancang Ekonomi, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Pengairan dan Saliran, Pengarah Perancang Bandar dan Desa, Lembaga Urus Air Selangor, Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Pengarah Jabatan Perhutanan, Pegawai-pegawai Daerah, Datuk Bandar atau Yang Dipertua Majlis, Setiausaha Unit Bencana Negeri dan urus setianya adalah merupakan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri. Dikumpulkan semua agensi-agensi ini termasuk EXCO-EXCO yang terlibat supaya kita mengambil satu tindakan yang bersepadu. Sebelum daripada ini bila berlaku banjir kebanyakan kita akan melihat yang pertama sekali kepada JPS walhal faktor ataupun punca berlakunya banjir itu melibatkan banyak pihak dan banyak faktor-faktor yang lain. Jawatankuasa ini akan beroperasi dengan tugas yang saya boleh landaskan pelaksanaannya kepada 6P. Yang pertamanya dari sudut penyelarasan maklumat. Bagaimana nanti jawatankuasa ini akan mengumpul dan menyelaraskan semua maklumat dan data serta rekod daripada semua jabatan untuk mewujudkan satu *database* dan *inventory* yang lengkap meliputi rekod-rekod banjir

yang lepas, lokasi kawasan banjir, kekerapan, kedalaman begitu juga dengan bilangan hujan yang mampu ditampung begitu juga dengan faktor-faktor persekitaran yang lain termasuklah juga sama ada di sana sudah ada ataupun tidak projek-projek tebatan banjir sama ada sudah siap dilaksanakan dalam proses, ataupun dalam rancangan akan datang. Jadi penyelarasan maklumat ini penting supaya tindakan yang akan kita ambil nanti bukan setakat kita maknanya *fighting issues* yang bersifat *local* sahaja walhal punca banjir ialah berada di tempat-tempat yang lain.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan ya. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Yang Berhormat EXCO, dengan penubuhan *Task force* Penebatan Banjir adakah pertama kali wujudnya satu usaha untuk mewujudkan peningkatan bersepadu dalam perancangan penebatan banjir. Kedua saya ingin bertanya adakah Perancang Bandar dan Desa terlibat dalam *task force* dan kebanyakan dalam agensi itu siapa yang *real expert* dengan izin dalam bidang banjir.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya pun nak tanya soalan yang *similar*. So *task force* sudah tubuhkan berapa mesyuarat telah dibuat. *So sebelum you tell me all your rules how many meetings you have been done?* Dan apakah yang dapat dari situ dan apakah *we can see?*

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Dan saya juga nak tambah sikit tentang *task force* ini apakah diwujudkan di peringkat Negeri sahaja atau di peringkat daerah ataupun di peringkat PBT?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Dalam *task force* ini juga Ahli Dewan Negeri akan dilibatkan dari masa ke masa atas jemputan. Bila dalam mesyuarat *task force* ini nanti kita akan fokus kepada beberapa isu dan kita tahu bagaimana di sepanjang sidang dewan pada hari ini juga pada penggal-penggal yang lepas banyak dibangkitkan rasa mungkin ketidakpuasan hati ataupun banyak ruang yang boleh lagi dipertingkatkan oleh Ahli Dewan maka dalam *Task Force* ini akan dijemput Ahli-Ahli Dewan di atas jemputan berdasarkan kepada isu-isu yang dibangkitkan dan Hulu Klang tadi saya kira Jabatan Perancangan Bandar dan Desa juga ada dalam jawatankuasa ini ataupun *expert source* nya saya boleh katakan bagaimana semuanya ada di sini. Agensi-agensinya amat mereka mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang mereka yang tersendiri.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik tak habis lagi, bagi habis dahulu.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Dari sudut mesyuarat kita sebenarnya *task force* yang lengkap kita telah melakukan baru sekali di samping mesyuarat-

mesyuarat kecil yang lain. Mesyuarat kita pada pertama lebih kepada bagaimana untuk kita menyepadukan dan tindakan. Kajang pernah membangkitkan dari sudut bagaimana perkara-perkara, halangan-halangan dalam parit yang dihabarkan bagaimana agensi-agensi ini *pointing fingers* saling tunjuk-menunjuk di antara satu sama lain. Jadi dengan jawatankuasa inilah kita akan memastikan bagaimana tidak akan ada berlaku lagi perihal yang sedemikian. Dan

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta penjelasan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tak habis lagi. Bagi habis dahulu.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Apa soalan yang seterusnya tadi berkaitan dengan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya tanya tentang apa ni saya pun lupa soalan saya tentang apakah diwujudkan tentang *taskforce* ini di peringkat DUN, negeri ataupun di peringkat Pejabat Daerah.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ok sebelum saya jawab soalan itu saya ingat soalan yang lain. Berkenaan ini adakah ini kali pertama diadakan. Sebelum ini agensi-agensi saya percaya di sana ada kuorum-kuorum tertentu yang mereka boleh duduk bincang dan menyelaras tetapi mungkin tidak secara *directive* oleh EXCO-EXCO tertentu dan tidak ada satu jawatankuasa khusus sebegini dan kita yakin dan percaya dengan adanya *task force* ini kita mampu duduk bincang dan fokus pada satu-satu permasalahan atau isu yang berbangkit.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Boleh mencelah sedikit?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Belum, belum habis lagi. Sebelum itu, Damansara Utama membangkitkan dari sudut mungkin *target* kita. Sekarang ini, kita masih lagi dalam, sebelum ini pun berbincang dengan pihakurus setia. Sebab sekarang ini kalau kita melihatkan kepada tahun 2014, sebenarnya kita ada 92 kawasan sahaja. Di sana juga sebenarnya sudah ada projek-projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan dan adanya sebahagiannya juga akan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11. Jadi kita tengah *work out* dari sudut *percentage*. Bagaimanakah untuk kita mengurangkan jumlah 92 kawasan ini dan yang paling penting adalah dari sudut kita tidak mahu lagi mewujudkan kawasan-kawasan yang baru yang kemungkinan akan berlakunya banjir.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan. Kalau kita lihat tadi kekerapan berlaku banjir, jumlah banjir di negeri Selangor. Apakah persediaan

Kerajaan Negeri dari segi aset-aset yang boleh digunakan untuk membantu mangsa-mangsa banjir? Pengalaman saya bila berlaku banjir di Dengkil, saya turun tidak ada satu kenderaan yang boleh bawa kita masuk ke kawasan banjir. Jadi soalan saya, apakah persediaan Kerajaan seandainya berlaku *worst scenario* seperti di Kelantan. Apakah persediaan Kerajaan Negeri?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Kota Anggerik yang bertanya. *Task Force* tebatan banjir ini kita fokus kepada tebatan banjir dari sudut perancangan *long term* dan *short term*, dengan izin. Sewaktu banjir itu kita akan membantu dari sudut maklumat kepada Unit Bencana yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri itu sendiri. Itu dari sudut semasa banjir. *Task Force* ini akan melihat sebelum berlakunya banjir, selepas banjir dari sudut perancangan dan ...

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan saya ialah apakah persediaan Kerajaan Negeri dari segi aset-aset yang boleh digunakan membantu ketika banjir?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ya, soalan difahami. Itu saya sebutkan tadi sewaktu banjir itu akan dikendalikan oleh Unit Bencana.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Sudah pasti aset dibeli sebelum banjir. Kalau dah banjir tak boleh buat apa.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Aset menghadapi semasa banjirkan? Semasa banjir itu di bawah Unit Bencana. Kita lebih kepada tebatan banjir, Kota Anggerik ya. Kemudian dari sudut yang keduanya, dari sudut penilaian dan perancangan. Yang tadi dari sudut penjelasan maklumat. Maknanya kita ada satu *centralised database* tentang banjir. Kalau kita kata di Selangor ini di mana tempatnya, apa sebabnya, puncanya dan sebagainya. Semua akan kita tahu melalui kita akan buat data *collection*, penyelarasan *database* dalam P yang pertama iaitu penyelarasan maklumat.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta penjelasan?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Teratai, Teratai dahulu.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Ya. Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Nampaknya satu perancangan komprehensif yang sedang dirancang oleh Y.B. EXCO. Jadi tadi Y.B. EXCO katakan ada satu *database* yang mana ada termasuk lokasi. Adakah *database* ini akan dikongsi bersama atau pun didedahkan kepada orang awam? Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Teratai. Itu satu cadangan yang sangat bagus dan memang pun dalam perancangan kita secara khususnya

adalah kepada ahli-ahli Dewan itu sendiri, selain kita akan juga *publishkan* kepada orang awam mengikut maklumat-maklumat yang kita rasakan sesuai. Seterusnya yang kedua dari sudut penilaian dan perancangan.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Y.B. Seri Andalas minta untuk bertanya. Silakan. Seri Andalas, tanyalah tapi jangan bagi lama sangat.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih, Speaker pun tegur pula. Soalan banjir ini saya ingat lama kita telah bincang. Saya terima baik dengan adakan satu jawatankuasa khas yang akan nampakkan keseluruhan banjir di dalam negeri Selangor tetapi kalau tanya pakar-pakar yang ada di sana, kertas-kertas kerja itu sudah ada pun. Kalau tanya tentang Klang sahaja, JPS minta RM1.2 *billion* kalau tak silap saya untuk atasi masalah banjir keseluruhannya. Saya tahu, saya faham akan permasalahannya tetapi soalan saya ialah bolehkah Kerajaan Negeri dengan jawatankuasa yang ditetapkan, dengan maklumat yang akan didapati oleh ADUN-ADUN di tempat masing-masing ini adakan satu ketetapan di dalam tempoh beberapa bulan yang akan datang untuk kita atasi masalah banjir di dalam kawasan-kawasan. Tak payah belanja dalam RM1.2 *billion*. Saya tadi dalam ucapan saya, saya minta Menteri Besar RM100 *million* sahaja untuk atasi masalah ini di seluruh negeri Selangor. Dibelanjakan, katakan RM2 juta di kawasan Meru, atau RM3 juta di kawasan Sri Muda, di Dengkil RM3 juta. Macam itu sahaja. Kalau kita belanjakan macam itu tiap-tiap tahun dalam 5 tahun, kita boleh adakan, tiap-tiap tahun kalau katakan RM2, RM3 juta di dalam kawasan masing-masing, kita boleh atasi masalah. Saya memang takutlah dengan perkembangan JPS dan selama-lama ini. Saya tak lihat di mana mereka ada *improvement* di atas isu banjir ini di dalam negeri Selangor. Lagi satu soalan ialah berapakah caruman yang disimpan oleh JPS untuk caruman parit itu sekarang? Berapa nilai yang disimpan itu?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Seri Andalas. Itulah saya sebutkan tadi bagaimana bila persoalan banjir kita hanya melihat kepada JPS sahaja dan JPS dia akan fokus kepada sudut mungkin perparitan. Dalam masa yang sama, pembangunan berjalan. Dalam masa yang sama, mungkin penerokaan tanah berlaku. Dalam masa yang sama, mungkin kerja-kerja tanah yang lain juga dijalankan. Sebab itulah satu jawatankuasa ini supaya kita melihat cara untuk kita menangani permasalahan banjir ini secara yang komprehensif. Izinkan saya untuk habiskan dahulu berkenaan dengan skop atau pun pelaksanaan 6P ini supaya kita lebih faham dan saya sebenarnya mengalu-alukan sangat pandangan-pandangan, buah fikiran di kalangan ahli Dewan supaya kita mengemaskini sebab kita tahu bahawa persoalan banjir ini adalah persoalan yang telah pun berlarutan sekian lama. Jadi kita mesti ada satu perkara yang baru, yang kita boleh buat dan memberikan harapan, *Insyah-Allah* kepada kita semua untuk menangani permasalahan ini.

Pertama tadi dari sudut penyelarasan maklumat. Kita nak biar ada satu *One Stop Centre* yang ada satu *database* yang lengkap tentang banjir. Yang keduanya, berkenaan dengan penilaian dan juga perancangan. Menganalisa dan menilai laporan serta rekod banjir untuk mengenal pasti sebab-sebab dan punca banjir serta langkah-langkah penyelesaian meliputi jangka pendek dan jangka panjang yang akan dicadangkan untuk diambil tindakan oleh agensi yang berkaitan. *Hot spot* kawasan banjir akan disenaraikan mengikut keutamaan supaya semua agensi mengambil kira impak dalam pelaksanaan program pembangunan masing-masing. Penilaian juga dibuat kepada projek-projek tebatan banjir yang telah dilaksanakan dan dalam perancangan untuk ditambahbaikkan. Jadi kita akan melihat dari sudut data-data itu di mana sebab sekarang ini mungkin semua di kalangan ahli Dewan ingin menyelesaikan *one for all*, dengan izin segala permasalahan banjir. Kita akan melihat dari sudut, *priorities*, keutamaan di mana, bila dan bagaimana untuk mengatasi permasalahan-permasalahan banjir itu.

Yang ketiga, P yang ketiga ialah dari sudut pemantauan. Jawatankuasa akan melakukan pemantauan ke atas program atau pun projek-projek pembangunan tanah yang meliputi projek perumahan dan pertanian, begitu juga penerokaan hutan yang dilaksanakan dari masa ke semasa untuk memastikan semua pembangunan yang dijalankan tersebut mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh agensi teknikal. Kadang-kadang mungkin sesetengah agensi dia hanya memantau dari sudut skop agensi dia sahaja begitu juga dari agensi-agensi yang lain akan melihat dari sudut, *angle* atau pun ruang pandang sudut agensi tersebut sahaja.

Sudut keempatnya, dari sudut penguatkuasaan. Kita tahu bahawa kalau banjir lebih kepada JPS akan dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, JPS sendiri tidak mempunyai kuasa dari sudut penguatkuasaan undang-undang untuk mengambil tindakan ke atas pelaku-pelaku dan sebagainya. Jadi dari sudut P yang keempat, penguatkuasaan ini untuk menggerakkan operasi penguatkuasaan secara berkala dan bersepadu antara agensi seperti Ops Lumpur. Kita akan terjah, turun dan memastikan bagaimana sesuatu projek pembangunan itu memenuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan oleh semua agensi-agensi yang terlibat. Bertujuan untuk memastikan pemaju mematuhi syarat-syarat pembangunan seperti penyediaan dan pelaksanaan pelan kawalan hakisan dan mendapan, *Arrocent and Selliment Control Plan* (ASCP) untuk mencegah kejadian banjir lumpur yang akan mencemar dan mencetakkan sistem saliran yang menjurus kepada masalah banjir. Penguatkuasaan juga meliputi perkara yang akan mengakibatkan berlaku banjir seperti pembuangan sampah ke dalam sistem saliran, aktiviti perlombongan bahan letupan, pencerobohan rizab sungai dan lain-lain.

P yang kelima adalah dari sudut persediaan. Kita tahu bila tiba musim tengkujuh maka akan banyaklah berlaku banjir-banjir kilat. Dari sudut persediaan, P yang kelima ini menyedia dan menyelaraskan senarai semak, *checklist* untuk dilaksanakan oleh semua agensi bagi persediaan awal menghadapi musim hujan

yang berlaku di antara bulan Mac hingga Mei dan juga bulan Oktober hingga Disember. Semua program penyelenggaraan infrastruktur saluran seperti pembersihan parit, kolam takungan banjir, perangkap sampah akan dilaksanakan sebelum tiba musim-musim tersebut. Kita ada spesifik secara khusus senarai semak kepada jabatan-jabatan bahawa kita akan bagi tempoh semuanya kena bersiap siaga sebelum kita menghadapi musim tengkujuh misalnya dan *checklist* itu harus mereka *comply* mengikut yang telah pun diarahkan.

Yang keenam, yang keenam adalah pengesyoran. Pengesyoran ini bagaimana jawatankuasa ini akan mengesyorkan tindakan-tindakan yang akan diambil dari proses penyelarasan maklumat, penilaian, perancangan, pemantauan, penguatkuasaan dan persediaan. Jawatankuasa akan merumus dan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk tindakan penyelesaian yang mungkin antaranya adalah arahan pemberhentian kerja, *Stop Work Of Order*, denda tidak mengikut kelulusan sedia ada, pelaksanaan projek tebatan banjir mengikut keutamaan, penyediaan peruntukan penyelenggaraan yang mencukupi, penambahan garis panduan, tatacara, SOP yang sedia ada mungkin akan dikaji balik dan akan diberikan tambahbaik dan sebagainya. Begitu juga dengan kajian pelan induk saluran, kita akan syorkan hasil daripada proses-proses yang telah pun kita jalankan yang mungkin antaranya adalah kajian semula terhadap projek-projek pembangunan. Jadi itu adalah merupakan di antara skop yang akan dipertanggungjawabkan ke atas *Task Force* tebatan banjir ini. Silakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila, Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih, Y.B. EXCO. P, P yang Y.B. EXCO sebutkan tadi, lima, enam P itu. Bukankah ini menggambarkan satu birokrasi yang banyak untuk penyelesaian masalah kerana apa yang kita bahas di dalam Dewan ini. Ini di atas kertas, realitinya di lapangan istilah saya sebut kalau banjir ini adalah “serabut perut” sebenarnya istilah banjir ini, “serabut perut”. Kita bahas atas kertas polisi, agensi-agensi kerajaan tetapi tiap-tiap hari di tempat kita dok banjir juga. Orang dok mengamuk, dok maki hamun kepada kita. Apakah tindakan melangkaui birokrasi atau pun *Task Force* ini. Tidak adakah satu *Task Force* ini tindakan segera untuk menyelesaikan masalah banjir kerana saya bangkitkan hari ini kerana baru semalam saya bangkitkan dalam perbahasan saya isu Permatang Kuartza satu-satunya laluan adalah di bawah *Highway PLUS*. Semalam banjir lagi, tanah tebing runtuh lagi. Kita nak jawab macam mana, “serabut perut”. Yang keduanya, apa tindakan Kerajaan Negeri terhadap agensi kerajaan macam PLUS, macam LLM yang kadang-kadang macam buat tak tahu yang kita ini wujud dalam negeri kita ini. Apa tindakan segera kita Y.B. EXCO?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Paya Jaras. Sebelum adanya *Task Force* tebatan banjir ini, dari sudut gerak kerja jabatan-jabatan telah pun berlaku. Makna katanya dari sudut aduan-aduan, projek-projek tebatan banjir

oleh JPS, JKR dan sebagainya telah pun berlaku. Saya kira segera itu telah pun ada, program-program yang saya mungkin akan sentuh beberapa perkara yang dibangkitkan oleh ahli Dewan sekalian. Cuma dari sudut *Task Force* tebatan banjir ini, saya faham keadaan Paya Jaras yang “serabut perut” itu saya faham. Jadi kita cuba meletakkan 6P ini supaya nampak cantik, nampak ada skop dia yang tersendiri supaya lega sikit, “serabut perut”, *Insyallah*. Jadi itulah dari sudut agensi-agensi lain, tuan-tuan sekalian, sidang Dewan. Bila mana kita ada *Task Force* ini, perkara-perkara yang disebutkan tadi, PLUS, LLM dan perkara-perkara yang lain yang mungkin tidak dilihat sebelum ini oleh *certain* agensi. Jadi dalam *Task Force* inilah perkara-perkara ini akan dibangkit dan sudah pastilah lebih banyak percambahan idea bila mana ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan-kawasan tertentu juga dipanggil bersama didalam mesyuarat kita ini. Sidang Dewan yang dihormati sekalian, semalam Kajang ada bangkitkan persoalan berkenaan dengan tudingmenuding jari itu, saya kira kita boleh atasi dengan adanya *Task Force* tebatan banjir ini dan lanjutan daripada itu

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Y.B., saya minta duduk dahulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Saya dengan ini menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Assalamualaikum, selamat petang, Dewan disambung semula. Saya persilakan Y.B. Taman Templer.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Timbalan Speaker, saya sambung berkenaan dengan banjir yang kita bicarakan sebelum rehat tadi. Kajang ada membangkitkan persoalan berkenaan dengan berlakunya banjir di Kajang dan lanjutan daripada berlakunya banjir pada awal tahun 2015 di Sungai Jelok berikutan kabel utiliti yang merentang sungai mengakibatkan berlakunya banjir kilat. Pihak

JPS daerah Hulu Langat dengan kerjasama MPKj telah turun padang dan membersihkan sampah sarap yang mengganggu aliran sungai tersebut. Kabel utiliti yang terlibat adalah kabel dari Telekom dan TNB.

Berikutan daripada kejadian banjir kilat itu juga mulai dari tahun 2015 kerja-kerja penyelenggaraan berkala di Sungai Jelok telah ditawarkan dengan kos Ringgit Malaysia: Enam Puluh Tujuh Ribu (RM67,000.00) secara 10 pusingan, bermula dari Februari 2015 hingga Disember 2015. Seri Andalas juga banyak membangkitkan perkara yang berkaitan dengan banjir dan saya kira pun, tadi pun saya sudah pun sentuh dan *Insyallah* kita akan berikan komitmen bersama-sama dengan Yang Berhormat Seri Andalan untuk menyelesaikan permasalahan banjir setempat khususnya melalui keterlibatan bersama-sama menerajui atau mengendalikan *task force* tebatan banjir.

Dan Kinrara ada membangkitkan masalah banjir kilat sering berlaku di Kampung Bukit Kuchai, Kampung Sungai Baru dan Kampung Tengah yang berpunca disebabkan oleh masalah sistem perparitan yang tidak sempurna. Masalah sistem perparitan yang disebutkan sebenarnya adalah sistem perparitan dalaman yang mana ianya adalah di bawah tanggungjawab PBT. Walau bagaimanapun, JPS sentiasa memastikan parit-parit di kawasan berhampiran sentiasa berada di dalam keadaan yang baik. Antara kerja-kerja pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak JPS adalah antaranya kerja-kerja menaiktaraf parit utama serta kerja-kerja yang berkaitan di Kampung Tengah Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan yang bermula 31 Oktober 2014 yang dijangkakan siap pada 3 Julai 2015 yang menelan kos projek Ringgit Malaysia: Enam Juta satu ratus enam ribu Tujuh Ratus Enam Puluh yang melibatkan pembinaan L unit sepanjang 1.6 kilometer, pembinaan *arced bridge* sebanyak 3 buah, pembinaan lintasan konkrit sebanyak 2 buah dan pembinaan *outlet* parit berserta dengan *flagged*.

Batu Tiga juga ada membangkitkan persoalan juga masalah banjir. Jadi bagi masalah berkaitan infrastruktur, beberapa kerja menaiktaraf sedang dilaksanakan. Antaranya projek membina sebuah *arced culvert* dan kerja-kerja berkaitan di sungai Batu Tiga daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan yang dijangkakan siap pada 21 Julai 2015 yang menelan belanja RM2,587,000. Antara skop kerjanya kerja-kerja tanah antaranya termasuklah pembersihan tapak, pengorekan anak Sungai Damansara dan Sungai Batu Tiga, pembinaan ban bagi anak Sungai Damansara dan penanaman rumput, pembinaan tembok penahanan banjir bagi anak sungai Damansara, pemasangan *arced culvert* sepanjang 22 meter bagi sungai Batu Tiga, kerja-kerja menaiktaraf jalan di *arced culvert* membaiki lantai L unit sedia ada di Sungai Batu Tiga sepanjang 400 meter, membina jambatan pejalan kaki baru bagi anak sungai Damansara baru dan memasang *flagged* baru sepanjang 3 unit.

Yang Berhormat ADUN Kota Damansara ada juga membangkitkan permasalahan banjir yang berlaku di Kampung Melayu Subang di Jalan Jati PKNS, Jalan Warisan,

katanya hampir 200 buah rumah terlibat dan banjir kilat tersebut. Di antaranya kerja-kerja pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan bagi mengatasi isu banjir di sekitar kawasan Subang dan Damansara adalah seperti berikut. Projek menaik taraf Sungai Damansara dari *Channel* kosong hingga *Channel* 37,500 dan kerja-kerja berkaitan di Daerah Petaling Selangor Darul Ehsan yang bermula, telah pun bermula pada 9 Mac 2015 dan dijangkakan siap 8 Mac 2016 yang menelan kos projek RM14,19,246.00 dan di antara skop kerjanya adalah mengorek dan menambakkan sepanjang 7.5 kilometer, menaik taraf *culvert* sepanjang 7 unit dan menaik taraf *outlet* parit sebanyak 20 unit.

Berkenaan dengan sampah di rizab Sungai Klang yang dibangkitkan ADUN Taman Medan, saya kira saya pun telah pun menjawab dalam soalan mulut semalam. Dibangkitkan Taman Medan pembuangan sampah domestik secara haram di rizab Sungai Klang bertempat di Jalan PJS 1, 2, 3 dan 4 Petaling Jaya serta berlaku aktiviti pembakaran secara terbuka di tapak tersebut. Untuk pengetahuan sidang Dewan sekalian, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri bagi membendung permasalahan ini di mana JPS telah pun dilantik sebagai urus setia bagi jawatankuasa ini yang mana ianya telah pun dilakukan perbincangan dan mesyuarat sudah banyak kali. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini ditubuhkan adalah bagi menangani masalah sampah di dalam sungai serta rizab sungai serta isu-isu berkaitan pembuangan sampah haram. Di antara strategi dan pendekatan yang digunakan sebagai cadangan alternatif bagi penyelesaian menyeluruh antaranya termasuklah perobohan, penempatan semula, pemagaran di kawasan kritikal, pemagaran keseluruhan kawasan rizab sungai, pemutihan setinggian dan aktiviti pelupusan sampah dengan syarat-syarat tertentu, tanah rizab sungai dibenarkan untuk digunakan menjalankan aktiviti-aktiviti yang sesuai selepas perobohan untuk mengelakkan pencerobohan semula. Dan di antara lokasi bagi tindakan bersepadu yang telah pun dilaksanakan adalah

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta penjelasan sedikit.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ya, silakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, sila Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat EXCO. Dari segi kutipan sampah di sungai. Apakah kaedah-kaedah bersepadu di samping program pencegahan yang telah disebut tadi dilaksanakan oleh kerajaan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Hulu Kelang. Semalam, seperti mana yang saya nyatakan kita ada dalam tempoh 12,000 tan sampah di sepanjang Sungai Klang dan telah pun ada *some of money* yang telah kita belanjakan untuk kutip sampah di log bom yang telah pun di pasang sepanjang sungai, semalam saya telah pun nyatakan dan kita memang memikirkan

bagaimanakah kaedah dan caranya supaya duit kita ini tidak dibazirkan hampir mencecah RM2 juta semata-mata untuk mengeluarkan sampah daripada Sungai Klang ini sahaja. Jadi kita minta sangat kerjasama daripada seluruh yang terlibat termasuklah penduduk sendiri untuk tidak membuat sampah walaupun buang sampah mungkin di sebelah rumah kita di parit kita tetapi akhirnya sampai ke penghujungnya iaitu di Sungai Klang.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian, Teratai ada membangkitkan berkenaan dengan banjir kilat di kawasan DUN Teratai. Jabatan Pengairan dan Saliran akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pembersihan dan pengorekan di sungai-sungai berkaitan bagi mengurangkan masalah banjir sebagai usaha jangka pendek. Diantara kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan ialah penyelenggaraan Sungai Kerayong dan anak Sungai Kerayong yang mana ianya dilaksanakan secara berkala, 11 pusingan melibatkan sejumlah RM133 juta melibatkan sejumlah RM133,100.00 bagi penyelenggaraan Sungai Kerayong melibatkan kewangan RM87,900.00 dan juga, itu bagi penyelenggaraan anak Sungai Kerayong.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta penjelasan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Memandangkan Sungai Kerayong ini sudah dibersihkan secara berkala, saya ingin bertanya YB EXCO sama ada pihak JPS ada mengikut jadual pelaksanaan ke atau sama ada telah menetapkan satu pelan tindakan supaya banjir kilat ini tidak akan berlaku lagi. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Teratai. Seperti yang saya maklumkan tadi, kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan di Sungai Kerayong dan anak Sungai Kerayong ini dia melibatkan secara berkala sebanyak 11 pusingan. Dia ada dia punya penjadualan dia, ada penjadualan dia dan melibatkan peruntukan yang tertentulah dan juga kita minta supaya bersama-sama dengan Teratai supaya kita melihat supaya kerja-kerja ini dapat dilaksanakan dengan baik dan kita harapkan supaya banjir kilat yang sentiasa berlaku di DUN Teratai ini dapat kita selesaikan dengan projek pembersihan penyelenggaraan Sungai Kerayong khususnya ini dengan berkala sebanyak 11 pusingan ini.

Manakala bagi rancangan jangka panjang pula, rancangan tebatan banjir sedang diteliti melihat kepada keperluan di kawasan ini sekiranya ianya pada tahap yang mendesak dan mengikut prioritiya ia perlu didahulukan maka rancangan tebatan banjir akan diadakan.

Tuan Timbalan Speaker, semalam juga, sebelum ini juga, dalam perbahasan menjunjung kasih ucapan titah Tuanku, Yang Berhormat Selat Klang ada membangkitkan berkaitan dengan pampasan jambatan ketiga Klang yang mana pihak kerajaan negeri telah pun mengikut prosedur pengambilan tanah yang dibuat berdasarkan kepada Akta 486 Pengambilan Tanah 1990 di mana nilai pampasan diberikan berdasarkan kepada penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta JPPH yang merujuk kepada nilai semasa dan status tanah tersebut. Dan pihak kerajaan mengambil berat tentang pandangan yang telah pundiampaikan oleh Yang Berhormat Selat Klang supaya *engagement* itu bersama dengan rakyat dapat kita pertingkatkan. Dan ini sudah pastilah di peringkat bertemakan Pembangunan Berkualiti Rakyat Di Peduli ini akan melebihi lagi dari aspek penerangan dan juga *engagement* dengan rakyat dengan izin.

Seterusnya Batang Kali ada membangkitkan berkaitan dengan Jalan Rasa Bukit Beruntung yang telah pun sekian kali dibangkitkan dalam sidang Dewan. Jalan Rasa Bukit Beruntung sepanjang 20 kilometer panjang, yang sebenarnya, jalan ini dibina oleh pemaju Talam Corporation dan CF ditolak kerana jalan dibina tidak mengikut spesifikasi yang telah pun ditetapkan dan kita tahu bahawa jalan ini adalah merupakan jalan yang agak sibuk, jalan yang sangat penting yang dilalui oleh kebanyakan pengguna. Oleh yang demikian, kerajaan negeri telah memutuskan bahawa Majlis Daerah Hulu Selangor akan menyelenggara, membaiki dan menyelenggara jalan-jalan yang disebutkan tadi.

Bagi kesesakan di Kampung Kubu Gajah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Jaras. Kesesakan disebabkan oleh terdapatnya Pasar Kemboja dan peniaga kecil di tepi jalan yang menyempitkan jalan sedia ada. Jalan sedia ada, apabila peniaga dan orang awam meletakkan kenderaan di tepi jalan untuk urusan perniagaan jual-beli. Bagi peniaga yang berniaga di dalam rizab jalan JKR, JKR telah pun meminta Pejabat Tanah dan Daerah Petaling untuk membuat penguatkuasaan. Itulah sebenarnya punca kepada kesesakan yang berlaku di Kampung Kubu Gajah.

Yang Berhormat Paya Jaras juga membangkitkan berkenaan dengan pembahagi jalan yang dibina oleh pemaju di Jalan Hospital Seri Bunga yang amat membahayakan. Kerajaan Negeri melalui JKR telah pun melakukan lawatan pada 20 Mac 2015 dan pemaju telah diarahkan untuk melaksanakan kerja menepati syarat-syarat yang diluluskan oleh JKR. JKR dengan tegas akan memastikan perkara ini dapat dilaksanakan dengan baik dan akan melantik pihak ketiga pada hujung April ini. Jika pemaju didapati masih gagal untuk melaksanakan syarat-syarat yang telah pun ditetapkan oleh JKR dengan mengguna pakai wang deposit oleh pemaju.

Yang Berhormat Paya Jaras juga membangkitkan berkenaan dengan jalan Kuala Selangor FT 54 depan station Caltex yang gelap. Jalan yang dimaksudkan

sebenarnya adalah merupakan jalan persekutuan. JKR akan memohon peruntukan daripada ibu pejabat JKR Malaysia untuk melihat, untuk mengatasi permasalahan jalan yang gelap di station Caltex FT54 ini.

Yang Berhormat Paya Jaras juga membangkitkan banjir juga berlaku di FT 54 jalan Kuala Selangor di hadapan stesen minyak PETRON. Masalah saiz pemetung yang kecil dan perlu dinaiktaraf, peruntukan telah pun dipohon kepada ibu pejabat JKR Malaysia kerana ia merupakan jalan persekutuan tetapi masih belum diluluskan kerana kekangan peruntukan. Jadi pada masa ini kerja-kerja pembersihan pemetungan dan longkang dilakukan oleh JKR.

Berkaitan dengan jalan alternatif terowong Kampung Seri Indah menuju ke Kampung Seri Indah A yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Jaras. Pembinaan jalan ini alternatif ini telah pun dipohon dan telah pun ada dalam senarai projek RMK yang Ke11.

Paya Jaras lagi membangkitkan persoalan lampu isyarat di persimpangan Honda Sungai Plong dan persimpangan Bukit Rahman Putera yang mana JKR akan mengkaji berkenaan dengan *setting* tempoh lampu isyarat di kedua-dua simpang tersebut. Kita akan melihat kembali dari sudut permasalahan yang telah pun dinyatakan oleh Paya Jaras dan dari sudut penggunaan sistem *vehicle electric signal* telah pun ada dan telah pun digunakan oleh JKR sendiri dan mungkin akan diaplikasikan di persimpangan yang dimaksudkan.

Y.B Paya Jaras juga membangkitkan berkenaan dengan isu rizab tanah kuari persekutuan JKR Kuli Line di Batu 19, Kampung Merbau Sempak. JKR telah menyemak perkara ini dan akan memaklumkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling akan keputusan Kementerian Kerja Raya Malaysia yang telah pun melepaskan tanah rizab ini bagi membolehkan pihak Pejabat Tanah dan Daerah Petaling meminta kelulusan daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian untuk melakukan pembatalan warta ke atas tanah rizab kuari persekutuan dan jalan kerja raya Kuli Line bagi tujuan diagihkan oleh kerajaan negeri kepada setinggan yang memohon. Dan saya rasa itu yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli Dewan berkaitan dengan jalan-jalan (permasalahan jalan-jalan).

Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI: Timbalan Speaker, boleh saya sebelum EXCO ini kan ke tempat lain. Tentang yang jambatan ketiga Klang tadi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Selat Klang.

Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI: Saya nak tanya kepada kerajaan. Sekiranya, sekiranya penduduk tak siap lagi, tak jumpa rumah lagi untuk pindah, pampasan tadi untuk tanah dan sebagainya dah diberi. Apakah mekanisme yang boleh dirancang atau akan diambilkan oleh kerajaan untuk memastikan penduduk di

situ tidak akan protes bila saat perobohan rumah-rumah mereka dibuat. Jadi, apakah perancangan daripada pihak kerajaan?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Selat Klang. Seperti yang kita tahu berkenaan dengan jambatan ketiga Klang ini bagi fasa yang pertama (dari sudut pampasannya). Jumlah keseluruhan lot yang terlibat 144 lot yang mana jumlah bayaran pampasan yang telah dibuat ke atas lot itu berjumlah RM20,070,189.00. Baki 6 lot masih lagi dalam proses pembayaran dan dari sudut kaedahnya menggunakan Borang K yang sepatutnya boleh diminta untuk pemilik mengosongkan kediaman ataupun tanah yang telah pun diambil. Tapi atas budi bicara dan juga perbincangan, kerajaan negeri memberikan tempoh 3 bulan bagi mengosongkan bangunan. Difahamkan oleh Selat Klang bahawa dalam tempoh 3 bulan itu juga bermasalah untuk bagi penduduk mencari tempat. Saya rasa kita perlu bersama-sama dengan penduduk, dengan sokongan daripada Ahli Dewan Negeri setempat untuk mempercepatkan proses pengosongan ini kerana 3 bulan itu suatu tempoh yang difikirkan paling sesuai memandangkan projek ini perlu disegerakan.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Minta maaf Timbalan Speaker. Adakah kerajaan sedar (saya minta juga Dato' Menteri Besar bersama dengan EXCO), apabila pampasan itu diberi oleh kerajaan kepada satu rumah atau premis itu, ianya bukan dibagi kepada orang yang berkenaan sahaja. Tetapi dikongsikan kepada semua penama-penama di dalam geran tersebut (kalau 10, 10 lah. 17, 17 lah). Jadi, daripada segi angka itu, tidak memungkinkan orang yang diroboh rumahnya akan mampu membeli rumah di saat ini di negeri Selangor. So, bagaimana kerajaan nak membantu rakyat?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Selat Klang. Dan perkara tersebut sebenarnya dalam pengetahuan pihak kerajaan negeri kerana begitulah sebenarnya dari sudut prosedur pembahagian pampasan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, seperti yang saya sebutkan tadi kita perlu duduk berbincang bersama-sama kerajaan negeri, begitu juga dengan ADUN setempat, dan juga penduduk bagaimana untuk mengatasi permasalahan untuk mengosongkan dalam tempoh 3 bulan ini. Tapi dari sudut prosedur, dari sudut pembahagian pampasan itu memang maklum bagaimana dalam satu geran ada dalam 5 nama, sudah pastilah pampasan itu yang telah pun disukat dari sudut jumlah tanah yang diambil akan dibahagikan sama banyak kepada 5 penama itu walaupun misal katanya 1 sahaja yang terlibat (rumahnya terpaksa dikosongkan kerana tanah itu diambil) dan 4 lagi masih berada di tapak. Dari sudut prosedurnya begitu dan kita tahu dari sudut lompangan yang peraturannya berada di situ yang sepatutnya sudah pastilah yang terjejas sahaja yang sepatutnya mendapat habuan ataupun pampasan itu.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Jadi saya minta kepada kerajaan khususnya di bahagian pejabat tanah membantu khusus untuk / spesifik untuk

masalah tersebut kerana rakyat yang terlibat itu, dia dah mati akal, dia pula umurnya dah banyak, GST pula (masa sebelum itu belum GST, sekarang ada GST). Jadi, kerumitan ini perlu dirungkai oleh kerajaan dengan jabatan dan agensi yang berkaitan. ADUN tak mampu.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Ok. Terima kasih dan kita bersama-sama merasailah dari sudut keprihatinan Selat Klang dan perkara demikian akan diberikan perhatian bagaimana untuk menangani permasalahan ini.

Dan Ahli Dewan juga banyak menyentuh berkenaan jalan-jalan yang sekarang ini masih lagi bermasalah dalam negeri kita yang berada di tahap yang boleh lagi diperbaiki. Untuk pengetahuan Ahli Dewan sekalian, kerajaan negeri Selangor (sekarang ini) sedang melakukan satu projek untuk kita mendapatkan maklumat-maklumat jalan-jalan seluruh jajahan negeri dalam negeri Selangor ini dan bagaimana proses *road scanning* sedang dilakukan dan kita akan nanti dapat maklumat *data base* berkenaan dengan jalan-jalan kita yang akan kita klasifikasikan jalan-jalan seluruh jaringan jalan ini mengikut kondisi-kondisi sama ada ia *good, fair, poor* atau *bad* dan kita akan masukkan dalam sistem kita dan kita tak perlu lagi menunggu bagaimana jalan itu telah pun rosak barulah kita perlu menghadapi permasalahan itu, tetapi melalui sistem preventif yang kita menggunakan aplikasi HDM 4 yang diiktiraf oleh *world bank*. Daripada sistem, kita tahu jalan manakah yang akan rosak dan jalan manakah yang mungkin memerlukan ataupun jangka hayat yang lebih lama dan daripada situ juga kita boleh meletakkan prioriti di tempat mana yang sepatutnya kita lakukan penyelenggaraan. Dan dengan sistem ini juga

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, Bukit Gasing nak minta.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Saya tertarik dengan kenyataan mengenai *road scanning*. Saya ingin mendapat penjelasan adakah dia dilakukan di sebahagian jenis jalan atau daerah sahaja ataupun di keseluruhan negeri Selangor? Dan saya ucapkan tahniah juga kerana menggunakan satu cara yang profesional untuk menilai kualiti jalan raya yang setahu saya tidak dilakukan sebelum ini di negeri Selangor.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Bukit Gasing. Untuk fasa yang pertama ini, kita telah pun meminta syarikat untuk menjalankan *road scanning* dan kumpul sebanyak mungkin *data base* berkenaan ataupun maklumat-maklumat / input-input / data-data berkenaan jalan ini sepanjang 1,140km yang mana keseluruhan jalan negeri, (nanti kita akan habiskan) sampai 3,700km itu dan sudah pastilah dengan kaedah ini juga kita akan panjangkan nanti ke peringkat PBT dan sebagainya. Daripada sini nanti, kita boleh juga buat *fore casting* dari sudut kewangan memberikan unjuran bajet penyelenggaraan, dari sudut preventif jalan untuk jangka masa yang panjang, di manakah dari sudut belanja yang perlu kita memberikan tumpuan untuk menyelesaikan masalah ini. Tapi yang jauh yang lebih

efektif adalah kita tak perlu kepada aduan, tetapi kita akan menjalankan kerja-kerja preventif. Dan kita tahu dalam sistem kita (HDM 4) ini, kita dapat lihat bagaimana jalan-jalan ini tempoh hayatnya mungkin dalam tempoh setahun, sebulan, 3 bulan akan berlakunya kerosakan.

Inventori perabot jalan keseluruhan jaringan jalan juga diperolehi dalam bentuk GIS dan pemetaan. Maklumat lebar, panjang jalan dapat membantu dalam proses pendaftaran MARIS untuk permohonan peruntukan bajet penyelenggaraan jalan. Jadi, itu kita akan nantikan bagaimana nanti dengan proses ini kita mampu akan merangka satu tindakan yang lebih *advance* di masa akan datang dan kita akan menaik taraf permasalahan-permasalahan yang berlaku (khususnya permasalahan jalan-jalan yang sering kali rosak).

Dan Y.A.B. Dato' Menteri Besar juga menyebut tentang bagaimana (di sana) ada satu teknologi-teknologi yang kita tengah mengenal pasti untuk mengatasi permasalahan *loophole* (apa itu) masalah jalan-jalan yang berlubang yang bila mana ditampal dalam tempoh mungkin beberapa bulan ataupun beberapa hari sahaja dalam keadaan cuaca yang tidak baik juga akan mudah kembali berlopak dan sebagainya dan kita kenal pasti beberapa teknologi. Dan antara teknologi-teknologi yang sudah kita kenal pasti seperti mana yang disebutkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar sedang dilakukan *trial* oleh pihak JKR yang mana dalam teknologi yang baru ini, bukan saja kita menggunakan seperti mana biasa menggunakan *hot premix* tapi ini menggunakan *cool premix*. Ada elemen karbon di sana dan tidak mudah alah dengan hujan dan sebagainya dan ini juga memberikan harapan kepada kita untuk kita memberikan satu tambah nilai yang baru kepada jalan-jalan kita.

Ahli Dewan yang saya hormati sekalian, Kuala Kubu Baharu ada membangkitkan persoalan berkenaan dengan masalah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, panjang lagi ke? Banyak lagi ke?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Pendekkan?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ha, pendekkan. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Kuala Kubu Baharu ada membangkitkan persoalan berkenaan dengan penternakan lembu di mana Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor telah membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Sungai Nilam. KKB (Kuala Kubu Baharu) ia membangkitkan persoalan dengan lembu-lembu yang berkeliaran ini. Jadi, di TKPMM Sungai Nilam ini (Hulu Selangor), pada 2011 yang berkeluasan 80 ekar untuk penempatan semula penternak yang bermasalah di Selangor. Jabatan telah menyediakan kemudahan infrastruktur asas seperti jalan ladang, pembinaan *tube well*, elektrik dan pelbagai

lagi. Setakat ini, hanya ada 2 orang penternak lembu tenusu yang ditempatkan di sini dengan jumlah ternakan sebanyak 200 ekor. Dalam sidang yang lepas juga, saya pernah menyatakan bagaimana asalnya banyak penternak-penternak yang telah pun kita mengadakan transformasi mereka ke sini, tetapi ramai di kalangan mereka yang berundur dan hanya tinggal 2 sahaja penternak. Dan untuk pengetahuan Kuala Kubu Baharu yang juga menyatakan kepada saya bagaimana beliau telah menghubungi di peringkat Jabatan Perkhidmatan Veterinar adakah ruang masih di sana? Dan saya telah semak, di sana masih ada lagi lebih kurang 4 lot kosong untuk diisi. Dalam masa yang sama,

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:Minta pencerahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:Saya nak tanya Y.B. EXCO, kawasan penternakan itu ialah untuk tenusu saja ataupun termasuk lembu berdaging?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tempat ini saya perlu menyemak. Saya perlu menyemak sama ada khusus untuk tenusu ataupun juga untuk lembu berdaging. Saya akan semak perkara ini dan yang dikhabarkan / dilaporkan ada 4 lagi kosong yang saya kira kalau dalam bentuk *f* tidak ada masalah sebab ruang ada dan makanan kita akan sepatutnya penternak itu sendiri yang sediakan. Ia tidak ada masalah selagi ada ruang kosong saya kira boleh diteruskan dengan ternakan lembu berdaging dalam konteks / dalam konsep *feedlot* itu sendiri.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Y.B. Seri Andalas minta tanya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:Sikit saja. Saya tahu dan saya faham bahawa utara Selangor ada 80 ekar yang telah diberikan kepada penternak-penternak lembu ini. Pertanyaan saya ialah di selatan negeri Selangor, bolehkah EXCO buat demikian untuk cari sebuah tanah luas 100 ekar atau 80 ekar untuk adakan bagi peluang untuk penternak-penternak di sebelah sini untuk adakan tempat untuk mereka. Sebab ada banyak pertanyaan untuk tanah untuk dia nak menternak lembu di dalam negeri Selangor ini. Saya minta selatan pun adakan satu plot tanah untuk dibuatkan. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Seri Andalas. Kerajaan negeri Selangor bersama dengan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pejabat Tanah Kuala Langat telah pun mengenal pasti satu tempat iaitu di Olak Lempit, Kuala Langat yang berkeluasan 196 ekar. Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pejabat Tanah / Daerah Kuala Langat sedang melihat dari sudut kesesuaian tempat ini. Tapi tempat ini telah pun dikenal pasti iaitu di Olak Lempit (196 ekar).

Kuala Kubu Baharu juga membangkitkan persoalan Enakmen Mengawal Lembu / Kerbau 1971 yang katanya tidak lagi relevan dengan keadaan semasa ini (permasalahan lembu-lembu yang berkeliaran). Secara umumnya, Enakmen Mengawal Lembu / Kerbau 1971 lebih kepada larangan menternak lembu / kerbau di kawasan yang diwartakan sebagai kawasan larangan. Jadi, menurut enakmen ini kuasa penguatkuasaan diberikan kepada Pegawai Daerah, Pegawai Veterinar, Polis seperti yang ditakrifkan sebagai pihak berkuasa tertentu dalam Seksyen 2 enakmen tersebut. Dan pada ketika ini, hampir keseluruhan negeri Selangor adalah di bawah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Sehubungan itu, kuasa untuk menguatkuasakan enakmen ini lebih kepada Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri. Jadi, permasalahan lembu-lembu yang berkeliaran ini, pihak-pihak kalau sekiranya berada dalam kawasan PBT, maka pihak PBT lah yang akan memastikan perkara ini tidak akan berlaku dan sudah pastilah dia berkait dengan di mana tempat untuk penternak-penternak ini menternak dan seumpamanya yang *insya-Allah* pihak kerajaan negeri ingin akan mengenal pasti tempat-tempat yang sesuai untuk melakukan transformasi dan sebagainya.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Minta penjelasan Y.B. EXCO yang kita nak ialah untuk dipinda supaya menepati masa, sebab dulu mungkin lembu hanya satu dua ekor yang berkeliaran tapi sekarang ni, ialah yang berpuluh-puluh jadi ini ialah kawasan walaupun ia dalam katakan pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan tapi enakmen itu sangat *loose* dalam *English*. Jadi kita perlu satu usaha untuk mengkaji semula tentang enakmen itu.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih di atas cadangan daripada Kuala Kubu Baharu yang sangat bernas. Kita tahu permasalahan bila membela lembu ini, pertama bila banyak berkeliaran sukar untuk pihak PBT menangkap dan mengalihkan melalui lori dan sebagainya. Perlu simpan perlu bagi makanan dan sebagainya. Itu permasalahan yang sering berlaku.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Minta penjelasan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ramai yang berminat lembu, lembu tidak faham undang-undang.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Ya,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Soalan

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Timbalan Speaker, saya ingin tanya yang berhormat EXCO berkenaan, tempat larangan dan juga lembu-lembu berkeliaran ini adakah boleh disimpan dalam kondominium atau kondominium adalah satu tempat telah dilarang.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Teratai, cadangan-cadangan dan juga pandangan bernas dari Teratai, Dalam konteks kita telah memikirkan dari sudut macam mana menternak dalam konteks yang moden yang moden yang menggunakan teknologi yang baru menggunakan sudut pemakanan yang dicampurkan dengan efektif mikrob sebagainya tidak mengeluarkan bau dan saya juga berpandangan sedemikian untuk kita melihat kembali enakmen mengawal lembu kerbau 1971 ini supaya lebih sesuai dengan keadaan zaman. Sekiranya cara kita ternak tidak memberikan kacau ganggu yang dikhuatiri yang diambil kira 1971 dahulu untuk menggubal enakmen ini.

YB TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI: Penjelasan sikit

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Saya belum habis.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Nak bagi habis dulu, macam mana?

YB TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI: Tentang lembu ini,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sikit sahaja

Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI: Pernah satu cadangan dibuat untuk meluluskan kawasan 200 ekar di Hulu Selangor, tapi dia *hold*. Adakah kerajaan sedia untuk meluluskan semula kawasan tersebut, Hulu Selangor, bukan, bukan yang 18 ekar ada kawasan baru yang pernah dibawa tapi ditangguhkan, saya mencadangkan supaya kerajaan menyemak semula dan meluluskan cadangan tersebut.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Kota Anggerik, selain daripada Olak Lempit seperti yang saya sebut tadi di yang 196 ekar. Di pihak Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti tanah-tanah yang kita boleh gunakan bukan sahaja untuk penternakan juga untuk pertanian dan juga untuk akuakultur dan sebagainya. Jadi berbalik kepada enakmen tadi kita akan melihat apakah sejauh manakah keperluan untuk kita meminda enakmen mengawal lembu kerbau 1971. Berbalik kepada juga yang diutarakan oleh Kuala Kubu Baharu berkaitan dengan isu pencemaran bau dan lalat daripada ladang ternakan ayam ini. Merujuk kepada peraturan, Pelesenan Ladang Unggas Negeri Selangor 2008 di bawah enakmen peladang Unggas 2007, jarak zon penampun *buffer zone* yang ditetapkan oleh Ladang Unggas adalah 200 meter daripada sumber air, rumah, sekolah, rumah ibadat juga perumahan. Walau bagaimanapun jarak ini tidak tertakluk kepada sistem reban Unggas tertutup, sepatutnya bila mana ternakan ayam ini dilakukan secara reban unggas tertutup masalah-masalah yang berkaitan dengan masalah pencemaran bau lalat tidak sepatutnya berlaku dan di peringkat Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga menggalakkan bahawa menggalakkan penternak menggunakan teknologi kawalan pencemaran seperti penggunaan

mikrob, efektif mikrob yang disebutkan tadi. Kemudian Dusun Tua ada membangkitkan dan sering membangkitkan saya kira dalam sidang dewan ini. Dalam dewan sebelumnya berkaitan dengan tanah seluas 600 ekar di Dusun Tua yang tidak diguna pakai yang sering kali Dusun Tua berhajat untuk majukan dan sebagainya sedikit latar belakang berkenaan dengan tanah ini, yang mana sebuah syarikat Serimba Agro Resources Sdn Bhd merupakan, pemajak tanah tersebut melalui pajakan tanah yang telah dimeterai pada 21 April 2005. Di antara syarikat ini dan juga PKPS, tanah berkeluasan 530.11 ekar yang merangkumi 6 lot tanah. Pada tahun 2010 seluas 116.91 ekar atau 3 lot tanah telah diambil balik oleh kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, tujuan hutan lipur dan pengambilan ini didakwa oleh Syarikat SARSB telah menyebabkan cadangan projek pembangunan mereka tidak *viable* Projek pembangunan yang dicadangkan oleh SARSB adalah antara lainnya Agro Resort, *Out bond School, Old Folks, Retired Home* dan sebagainya. Walau bagaimanapun permohonan SARSB untuk melaksanakan projek tersebut tidak mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri, maka SARSB mendakwa Kerajaan Negeri telah pun bersekongkol dengan pihak PKPS untuk mengecewakan perjanjian pajakan tanah tersebut, lanjutan itu SARSB telah memfailkan saman terhadap PKPS di mahkamah tinggi Shah Alam. Status tanah nya tidak dapat melaksanakan apa-apa aktiviti ke atas baki tanah tersebut seluas 413.2 ekar kerana terdapat kes saman di antara SRASB dengan PKPS yang sedang berlangsung di Mahkamah Tinggi Shah Alam dan jumlah ganti rugi yang dituntut oleh Syarikat SRASB adalah sebanyak RM236.7 juta. Maka pihak PKPS sedang masih lagi dalam proses mahkamah dan melihat dan untuk menilai kembali jumlah tuntutan ganti rugi 236.7 juta tersebut dan ada juga cadangan di mana Ahmad Zaki Resources Sdn Bhd iaitu pemegang konsesi lebuhraya AKVE untuk menyatakan perancang mereka bagi mendapatkan Kerajaan Negeri mengambil balik di antara lot-lot tersebut untuk tujuan pengambilan balik tanah untuk menggantikan tanah rizab hutan yang akan terlibat dengan pembinaan lebuhraya AKVE. Di sana kalau kita lihat daripada 6 lot itu hampir semuanya telah pun disentuh dengan apa yang saya nyatakan tadi dan ada beberapa tadi mungkin lebih daripada tanah- boleh lah bersama dengan Kerajaan Negeri Dusun Tua untuk kita majukan perkara ini. Bakinya 2 lot lagi yang sebenarnya daripada pihak Kerajaan Negeri melalui portfolio saya sedang merangka untuk kita mengadakan satu projek yang dipanggil sebagai Ladang Agrotek di bawah selian 100% Kerajaan Negeri Selangor dan di sana juga ada program yang disebut sebagai usahawan Agromuda sebagaimana dinyatakan oleh Dusun Tua Untuk melibatkan generasi muda dalam pertanian ini, dan *Insyah-Allah* dalam rangka dan juga penilaian akhir untuk kita bentang kepada kerajaan negeri untuk kita meneruskan program usahawan Agromuda ini dan tanah-tanah kerajaan di dalam negeri Selangor pun telah dikenal pasti untuk kita memulakan program yang saya sebut sebagai usahawan Agromuda ini di mana nanti peserta akan mendapat bimbingan dan pengalaman *hand on* di ladang. Peserta akan menjadi usahawan yang berkeyakinan dan kemahiran dan berdaya saing, peserta juga tidak langsung dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar sudah pastilah kita akan dapat meningkatkan KDNK

mencapai sasaran Kerajaan Negeri kepada 2% pertanian kepada yang sebelum ini yang puratanya 1.7 % sahaja. Jadi Dusun Tua, *Insyah-Allah* kita akan bersama-sama menjayakan yang kita sebut tadi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dusun Tua sila.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker terima kasih Yang Berhormat EXCO, Saya ada 2 perkara yang saya nak bertanya. Yang pertama saya nak balik kepada lembu tadi, Ini bukan nya lembu berkeliaran tetapi lembu kejar orang. Di tempat saya ada satu kes di Sungai Tengkali, yang sekali lembu kejar orang sebelah, jadi macam tu maka berlaku pertengkaran antara penternak lembu dengan orang yang punya tanah di sebelah dan apakah garis panduan untuk penternak binatang ini macam lembu kambing supaya mereka ini tidak semudah-mudahnya untuk menternak lembu ini walaupun di tanah sendiri tetapi timbul masalah tadilah. Kadang-kadang mengganggu tanah yang sebelah dan ini banyak saya tengok penternak-penternak di DUN Dusun Tua ini sama ada lembu atau kambing. Mereka tidak jaga kandang itu dan penduduk setempat marah kerana dengan baunya dengan air kubangnya pergi mengalir ke longkang-longkang di tanah-tanah orang lain dan kita minta supaya kerajaan negeri ambil perhatian perkara ini sekiranya kalau mereka nak bela lembu atau kambing mesti ada satu garis panduan kalau mereka tidak boleh menyempurnakan atau tidak boleh maka kita ambil tindakanlah. Yang Kedua berhubung dengan tanah milik KPS tadi yang berada di mukim situ. Seperti mana yang saya selalu sebutkan dan minta kerjasama dengan Kerajaan Negeri kalau betul Kerajaan Negeri ada cadangan supaya tanah itu diberikan kepada orang tempatan terutamanya belia-belie yang minat sekarang ini untuk mereka mencucuk tanam dan membela lembu dan juga binatang yang lain itu satu perkara yang saya alu-alukan, tetapi agaknya bila agaknya Yang Amat EXCO boleh kita memanfaatkan tanah itu, kerana dah lama sangat dah dulu pun saya kata saya sebut dalam dewan ini tapi sekadar kita apa ini dan menimbulkan soalan sahaja tetapi tiada tindakan susulan tanah itu terbiar sampai 40 tahun 50 tahun tak ada apa-apa hasil yang kita dapat tanah itu, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat menjawab 2 soalan Dusun Tua itu, saya minta Yang Berhormat memendekkan ke-2 minit dan sekiranya habis. Terima kasih habiskan yang ini, silakan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Dusun Tua, saya tak pasti apakah yang berlaku selepas lembu itu berjaya mengejar jiran sebelah. Tapi dari sudut di sana ada undang-undang yang diselenggarakan di peringkat PBT dan di peringkat Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk memberikan kebenaran bagi penternak-penternak ini, memelihara lembu dan mungkin di peringkat Dusun Tua boleh mengajukan kepada peringkat PBT ataupun di peringkat Veterinar sendiri untuk kita lihat secara spesifik kes yang dimaksudkan itu. Yang Keduanya dari sudut tanah tadi kita akan lihat balik kerana tanah itu saya sebutkan tadi dalam kes mahkamah.

Walau bagaimanapun saya memberikan harapan kepada Dusun Tua bahawa kita sedang merangka program usahawan Agro Muda, Agro Muda dan kita telah mengenal pasti tanah-tanah di seluruh Selangor sebenarnya, untuk kita mengenal pasti tempat-tempat yang sesuai kita bagi latihan dan kita telah pun menyediakan *target* kita dalam tempoh tahun 2015 daripada 25 hingga 50 warga-warga muda yang akan terlibat dalam program Agro Muda ini *Insyah-Allah*. Saya ucapkan terima kasih kepada seluruh Ahli Dewan yang telah pun menyentuh persoalan Infrastruktur juga Pertanian terima kasih itu sahaja. *Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Chempaka.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Salam sejahtera, Yang Berhormat Speaker saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang telah menyentuh isu rumah perumahan kepada Kampung Tunku, Tanjung Sepat, Sekinchan dan ramai lagi. Sememangnya Kerajaan Negeri agresif melibatkan pemaju swasta untuk terlibat dalam membina rumah Selangorku atau pun rumah mampu milik. Ini terbukti apa bila setakat ini tahun ini sahaja 9 projek telah mendapatkan kebenaran merancang yang melibatkan lebih daripada 11, 833 unit rumah. Dan setakat ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sebanyak 5 daripada 9 projek tersebut yang melibatkan lebih daripada 7005 unit. Oleh itu Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa mengalu-alukan kerjasama antara pihak swasta dan kerajaan. Walaupun Kerajaan Negeri yakin mencapai sasaran 15 ribu unit, mulai dibina pada tahun ini tetapi sasaran 35 ribu menjelang 2018 sebenarnya adalah cabaran yang lebih besar. Tentang rumah Selangorku ataupun rumah mampu milik luar bandar, Kerajaan Negeri juga mempunyai perancangan agar rumah Selangorku dibina di kawasan-kawasan luar bandar yang bersesuaian, contohnya buat masa ini terdapat satu projek iaitu di Ladang Air Manis, Sabak Bernam, oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad. Untuk menjawab soalan Sabak, projek tersebut telah pada bulan bulan September 2014 mendapat kebenaran merancang dari Majlis Daerah dan telah pada prinsipnya diluluskan pelan bangunan dijangka projek akan dimulakan pada akhir tahun 2015 dan dijangka akan siap pada tahun 2018. BQ tender dengan izin akan dilakukan pada minggu hadapan. Projek ini telah tertangguh sekian lama apabila menunggu jajaran laluan lebuhraya pantai barat dimuktamadkan. Untuk rumah *Selangorku* ianya kita tumpukan di bandar-bandar setakat ini kerana terdapat permintaan yang paling tinggi di bandar-bandar. Untuk menjamin harga yang rendah atau berpatutan lokasinya juga perlu strategik dan tidak memerlukan kos infrastruktur yang tinggi. Selain dari itu ianya mestilah berhampiran dengan sistem pengangkutan awam. Ini adalah di antara sebab-sebab kenapa tumpuan kita adalah kepada kawasan-kawasan bandar. Walau bagaimanapun kerajaan negeri tidak melupakan mereka di kawasan luar bandar. Terdapat satu projek di Sungai Tinggi Hulu Selangor yang boleh dijadikan sebagai projek perintis bagi projek perumahan rakyat di luar bandar. Projek tersebut adalah projek perumahan generasi

kedua FELDA sebanyak 136 unit. Mesyuarat EXCO MTES pada 19 Mac lepas telah meluluskan projek ini dengan harga jualan di bawah RM100,000.00 sebuah. Projek ini akan dijadikan contoh bagi projek perumahan bagi rakyat di luar bandar. DanaSel juga telah disentuh oleh beberapa ahli-ahli yang terhormat sekalian, iaitu skim sewa beli kerajaan negeri, telah saya jawab dengan terperinci. Saya mengucapkan terima kasih kepada yang terhormat-yang terhormat seperti Rawang yang menyentuh tentang DanaSel. Seperti yang telah saya beritahu dewan yang DanaSel ini dimulakan kepada dua projek iaitu RKR Berjaya dan RKR Sungai Sering. Selepas ini *insya-Allah* ia akan diperluaskan kepada skim-skim perumahan yang lain termasuk untuk pembeli-pembeli rumah terpakai atau pun *secondhand*. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada pelancaran rumah SelangorKu di U10 Shah Alam Sabtu lepas telah mengumumkan bahawa skim DanaSel ini akan di buka kepada kakitangan kerajaan Negeri Selangor. Seterusnya telah dibangkitkan juga tentang tanah rizab Melayu yang telah dibangkitkan oleh Kampung Tunku.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik minta.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya bertanya kepada EXCO daripada jumlah lima belas ribu yang telah dibina berapa buah rumah atau berapa ratus rumah yang harganya bawah RM60 ribu. Kan kakitangan yang gajinya RM1,500.00 mereka hanya mampu untuk beli rumah yang harganya di bawah enam puluh ribu.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:Kita tak ada maklumat tentang perkara tersebut, saya akan memberikan jawapan bertulis tentang jumlah terperinci daripada lima belas ribu yang kita jangkakan dibina pada tahun 2015. Berkaitan tanah rizab Melayu ataupun TRM di dalam manifesto Pakatan Rakyat untuk PER 13.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Cempaka, Yang Berhormat Hulu Bernam minta, minta maaf.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Saya ingin bertanya kepada Cempaka, bahawa rumah kedua generasi FELDA di Sungai Tengi, kalau di bawah RM100 ribu ya sebenarnya kena ada betul-betul berapa harga yang berpatutan kerana kebanyakan generasi kedua ini tidak bekerja tetap, kerja kampung. Jadi kita, saya, Hulu Bernam mengharapkan supaya ada penetapan harga untuk peneroka-peneroka generasi kedua ini. Terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sebenar untuk membina rumah tersebut adalah RM150 ribu oleh kerana kos infrastruktur, Tetapi kerana kalau Kerajaan Negeri menanggung akan kos infrastruktur juga premium dia akan turun kepada bawah RM100 ribu. Itulah hasrat kita supaya kerajaan Negeri menanggung kos itu. Tetapi kita akan mengkaji semula dari segi siapa yang layak dan siapa di antara mereka yang boleh kita berikan peluang untuk membeli, tetapi kos itu adalah

di bawah kos yang kita akan keluarkan untuk membina. Berkaitan dengan tanah Rizab Melayu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Soalan lagi boleh?. Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER:Ya.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR: Apakah pembelian ini di beli melalui bank atau pun terus pinjaman dengan kerajaan Negeri dan saya mencadangkan supaya di beri subsidi rumah ini lebih rendah lagi. Sebab saya yakin dan percaya mereka tidak akan mampu kalau bawah RM100 ribu dan kalau boleh kita boleh bagi dengan harga dalam RM50 ribu ke mengikut kadar kemampuan mereka sebenarnya. Jadi saya mengharapkan keadaan ini berlaku. Terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kita masih lagi fasa pertama lagi bahawa kita telah bersetuju lagi mendapatkan kos dan kita bersetuju bahawa kerajaan Negeri akan menanggung kos akan infrastruktur. Jadi kena tunggulah, ini macam baru kahwin dan tanya nama anak siapa pula ini. Sabar dulu ya. *Insyah-Allah* kita akan kita akan lihat apa-apa kemampuan rakyat di kawasan tersebut dan akan membuat keputusan yang terbaiklah. Di dalam manifesto Pakatan Rakyat untuk PRU 2013 ada dinyatakan hasrat Kerajaan negeri untuk membantu pemilik tanah rizab Melayu membangunkan tanah-tanah tersebut. Ini dibangkitkan oleh Kampung Tunku. Jadi sehubungan itu kita telah melihat Kerajaan negeri telah melihat contoh di negeri-negeri lain dan sehubungan ini satu lawatan telah dilakukan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ke pembangunan tanah adat Melaka ataupun PERTAM tahun lepas. Jadi kita akan melihat model PERTAM membangunkan tanah rizab Melayu ini. Walau bagaimana pun perkara ini masih dalam kajian berdasar kan pengalaman di Melaka. Tentang tempat atau pun tabung pemulihan projek perumahan terbengkalai yang telah di bangkitkan oleh Tanjung Sepat. Tabung projek pemulihan perumahan terbengkalai atau TEPAT ini telah di umumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada ucapan belanjawan tahun lepas. Memang benar terdapat cadangan agar sumber kewangan untuk TEPAT ini datang dari sumber-sumber lain, seperti daripada anak-anak syarikat kerajaan negeri. Walau bagaimana pun setelah di bangkitkan di dalam EXCO, rancangan asal seperti ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar agar Kerajaan Negeri yang menyumbang daripada tabung ini akan diteruskan. Walau bagaimana pun yang pasti bahawa RM20 juta untuk tabung ini akan ada. Dan satu jadual pelaksanaan akan diumumkan dengan sasaran-sasaran yang akan dimuktamadkan. Sasarannya seperti yang di umumkan oleh Dato' Menteri Besar bahawa RM20 juta merupakan jumlah tabungan, jumlah tabung dan sasaran projek-projek yang kita kenal pasti adalah lebih kurang 1200 unit untuk permulaan. Seterusnya tentang pembesaran kampung ini telah dibangkitkan oleh Tanjung Sepat dan juga Kuala Kubu Bharu, yang telah menyentuh tentang isu ini. Ada dua isu di sini. Yang pertama ialah tentang projek pembesaran kampung yang telah berjalan

tetapi telah terbengkalai. Yang kedua adalah projek pembesaran kampung di masa akan datang. Untuk projek pembesaran kampung yang terbengkalai, terdapat lima projek yang sedang di uruskan oleh PKNS untuk di pulihkan. Yang pertama adalah Kampung Baru Kundang di bawah MPS di bawah MPBTMPS. Kedua adalah Kampung Desa Mawar, MDKS, yang ketiga adalah Kampung Koskan MDHS dan keempat adalah Kampung Melayu Rasa MDHS dan kelima adalah Kampung Kiai Haji Arshad MDHS kesemuanya merangkumi lapan ratus lima puluh dua unit. Kaedah penyelesaian bagi Kampung Melayu Rasa telah diluluskan di dalam Mesyuarat EXCO MTES pada 19 Mac lepas kaedah ini boleh dan akan digunakan untuk projek pembesaran kampung yang lain yang empat yang baki. Dan untuk pembesaran kampung di masa akan datang perkara ini telah di sentuh oleh Yang Berhormat Sijangkang di dalam penggulungan beliau sebab ia akan dimasukkan di bawah portfolio beliau. Terima kasi juga kepada Selat Kelang yang telah mengutarakan cadangan tentang satu penyelesaian yang holistik dan *interstice* untuk melakukan transformasi kepada rumah-rumah kos rendah. Saya telah mencatatkan cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan di antaranya ialah *focus* spesifik area dengan izin, *success oriented customize mine roadmap* jadi *insya-Allah* perkara ini akan dibincangkan ke dalam kempen ceria, bersih dan harmoni. Ingin juga saya tegaskan di sini bahawa untuk menyelesaikan masalah di pangsapuri-pangsapuri kos rendah dan bukan kos rendah ianya perlu dilakukan bersekali dengan EXCO-EXCO lain jadi bukan hanya perumahan tetapi juga melibatkan kebajikan wanita dan EXCO-EXCO lain. *Insya-Allah* kita akan bersama-sama dalam satu Jawatankuasa khas untuk menyelesaikan masalah tersebut bersama dengan tiga atau empat EXCO.

Tentang tindakan ke atas pemaju rumah SelangorKu. Kota Damansara membangkitkan bahawa terdapat daripada rumah SelangorKu telah kita luluskan tetapi terdapat atau pun banyak daripada pemaju-pemaju yang telah tidak membuat permohonan untuk kebenaran merancang. Keseluruhannya ada tujuh puluh empat projek yang telah diluluskan daripada 2011. Apa yang telah kita lakukan dan kita telah panggil akan pemaju-pemaju tersebut, dan kita bagi *dateline* kan hujung bulan 8 ini dia kena *clear* atau pun dia kena *submit* dia punya permohonan merancang selewat-lewatnya akhir tahun ini. Kalau dia tak *submit* pada tahun ini kita akan *blacklist* sama ada pemaju, pemaju dia tak ada masalah kerana dia boleh tukar nama, kita akan *blacklist* pengarah. Jadi bermakna kita serius dalam hal ini dan memang kelihatan seriusnya kita apabila pada tahun ini kita telah menggesa pemaju-pemaju yang telah mendapat permohonan untuk membina rumah mampu milik dan kebanyakan daripada mereka yang tahun ini kita menjanjikan enam puluh hari mereka akan mendapat kebenaran merancang, dan memang betul dapat kebenaran merancang lebih atau pun kurang daripada tarikh tersebut. Bermakna kerajaan Negeri akan terus menggesa atau pun memanggil pemaju-pemaju tersebut. Tentang persoalan jaminan sama ada rumah SelangorKu atau rumah SelangorKu tidak akan naik harga atau tidak, ini merupakan pertanyaan daripada Kota Damansara yang bertanya seolah-olah dengan nada bahawa tak percaya

bahawa rumah SelangorKu ini harganya akan kekal sepertimana yang kita nyatakan. Mungkin oleh kerana GST akan datang. Walaupun saya tahu bahawa Kementerian Perumahan pun ada kata bahawa dia punya harga *itu not effected* tidak terkesan tapi kalau sebelah sana pun tak percaya kami lagi tak percaya kan. Jadi sebenar memang betul. Walau pun tak ada GST ke atas harga rumah tetapi kita kena faham bahawa industri rumah ini di sokong oleh lebih daripada seratus tiga belas industri yang lain. Jadi kalau kesemua industri ini kena GST maka sudah tentu ianya akan terkesan kepada pemaju. Kita boleh kawal, kita boleh paksa pemaju jual dengan RM250 ribu, ataupun RM100 ribu tetapi kita berharaplah bahawa ianya tidak akan memberi kesan kepada kualiti tersebut. Tapi jaminan kerajaan negeri sekarang ini kita tidak akan menaikkan harga siling bagi rumah SelangorKu iaitu RM250 ribu. Tentang rumah SelangorKu Sungai Sering, untuk makluman Yang Berhormat sekalian, projek rumah SelangorKu di Sungai Sering oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor adalah dalam pembinaan di buat dalam beberapa fasa. Jadi fasa satu melibatkan 624 unit itu sebab kalau kita lihat dalam laporan bahawa untuk tahun ini hanya 624 unit, tapi untuk keseluruhannya memang 2496 sebab kita tak boleh buat bersekali sebab dari segi kapasiti untuk membangunkan sekali itu tidak ada atau pun tidak ekonomik. Dan sekarang ini sememangnya pihak Lembaga Perumahan Hartanah Selangor tengah menunggu satu kajian oleh pihak MBI di mana MBI sedang mengadakan perbincangan dengan *EcoWorld* tentang projek ini oleh kerana kita hendak melakukan penambahbaikan dan juga untuk mengkaji semula sama ada kos yang terlibat dan akhirnya sama ada kos atau pun harga jualan rumah ini dapat di turunkan sebab ianya tertangguh oleh sebab pihak *Menteri Besar Incorporated* sedang mengadakan perbincangan dengan kontraktor yang terlibat. Tentang sama ada terdapat rumah kos rendah di situ, telah ada di bina rumah kos rendah di Sungai Sering iaitu sebanyak 690 unit rumah kos rendah di tapak yang telah dibina dan yang telah didiami. Pinjaman perumahan pembeli-pembeli rumah di Selayang Mutiara di Bukit Botak juga dibangkitkan. Sememangnya ada kumpulan penduduk yang tidak dapat membeli oleh kerana tidak dapat pembiayaan bank, oleh kerana ianya telah ditolak oleh bank-bank yang terlibat. Satu skim baru telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri di mana kita telah mendapat persetujuan daripada *Maybank* untuk memberi pinjaman khas kepada mereka di sana, atau mereka yang tidak mendapat pinjaman dengan cara yang biasa. Kerajaan Negeri sedang memuktamadkan perjanjian dengan *Maybank*, LPHS sedang menguruskan permohonan dan setakat ini sebanyak 102 orang telah mengemukakan permohonan untuk mendapat pinjaman melalui skim ini. Di antara syarat-syaratnya adalah kerajaan negeri perlu meletakkan sejumlah wang di bank tersebut. Tentang baik pulih rumah PPR Kota Damansara, sememangnya RM5 juta telah diperuntukkan untuk baik pulih PPR Kota Damansara. Ini telah diumumkan oleh Menteri Besar pada Belanjawan 2015 dan pecahan peruntukan tersebut adalah seperti berikut :- membaiki lif RM 2 juta, untuk membaiki jeriji (*railings*) adalah RM1.5 juta dan kerosakan-kerosakan lain adalah sebanyak RM1.5 juta juga. Jadi ini bermakna keseluruhannya adalah RM5 juta. Untuk membaiki pulih jeriji jadual kerja adakah seperti berikut :-

(a) Tender telah disiapkan oleh Perumahan Hartanah Selangor (PSSB Sdn. Bhd) pada 2 April 2015. Tender dah siap, pemilihan kontraktor akan dilakukan hari ini. Pelantikan kontraktor akan dilakukan pada 7 April 2015. Kerja-kerja akan dimulakan pada 20 April 2015. *Insyah-Allah*. Jadi Kota Damansara boleh pantau lah, boleh beritahu sayalah bila siap, dah mula atau tidak. Saya dah bagi nombor telefon kan hari tu.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Puan Speaker, tapi kadang-kadang kan EXCO turun ke PPR pun tak maklumkan kat wakil rakyat kat situ. MB turun pun jemput saya.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Ok lah. *Insyah-Allah*, tapi saya dah bagi nombor *handphone* tapi dia tak telefon pun macam mana. Tak apa *Insyah-Allah* saya kali ini.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Kota Damansara telefon tapi tak jawab tau.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Mohon mencelah. Saya baca beberapa kali dalam surat khabar yang dikatakan bahawa tidak jelas pihak mana yang *ultimately in charged* untuk *maintenance* PPT Kota Damansara. Adakah itu sudah selesai ataupun masih lagi ada keraguan?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Memang PPR Kota Damansara di bawah PASSB dan yang perlu diselesaikan adalah masalah tanah. Tanah masih PKNS. Jadi EXCO akan buat keputusan sama ada nak beri pada PJ atau beri kepada PKNS lah. Jadi bermakna bahawa sekarang ini memang diuruskan oleh Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2015.

Komuniti berpagar dan berpengawal telah disentuh oleh Damansara Utama dan ianya adalah berkaitan dengan satu keputusan mahkamah tentang satu kes yang melibatkan satu komuniti berpagar dan berpengawal. Boleh dikatakan bahawa keputusan itu sebagai satu *landmark judgement*. Jadi Kerajaan Negeri akan mengkaji dengan terperinci implikasi keputusan ini kepada garis panduan-garis panduan yang sedia ada. Kerajaan Negeri dulu pernah garis panduan yang asal tu apabila kita nak menghasilkan garis panduan tersebut kita telah mengadakan bengkel dan kita menjemput semua pihak yang berkepentingan dalam komuniti. Jadi bermakna bahawa perkara yang sama juga akan dilakukan.

Penjagaan harta bersama, sama ada oleh PBT atau pun oleh JMB. Ini telah dibangkitkan oleh Bukit Gasing yang telah menggesa agar rumah kos rendah menyerahkan kawasan pembangunan mereka kepada kerajaan negeri untuk

diselenggara kecuali blok kediaman contohnya seperti kawasan lapang dan contohnya seperti jalan-jalan. Untuk melakukan perkara ini diperlukan satu kajian yang terperinci dan prosedurnya agak memakan masa. Walau bagaimanapun, Dato' Menteri Besar telah memaklumkan bahawa semua jalan-jalan di bawah MC dan JMB untuk rumah kos rendah sekarang ini akan di baik pulih oleh Kerajaan Negeri. Jadi bermakna bahawa kita berharap ini dapat menyelesaikan sebahagian besar daripada masalah dan kalau kita nak...

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Mohon pencerahan. Taman Medan. Taman Medan mengalu-alukan pengisytiharan untuk membantu pembinaan atau membaik pulih jalan-jalan di kawasan rumah kos rendah. Boleh EXCO kongsi bila boleh dilaksanakan?

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Ini dibincangkan di dalam *Retreat* EXCO di Pulau Pinang baru-baru ini. Dalam *Retreat* tersebut diarah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor *compile* tentang pembangunan-pembangunan dan kita akan menetapkan koslah. *Insya-Allah* tahun hadapanlah.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Mohon penjelasan, mohon penjelasan kepada YB EXCO. Saya ingin nak tanya Y.B. EXCO, apakah kaedah untuk memohon skim yang baru dilancarkan ni dan agensi manakah yang akan memberi peruntukan untuk skim ini? Terima kasih.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:Kita baru bincang di peringkat apa ni...baru kahwin belum lagi dapat anak. Jangan tanya fasal anak kan tapi masa kita bincang tu masalahnya adalah tentang MARRIS sebab MARRIS ni tak boleh kita buat tak boleh kita masuk ke rumah kos rendah dalam kawasan JMB, jadi ada permintaan yang tinggi tapi kita tak boleh guna MARRIS, peruntukan MARRIS, jadi perlu ada satu peruntukan lain yang lah. Itu yang kita kaji dulu, peruntukan itu *Insya-Allah* ada, dah diumumkan lah, kemudian kita bagi tahu. Dan sebenarnya untuk tindakan yang selanjutnya..

TUAN SPEAKER:Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Saya juga nak ucapkan terima kasih di atas pengumuman tadi. Saya memang mengalu-alukan jalan raya disenggara oleh kerajaan negeri dan saya mengharap juga dipertimbangkan kawasan lapang, kawasan taman permainan (*playground*) dengan izin dan dewan juga disenggara. Memandangkan di kawasan orang kaya seperti di rumah teres, rumah *semi-d* dan rumah banglo, kawasan *playground* dia disenggara oleh Majlis, tetapi di kawasan *flat*

ni ada yang di mana taman permainan dia masih lagi di bawah JMB ataupun MC dan tidak disenggara oleh Majlis.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:Kajian la tetapi benda ni berbeza-beza. Ada tempat yang berjaya, ada tempat yang tidak berjaya. Bukan semua yang tidak berjaya ada tempat yang dapat disenggara dengan baik. Kita akan kaji bukan itu sahaja tetapi yang saya lebih yang satu *step* ke hadapan adalah dari segi penyenggaraan ataupun kos lampu-lampu jalan di dalam kawasan JMB. Ini pun masalah juga dan kita tangani sebab banyak yang tidak menyala dan pihak Majlis pun tak mahu masuk sebab ini kawasan JMB, ini rumah kos rendah, yang ini pun sekali akan kita selesaikan.

Morib ada membangkitkan isu rumah terbengkalai Kampung Tongkah, Morib, Banting. Perkara ini telah kita selesaikan ataupun telah ada satu *proposal* iaitu supaya pihak pemaju membayar *premium* mengikut berdasarkan kepada kadar 2010. Kalau kita pakai kadar 2010 ini bermakna pemaju mungkin akan mengalami kerugian lebih daripada setengah juta. Oleh itu ada satu cadangan supaya ianya kita gunakan kadar *premium* tahun 2007. Jadi bermakna dengan 2007 ini pihak pemaju akan dapat keuntungan yang paling minimum sebanyak RM30 ribu dan kita dapat menyelesaikan masalah projek perumahan tersebut. Itu sahaja yang dapat saya jawab.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER:Kuala Kubu Baharu

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:Yang Berhormat EXCO, sini, sini sebelah....Ok, saya nak balik kepada tadi jawapan Yang Berhormat EXCO tentang projek pembesaran Kampung Melayu Rasa sebab saya nak pastikan jawapan yang betul diberikan. Jawapan bertulis kata PKNS membentangkan kertas kerjanya dan MTES yang menangguhkan. Keputusannya ialah MTES yang menangguhkan kertas kerja tersebut tapi tadi Yang Berhormat EXCO menjawab, pada hari yang sama EXCO meluluskan kaedah itu. Jadi saya ada serba salah, mana satu yang betul.

Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:Kaedah tersebut kita telah terima iaitu kaedah di mana pembesaran kampung ini melibatkan banyak, banyak rumah dan apa yang kita lakukan adalah bahawa rumah-rumah yang tidak dijual lagi sama ada kita tukar pembangunan itu kepada pembangunan lain atau dijual dengan harga yang lebih tinggi supaya dapat *cross-subsidized* akan mereka di situ. Jadi itu jawapan saya lah. Seingat saya memang telah diluluskan. Terima kasih banyak. *Assalamualaikum*.

TUAN SPEAKER:Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak, Kampung Tunku, Permatang, Paya Jaras dan Taman Medan yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan menyentuh *portfolio* di bawah jagaan saya iaitu pengangkutan dan dari segi pelaburan. Saya akan menjawab isu-isu yang berkaitan dengan pengangkutan terlebih dahulu.

Tuan Speaker, Kajian Rancangan Struktur di Selangor 2035 yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Selangor telah menunjukkan peningkatan nisbah pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian iaitu pada tahun 2008; 12,888, pada tahun 2012; 25,075 dan pada tahun 2014; 27,073. Manakala anggaran purata kenaikan kenderaan persendirian adalah sebanyak 3% setahun. Ini disebabkan oleh *accessibility* terhadap pengangkutan awam yang terhad menyebabkan rakyat tiada pilihan selain menggunakan kenderaan persendirian untuk bergerak ke tempat kerja atau untuk tujuan lain. Atas dasar kepedulian kepada rakyat kerajaan negeri Selangor telah mengemukakan cadangan supaya pembangunan infrastruktur pengangkutan awam diberi keutamaan oleh kerajaan persekutuan selaras dengan rancangan untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama berbanding kenderaan persendirian di negeri Selangor. Kerajaan negeri juga mengesyorkan nisbah minimum pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian adalah 60:40 berbeza dengan nisbah yang ditetapkan oleh kerajaan persekutuan pada 40:60. Kerajaan negeri prihatin akan keperluan bagi memperbaiki sistem pengurusan trafik di negeri Selangor walaupun Pelan Induk Pengurusan Trafik Selangor belum dirangka sebagai langkah alternatif kerajaan negeri telah mengarahkan pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa untuk menjalankan kajian dan menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Kerajaan negeri memutuskan supaya Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negeri Selangor dibangunkan dalam tempoh enam bulan bermula dari April 2015. Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam yang dijalankan akan lebih menyeluruh serta merangkumi aspek sistem pengangkutan awam sedia ada, sistem jaringan jalan raya dan lalu lintas yang akan membantu memperbaiki sistem pengurusan trafik di negeri Selangor. Melalui pembangunan pelan induk itu juga kerajaan negeri Selangor akan membuat pertimbangan terperinci antara keperluan pembangunan lebuh raya, jalan raya atau pembangunan pengangkutan awam. Dalam usaha menambah baik sistem pengurusan trafik di negeri Selangor juga, kerajaan negeri menerima baik usaha untuk membangunkan perbandaran menggunakan konsep *Transit Oriented Development* (TOD). Melalui JPBD Selangor, kajian TOD dijalankan dalam merangka pembangunan berorientasikan transit di Negeri Selangor bagi merangka pembangunan di sekitar stesen-stesen transit seperti MRT, LRT, komuter dan rangkaian lalu lintas laluan bas. Di samping itu juga, kajian TOD dapat mengenal pasti elemen-elemen lain yang menggalakkan usaha memperbaiki sistem pengurusan trafik dengan penyediaan bas pengantara atau *feeder bus* yang secara langsung membantu memperbaiki sistem pengurusan trafik di negeri Selangor.

Selain itu sistem pengurusan trafik haruslah meliputi perkara-perkara seperti berikut :-

- (i) Meningkatkan penggunaan kemudahan atau *facility* sedia ada mengikut keperluan pengguna jalan raya.
- (ii) Tidak membebankan, atau tidak mahal dan memberikan pulangan pelaburan yang baik.
- (iii) Meningkatkan tahap keselamatan.
- (iv) Melindungi alam sekitar.
- (v) Mudah untuk diubahsuai reka bentuk bagi memenuhi keperluan semasa pengguna jalan raya

Tuan Speaker, nisbah pengangkutan awam dengan pengangkutan sendiri atau dengan izin *public mode share* negara adalah pada paras 21% adalah rendah jika dibandingkan dengan negara lain contohnya negara Singapura iaitu 59%. Berlandaskan *Urban Real Development Plan* (URDP) di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awan Darat (SPAD) sasaran pencapaian *public mode share* untuk tahun 2030 adalah 40%. Melalui URDP, SPAD telah mengenal pasti pelaksanaan projek rangkaian rel seperti berikut:-

1. MRT Satu - Sungai Buloh ke Kajang atau singkatannya SBK. Adalah di peringkat pembinaan dengan kemajuan keseluruhan 60%. Fasa satu dijangka siap pada Disember 2016 dan Fasa dua pada Julai 2017.
2. MRT Dua - Sungai Buloh, Serdang dan Putrajaya atau singkatannya SSP. Adalah di peringkat pemilihan jajaran. Akan dipamerkan kepada orang ramai bermula pada 15 Mei selama tiga bulan. Mengikut perancangan pembinaan akan bermula pada suku pertama 2016 dan akan siap sepenuhnya pada Julai 2022.
3. MRT Tiga - Circle Line akan menghubungkan ke semua rel termasuk MRT Satu, MRT Dua, LRT dan Monorel.

Tuan Speaker, kriteria pemilihan jajaran adalah seperti berikut:-

1. Melalui kawasan penduduk kepadatan tinggi yang sedia ada atau dalam perancangan dan juga kawasan yang tidak mempunyai kemudahan rel.
2. Menjanakan pengguna yang tinggi atau *high ridership* dan ianya juga perlu

bersambung terus *simles integration* dengan rel lain dan ke kawasan pembangunan.

3. Mengurangkan kos pengambilan tanah.
4. Mengurangkan kesan negatif sosial.
5. Masa perjalanan yang pendek untuk menarik minat pengguna.

Masih banyak kawasan yang belum mempunyai kemudahan rel menyebabkan jajaran perlu melalui kawasan seperti kawasan Kepong, Batu, Kg. Baru, Sungai Besi, Salak, Serdang, Putera Permai dan Cyberjaya.

Tuan Speaker, kajian mendalam telah dibuat sama ada MRT Dua atau MRT Tiga perlu melalui kawasan Pandan atau Sungai Besi termasuk Bandar Malaysia. Berpandukan kriteria tersebut di atas keputusan SPAD telah dibuat supaya MRT Dua akan melalui Sungai Besi termasuk Bandar Malaysia. Terdapat kelebihan dengan pemilihan MRT Dua melalui Sungai Besi dan Bandar Malaysia antara lainnya adalah seperti berikut:-

1. Pengguna yang lebih tinggi, *high ridership*.
2. Integrasi dengan *high speedrail*. *High speedrail* ini adalah rel yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura di mana dalam taklimat yang diberikan kepada saya pada tempo hari rel ini yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura akan hanya mengambil masa 90 minit daripada destinasi ke destinasi yang terakhir. Ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta penjelasan. Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO. Tadi ada dinyatakan *integration* antara MRT punya rel dengan *high speed*. Selain daripada itu, adakah dirangkakan integrasi dengan trem ke ataupun sistem pengangkutan lain.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Dalam perancangan yang dibuat oleh SPAD buat masa ini belum ada cadangan untuk buat trem mungkin trem itu lebih sesuai untuk dibina dalam kawasan perbandaran dan jajaran-jajaran yang dibina ini sama ada MRT ataupun LRT atau *High Speed Rail* ini adalah untuk dalam bandar yang kawasan melibatkan kawasan yang lebih luas dan juga antara bandar dengan bandar. Jadi umpamanya MRT daripada Sungai Buloh hingga ke Kajang ya dan ada dua jajaran seperti yang saya sebutkan tadi SS yang pertama adalah SBK, MRT Satu dari Sungai Buloh ke Kajang dia melalui beberapa perbandaran termasuk Kuala Lumpur. Yang Keduanya, MRT Dua dari Sungai Buloh, Serdang ke Putrajaya juga melalui beberapa perbandaran dan ini adalah menghubungi kawasan dalam kawasan di mana kepadatan penduduk adalah tinggi.

Sementara itu, LRT adalah untuk kawasan yang lebih jauh umpamanya yang akan menyambungkan Bandar Utama hingga ke Klang. Itu melibatkan kawasan yang lebih besar lagi. Ini adalah mempunyai fungsi-fungsi yang berlainan sementara itu trem lebih sesuai untuk kawasan perbandaran itu sendiri dan mungkin itu memerlukan kewangan yang lebih besar yang mungkin belum dapat dimasukkan dalam perancangan yang sedia ada ini.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Nak minta penjelasan sedikit.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya nak tanya, berhubung dengan pengangkutan projek pengangkutan awam di negeri Selangor yang saya dapat tahu dari surat khabar bahawa BRT di Lebu Raya Persekutuan telah dibatalkan. Apakah *whats is the reason* dan adakah kita akan buat *something to compressive* BRT yang telah dibatalkan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Yang Berhormat Damansara Utama jangan percaya sangat kepada surat khabar. Sebenarnya saya telah dimaklumkan dan saya sendiri telah dalam satu majlis berkesempatan bertanyakan soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Di mana saya dimaklumkan bahawa sebenarnya kabinet telah pun meluluskan BRT yang menghubungkan KL Central ke Klang yang akan melalui MPPJ, MPSJ, MBSA dan juga MPK. Tapi disebabkan oleh kekangan kewangan maka projek ini dibekukan sementara oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan sedang mencari jalan untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menampung projek ini. Jadi projek ini tidak dibatalkan. Hanya dibekukan sementara menunggu kewangan. Hah itu yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri kepada saya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta Pencilahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Sungai Pinang. Saya ingin bertanya tentang KVMRT Dua di mana sebelum ini juga terdapat laporan akhbar malahan maklumat daripada GAMUDA bahawa jajaran untuk KVMRT Dua telah ditukar di mana ianya akan melalui Bandar Malaysia dan apa yang mengejutkan kami bukan Bandar Malaysia tetapi ialah kawasan yang sepatutnya terletak di dalam jajaran ini pada asalnya termasuk lah kawasan seperti Pandan, Cempaka, Ampang dan sebagainya dikatakan dikeluarkan daripada jajaran KVMRT ini. Yang ini membimbangkan saya dan juga Dewan Undangan Negeri Selangor. Jadi saya ingin mendapat komen daripada Kerajaan apakah peranan ataupun yang boleh Kerajaan Negeri Selangor mainkan dalam menentukan jajaran ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya juga telah dimaklumkan bahawa jajaran ini dibuat sedikit pengalihan di mana kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat Kampung Tunku tadi iaitu termasuk Pandan dan sebagainya tidak dimasukkan kerana buat masa ini sudah ada perkhidmatan LRT yang merangkumi kawasan-kawasan ini jadi MRT cuba merangkumi kawasan yang belum lagi mempunyai perkhidmatan rel dan walau bagaimanapun selepas ini ada *circle line*. *Circle line* yang akan menghubungkan jajaran MRT dan LRT dalam kawasan Kuala Lumpur khususnya. Oleh itu, apabila rangkaian ini siap maka tidak wujud masalah seperti berikut dan untuk juga ini adalah untuk memastikan bahawa *rider ship* itu lebih tinggi lagi. Lebih banyak kawasan dapat menikmati perkhidmatan rel kalau tidak hanya kawasan Pandan sahaja atau Ampang tertentu yang mendapat perkhidmatan rel. Ada LRT, ada MRT sedangkan ada kawasan langsung tidak ada. Sebab itu, itu antara sebabnya mengapa dibuat perubahan.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Tetap Pengangkutan yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah pun bertemu dengan pihak GAMUDA pada dua minggu yang lalu dan Jawatankuasa Tetap Pengangkutan telah pun menasihatkan supaya pihak GAMUDA memperolehi pandangan ataupun maklum balas daripada semua wakil rakyat dan juga semua lapisan masyarakat dalam proses pendengaran awam ini supaya satu maklumat yang lebih lengkap, lebih menyeluruh dapat diperolehi sebelum jajaran yang akhirnya ditetapkan dan walau bagaimanapun pihak Kerajaan juga selepas ini akan diberi taklimat apabila pendengaran awam itu disempurnakan di mana input daripada Kerajaan masih boleh dimasukkan ke dalam perancangan untuk MRT Dua ini.

Tuan Speaker, berkenaan dengan kelebihan memilih MRT Dua melalui Sungai Besi dan Bandar Malaysia sebab yang ketiga adalah kelebihan yang ketiga ialah kemudahan pengangkutan rel untuk penghuni 7,500 rumah mampu milik di Bandar Malaysia. Jadi kita memikirkan juga kebajikan penghuni di rumah mampu milik yang seramai 7,500 rumah di Bandar Malaysia ini.

Yang keempat,

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA: Minta Pencilahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, sila.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA: Adakah itu bermakna kos untuk menggunakan pengangkutan ataupun kaedah yang akan diperkenalkan juga mampu digunakan oleh mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya Tuan Speaker, berkenaan dengan bayaran belum lagi ke peringkat itu tapi itulah masalahnya bila kalau kita tak bagikan perkhidmatan ini orang ada desak nak minta perkhidmatan. Bila dibekalkan perkhidmatan pula kluatir dengan bayarannya. Jadi sudah tentu ada kosnya ya kalau kita hendak menggalakkan ataupun pengguna jalan raya hendak menggunakan pengangkutan awam sudah tentu dia kena bayar daripada dia bayar ansuran kereta, bayar apa ni minyak dan tambah lagi GST mungkin lebih baik kalau dia bayar untuk MRT dan untuk kemudahan yang akan datang ini apabila semua rangkaian disiapkan nanti sudah tentu lebih mudah lagi untuk pengguna pengangkutan awam ini apa tu menggunakan ini lebih mudah lagi. Kemudahan yang lebih baik daripada membawa atau menggunakan kenderaan sendiri. Kosnya sudah tentu lebih rendah daripada penggunaan kenderaan persendirian.

Yang keempatnya, perjalanan yang lebih cepat memandangkan jajaran keseluruhan yang lebih pendek. Tuan Speaker, jika MRT Dua melalui kawasan Pandan, ianya mempunyai impak negatif terhadap alam sekitar. Ini antara satu sebabnya serta kesan sosial iaitu ia akan melalui rizab Hutan Simpanan Bukit Sungai Puteh, sudah tentu Yang Berhormat belum bantah, Yang Berhormat daripada Bukit Lanjan akan membantah dahulu. (ketawa) dan kawasan perkuburan Islam Taman Bukit Teratai namun penduduk kawasan Pandan tidak di abai kerana mereka akan mendapat kemudahan pengangkutan awam yang setaraf kerana MRT Tiga akan melalui kawasan Pandan. Haah lagi selain daripada LRT ada MRT Tiga lagi. Apabila MRT Dua siap pada tahun 2022 ianya dijangka memberi kemudahan kepada dua juta penduduk dengan anggaran 529 ribu orang sehari akan menggunakannya dan dengan ini dapat mengurangkan lebih 176 ribu kereta sehari di jalan raya.

Bagi memastikan rakyat dapat memberi pandangan ke atas jajaran MRT Dua, MRT Kop telah memberi penerangan kepada wakil-wakil penduduk dan juga kepada orang ramai melalui fokus *group discussion* dengan izin. Di samping itu juga rakyat akan diberi peluang untuk memberi pandangan semasa pameran awam yang akan diadakan pada dari 15 Mei hingga 15 Ogos 2015. Ya selama tiga bulan di 25 lokasi terpilih seperti Pejabat Majlis Tempatan, Sekolah, Pusat Membeli Belah, Hospital dan Dewan Orang Ramai. Pengumuman akan dibuat melalui Media Elektronik, Media Sosial dan Surat Khabar.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa memastikan pembangunan infrastruktur, pengangkutan awam direncanakan sebaik mungkin demi menjaga keselamatan dan keharmonian rakyat. Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri mensasarkan nisbah minima pengangkutan awam kepada penggunaan kenderaan persendirian pada 60:40. Kerajaan Negeri telah mencadangkan lebih banyak pembangunan infrastruktur pengangkutan awam diberi keutamaan seiring dengan rancangan untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama berbanding kenderaan persendirian di negeri Selangor.

Di bawah pelan induk pengangkutan awam yang akan dijalankan oleh JPPD keutamaan yang dikemukakan adalah bagi melaksanakan rancangan pembangunan Bas RAPID Transit, BRT, Perkhidmatan Rel dan Perkhidmatan Bas. Bas Fider dan Bas henti-henti. Kerajaan Negeri juga, komited bagi membantu meningkatkan penggunaan pengangkutan awam melalui penyediaan perkhidmatan *feederbus* kepada MBPJ, MBSA dan MPSJ dalam masa terdekat ini. Perkhidmatan ini juga akan diperluaskan lagi di kawasan MPAJ dan MPK. Pelaksanaan ini juga dirangka dengan mengambil kira aspek-aspek seperti pemilihan laluan berkepadatan tinggi untuk disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah. Keutamaan laluan adalah di kawasan yang tiada perkhidmatan bas sedia ada. Manakala lokasi tumpuan adalah seperti

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Speaker

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Pusat membeli belah, pejabat-pejabat kerajaan dan kemudahan awam.

TUAN SPEAKER: Sg. Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Mohon penjelasan ya. Dalam rangka untuk melaksanakan program menambah penggunaan kemudahan pengangkutan awam ini. Pada masa yang sama apakah rancangan kerajaan untuk kawasan-kawasan PBT di Negeri Selangor ini bagi mengurangkan penggunaan kereta-kereta persendirian ini? Adakah kerajaan akan mesti menimbangkan untuk menggunakan apa kaedah apa ni insentif bagi orang-orang yang menggunakan kereta persendirian ini yang tidak ramai dalam memasuki dalam kawasan-kawasan perbandaran di PBT sebagai satu langkah untuk mempercepatkan, menggalakkan mereka menggunakan pengangkutan awam.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ia, Tuan Speaker. Insentif yang terbaik untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam adalah penyediaan sistem pengangkutan awam yang baik. Itu adalah insentif yang terbaik. Tidak ada insentif lain yang boleh mengatasi penyediaan sistem pengangkutan awam ini melainkan Yang Berhormat Sungai Burong dapat mencadangkan sesuatu untuk

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: 1 soalan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Penjelasan. Sebab kebanyakan malah di negara-negara barat selain daripada pengangkutan awam juga dalam kawasan-kawasan tertentu dalam kawasan bandar ini juga, mereka melarang ataupun kalau menggunakan penggunaan persendirian, mereka akan mengenakan bayaran-bayaran yang tinggi. Dengan cara tak langsung ini akan menggalakkan pengguna-pengguna kenderaan persendirian ini menggunakan

pengangkutan awam daripada menggunakan kereta sendiri. Ini memang biasa di kebanyakan di negara-negara maju.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, tapi Kerajaan Negeri Selangor tidak mahu membebankan rakyat dengan cara mengenakan bayaran yang lebih tinggi seperti GST. Itu akan membebankan rakyat. Kita menggunakan dengan cara yang baik, penyediaan pengangkutan awam, sistem pengangkutan awam. Lebih baik daripada kita mengenakan itu. Itu mungkin kemudian apabila keadaan ekonomi lebih apa tu lebih sesuai untuk dikenakan. Buat masa ini belum ada rancangan seperti itu.

TUAN SPEAKER: Sungai Pinang, Ijok minta

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Ijok ingin nak menanya pada EXCO sebagaimana yang telah kita dapat pada negara-negara yang maju adakah kerajaan Selangor memberi kata menggalakkan penggunaan pengangkutan awam ni tambangan telah / *mean* dikecualikan kepada murid-murid sekolah, warga emas dan OKU.

Y.B DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, untuk MRT dan LRT, itu adalah di luar kawalan Kerajaan Negeri Selangor. Tapi untuk bas komuniti yang telah pun dilaksanakan dan yang akan dilaksanakan buat masa ini kerajaan tidak mengenakan apa-apa tambang. Jadi adalah percuma untuk semua. Jadi itu lebih baik daripada yang di luar negara. Tapi mungkin atas desakan Kerajaan Negeri Selangor dan rakyat Selangor, mungkin kita boleh mengharapkan MRT dan LRT memberikan potongan kepada tambang tersebut. Tapi saya percaya buat masa ini sudah ada potongan tertentu untuk pelajar dan juga untuk warga emas.

Tuan Speaker, selain daripada itu, setiap PBT sentiasa bersedia dalam menangani masalah kesesakan rangkaian jalan raya setempat kesan dari kepesatan pembangunan dengan menyediakan laporan kajian lalu lintas secara menyeluruh bagi kawasan di bawah pentadbiran masing-masing. Sebagai contohnya, pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menyediakan kajian dengan jangka masa sehingga tahun 2030 mengambil kira perkara-perkara berikut :

- Analisis-analisis trafik,
- Penilaian kesan trafik
- Impak lalu lintas mikro
- Spekulasi trafik

Tuan Speaker, saya akan masuk ke isu pelaburan. Ia. Faktor-faktor turun naik jumlah pelaburan yang masuk ke Selangor. Antara faktor-faktor turun naik jumlah pelaburan yang masuk ke Selangor adalah seperti berikut :

- Kadar penurunan prestasi FDI di peringkat global. Merujuk kepada laporan oleh UNCTAD, FDI di peringkat global pada tahun 2014 telah menurun sebanyak 8%.
- Keadaan ekonomi semasa di peringkat global yang kurang memberangsangkan.
- Senario politik semasa.
- Isu bekalan air yang disensasikan oleh media dan pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab.
- Selangor tidak lagi memfokus kepada industri berat.
- Harga tanah industri yang tinggi berbanding negeri lain.
- Keadaan penawaran tenaga kerja tempatan yang kurang menyebabkan industri yang berorientasikan buruh tidak digalakkan.

Tuan Speaker, sekiranya dan pada hari ini

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Penjelasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ia, silakan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO. Tadi, Yang Berhormat EXCO ada menyebabkan salah satu daripada faktor tentang kemerosotan pelaburan di Negeri Selangor ialah masalah air yang telah disensasikan oleh media. Saya bersetujulah benda ini telah disensasikan media tapi saya ingat faktanya juga adalah betul kerana terdapat angka-angka yang menunjukkan bahawa permohonan-permohonan oleh pelabur-pelabur ini terpaksa ditangguhkan oleh kerana tidak ada kelulusan air daripada pihak yang,apa ni pihak berkuasa air.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyebut bukan sahaja saya tidak media, saya kata disensasikan oleh media dan juga pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab. Itu yang masalah utama. Media, sebagai media sahaja melaporkannya. Dan sudah tentu ada media yang dikawal oleh pihak tertentu yang sengaja mensensasikannya. Pada hal kalau kita melihat pada masalah

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ia, boleh penjelasan. Yang dimaksudkan oleh faktanya ada

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ialah belum saya jelaskanlah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Fakta bukannya

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Fakta akan jelaskanlah. Angka-angka saya tunjukkan. Dengarlah kalau nak dengar, dengar dulu. Lepas tu boleh tanya lagi. Belum habis

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya nak penjelasan tadi sebab faktanya

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ia, belum sampai.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: adalah sebahagian daripada

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ia, fakta dia, saya akan sampai faktanya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ok.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:Ha, sabar, sabar ya. Ia, sekarang ini juga adalah masalah tak ada air di Negeri Sembilan. Tidak dijadikan isu. Johor, 3 hari yang lalu, tak ada air tidak dibesar-besarkan. Tapi Selangor dibesar-besarkan. Ha, itu masalahnya. Pada hal...

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:Penjelasan. Ia tidak dibesar-besarkan. Boleh penjelasan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:Ia..

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:Dia ni, perkara ini, dia berbangkit sebab ia berlarutan isu air ni. Bukannya sekali. Kalau macam tu katalah sekali berlaku masalah apa orang kata *treating problem* air dengan izin atau sebagainya itu bolehlah. Tapi ni di Negeri Selangor ni, ini masalahnya berlarutan. Jadi ini yang, yang jadi isunya. Dan air ini bukan 1 perkara yang penting yang perlu diselesaikan

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:Itu tak payah ulanglah. Tapi kalau kita melihat, kalau kita mengimbas kembali sejarah, pada zaman Barisan Nasional, krisis air berlarutan lebih panjang masanya. Masa tu saya duduk di situ. Ha, masa tu, saya duduk di situ, saya tahu. Lebih, lebih teruk lagi. Tapi kalau kita lihat kembali pada tahun 2014, sekiranya kita mengambil risiko tidak mengadakan catuan air, kita tidak ada masalah. Tapi sebagai kerajaan yang prihatin, kerajaan yang sentiasa berwaspada kita mengambil 1 langkah yang berani. Kita mengadakan catuan air. Kalau kita tinjau kembali, kita tak perlukan catuan air tapi kita takut kalau berlakunya air kosong macam mana? Kalau empangan kosong macam mana? Sebab itu kita ambil tindakan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:Yang Berhormat, saya cuma inginkan penjelasan. Faktor pelaburan ini adalah disebabkan masalah air.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:Belum lagilah. Itu salah satunya. Salah satu. Saya dah *survey*. Saya bagi 7.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Apa nak pergi jauh-jauh? Bagilah, ialah kalau itu salah satu faktornya, cuma saya pun tak sebutkan faktornya. Sebab itu tadi mula-mula fasal ini dikatakan sebagai disensasikan oleh media dan pihak tidak bertanggungjawab. Jadi saya cuma nak bertanyakan dari segi faktornya. Sebab ini satu fakta yang penting. Kerana hari ini kita membincangkan isu persekutuan air bagi mendapatkan satu penyelesaian yang muktamad bagi menyelesaikan krisis air.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Dia dah ulang berapa kali. Tapi tak nak dengar jawapan. Ha, saya nak sampai situ lagi. Fakta saya bagi kan? Johor tak ada air, Negeri Sembilan tak ada air. Tak sebut pun. Dulu saya duduk sini, saya bantah Yang terhormat Sungai Burong duduk situ tak cakap pun. Zaman Barisan Nasional. Tapi sekarang oh, prihatin. Kemudian, ada, ada dituduh bahawa duduk situ.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:Yang Berhormat tersilap. Saya tak pernah duduk di situ ya..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:Oh situ? Belakang. Oh ya, ya dulu

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:Saya duduk di atas sana..

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Oh atas..

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Haaa.....

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Blok ini juga bukan sini. Blok ini juga. Saya ingat lagi blok ni. Tapi sekarang kesian la lagi duduk situ. Tempat pertama pula masuk tempat kedua. Tak apa. Baik, berkenaan dengan masalah ada permohonan yang tidak dapat diluluskan, itu sebab KM. Bila minta KM bila air tidak ada ataupun pihak berkuasa ke atas air tu tidak meluluskan. Itu siapa? Itu SPAN, SPAN Suruhanjaya Pengurusan Air Negara. Bukan dikawal di Negeri Selangor. Dikawal pusat. Tolonglah Sungai Burong, cakaplah, bisik lah dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suruh SPAN jangan buat kacau. Itu SPAN yang tidak meluluskan. Bukan kita nak luluskan semua. Tapi tidak ada masalah sebenarnya. Tidak, tak ada isu tidak diluluskan. Dan saya ingin merujuk kepada angka, fakta ni.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:Boleh penjelasan? Boleh penjelasan kata SPAN. SPAN ini bertindak atas nasihat pengurus air di Selangor.

Dia bukan bertindak sendirian. Jadi ini perkara hendak melaksanakan satu keputusan projek sebenarnya ya, amat penting sekiranya diluluskan projek, airnya tak ada ia akan menjadi *back fire* pula kemudiannya. Jadi kerana itu atas nasihat daripada pengurus air di Selangor seperti SYABAS dan sebagainya, SPAN mengambil tindakan untuk tidak meluluskan. Ataupun

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ia, Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Burong, kalau Yang Berhormat Sungai Burong tidak faham peranan dan tanggungjawab SPAN, lebih baik jangan cakap, memalukan. SPAN yang merupakan autoritinya. Bukan atas nasihat Kerajaan Negeri Selangor. Dia buat keputusan dia, kita kena dengar SPAN. Kita nak buat catuan air, kena dengar SPAN. Boleh tak? SPAN kata boleh baru boleh kita buat. SPAN kata tak boleh kita kena ikut. SPAN kata tak ada air, maka kita kena terima. Itu ulasan SPAN. Ha, fahamkan dulu. Jangan cakap sembarangan. Bacakan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: SPAN bukan buat di atas angin aje dia buat kelulusan terus katanya dia hari ni dia tak nak buat air di Selangor. Dia mesti menggunakan keadaan, keadaan air yang tak cukup di empangan

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Cukuplah, cukup Yang Berhormat.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Keadaan air yang tidak mencukupi

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ok lah cukup

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, biar Sungai Pinang habiskan dulu penjelasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Baliklah baca akta tu. Jangan tegakkan benang yang basah. Ok.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tegakkan benang yang basah

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker. Hari ini saya ingin mengubah pemikiran ataupun pemahaman kebanyakan orang terhadap perangkaan daripada MIDA. Seolah-olah perangkaan daripada MIDA itu memberikan satu gambaran keseluruhan berkenaan dengan keadaan ekonomi dan pelaburan di Negeri Selangor. Sebab kita hanya selalu, kita selalu hanya merujuk kepada 1 pihak MIDA. Lihat perangkaan. Sebenarnya MIDA, perangkaan MIDA hanya mengumpulkan angka-angka sektor pembuatan ataupun perkilangan sahaja. Sektor perkhidmatan, pertanian, pembinaan, perlombongan dan sebagainya tidak dimasukkan. Ia tidak memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai persembahan dan kekuatan

ekonomi Negeri Selangor. Jadi apa yang dilihat, apa yang dipamerkan oleh yang dikumpulkan, yang diumumkan oleh MIDA itu hanya adalah angka pelaburan dalam sektor pembuatan atau perkilangan. Yang lain tak masuk. Perkhidmatan tak masuk. Mengapakan itu penting? Itu penting kerana kalau kita melihat KDNK, faham KDNK? Faham ya? Ok. Faham saya bacakan. Berdasarkan laporan KDNK daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Selangor mencatatkan jumlah KDNK atau Bahasa Inggeris nya GDP sebanyak RM139,237.00 juta pada tahun 2009. Ya, dan saya nak, saya hanya menunjukkan pembahagiannya daripada segi peratusan KDNK sumbangan kerajaan, sumbangan Selangor kepada Malaysia. Pada tahun 2009, Selangor menyumbangkan KDNK sebanyak RM20.1%. 2010 - 23%, 2011 - 23.1%, 2012 - 23.5%, 2013 - 23.7%. Dan kita kekal sebagai penyumbang terbesar KDNK negara. Bererti setiap ringgit yang dihasilkan di Malaysia ini RM23.07 sen daripada Selangor. Bererti secara puratanya, negeri-negeri lain 12 negeri yang lain KDNKnya tidak sampai 10% yang disumbangkan kepada KDNK Negeri Selangor. Dan daripada ini dari mana pembahagian peratusan KDNK Negeri Selangor ini 23.7% dari mana. Saya hanya tunjukkan dulu 2 sektor sahaja dari 2009 hingga 2013, sektor pembuatan 2009 – 3.1%, 2010 – 32.2%, 2011 – 31.9%, 2012 – 31.5%, 2013 – 30.8%. Jadi saya umum 30%, ini untuk sektor pembuatan, untuk sektor perkhidmatan tahun 2009 – 60.5%, 2010 – 58.3%, 2011 - 58.4%, 2012 – 58.3%, 2013 – 58.8%. Bererti daripada 23 persen KDNK Selangor kepada Malaysia ini sekitar 60% daripada sektor perkhidmatan, hanya 30% sahaja. Ya hanya peratus 30% dari pembuatan bererti kita bergantung kepada perkhidmatan. Jadi ada turun naik jangan risau dari segi pembuatan sebab dia hanya 30% sedangkan KDNK kita kebanyakan datang dari perkhidmatan. Turun naik untuk satu tahun jangan risau, saya mengakui kita jatuh 2014 kepada tempat keempat tetapi kalau kita hanya tengok pada tahun 2014. Bagaimana kita tengok 2013 campur 2014 saya dah buat ini.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Boleh penjelasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Nanti saya habiskan ini, nanti saya bagi angka ini kena betulkan dulu, kita tengok umpamanya Pulau Pinang, orang kata Pulau Pinang tahun ini lebih, Pulau Pinang dapat RM8.1 bilion, Selangor hanya RM7 bilion, kita kalah kalau kita tengok satu tahun. Kalau kita tengok 2 tahun sepatutnya untuk 2 tahun, 2013 campur 2014, Pulau Pinang dapat RM12 bilion sahaja sedangkan untuk 2 tahun ini Selangor mendapat RM16.8 bilion. Itu orang tidak cerita bila Pulau Pinang dapat RM3 bilion tahun lalu orang tidak cerita bila tahun ini dia lebih sedikit orang cerita tapi kita tengok 2 tahun terlebih daripada Pulau Pinang. Kita tengok tahun ini Sarawak kita risau, Sarawak pun RM8 bilion oh tidak RM9.6 bilion, kita risau tetapi kalau kita tengok satu tahun Selangor tahun ini hanya RM7 bilion, Sarawak RM8.2 bilion dah kalah Sarawak banyak ini. Tetapi kalau kita campurkan 2 tahun 2013 dengan 2014 Sarawak dapat RM17.8 bilion, Selangor RM16.8 bilion kita kalah RM1 bilion sahaja. Kedudukan yang ketiga sebenarnya kalau berbanding 2 tahun kemudian tengok Johor.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Boleh penjelasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Nanti dulu habiskan ini, angka ini, duduk-dulu, Johor kita takut dengan Johor, Johor memang tahun ini 21 bilion, tahun lepas 40 bilion tapi kita lihat Johor sebab dia ada projek yang besar. Satu projek yang besar di Pengarang cukup *petrol chemical*, cukup satu tetapi kalau kita tidak melihat kepada jumlah projek yang diluluskan kalau dibandingkan dengan jumlah kalau kita ambil angka jumlah projek yang diluluskan yang duduk tempat pertama di Malaysia ini masih Selangor. Kita ada 229 projek, projek yang terbanyak, itu menunjukkan kita mempunyai satu *base* yang luas, *brought base*, faham sebab itu jangan risau turun naik sudah tentu ada cuma kita perlu tahu kenapa ada masalah. Dan satu masalahnya yang tidak disebut politik semasa senario politik semasa tahun lepas kita tahulah ada dua bulan EXCO Pelaburan tidak ada. Lepas itu kita memerlukan masa untuk memulihkan keadaan, saya pun orang baru juga, kalau tahun lepas tanya soal ini susah juga tidak boleh jawab. Tahun ini saya dah handal sedikit sebab sudah tahu apa yang berlaku jadi kita kena lihat, ada lagi.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya ialah bersetuju dengan penjelasan bahawa ada nasihat daripada KDNK sumbangan Selangor pada negara itu memang besar dan tinggi. Dan kerana itu tadi Yang Berhormat EXCO menyatakan kita tidak perlu bimbang tetapi saya melihat bahawa pelaburan-pelaburan itu yang turun itu mesti ada sebabnya di Selangor ini. Sebab Negeri Selangor adalah negeri yang termaju sepatutnya dia *move for workman* ke atas, jadi kalau ada penurunan itu bukan ini menunjukkan ada sebab-sebab tertentu dan isunya di situ adalah masalah air jadi ini yang perlu diperbetulkan supaya dari sektor perkilangan ini, kita dapat peningkatan. Saya tidak fikir Kerajaan Negeri Selangor nak juga kurang daripada pelaburan dari segi *investment* dengan izin ya dalam sektor perkilangan. Kalau boleh kita *have move for word* dan juga bersaing dengan negeri-negeri lain. Soal negeri lain itu ialah dia ada kelemahan dia tetapi kita bercakap dengan Negeri Selangor ini. Ini yang saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat tadi.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Sekurang-kurangnya tadi Sungai Burong setuju dengan sayalah tidak perlu risau sangat sebab kita ada tujuh sebab yang menimbulkan turun naik bukan satu sebab tetapi Sungai Burong hanya tumpu kepada satu perkara tapi air-air sebab tidak ada isu lain. Kita kena tengok secara keseluruhan. Ya Baik. Langkah-langkah yang perlu akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri yang pertama dari segi pengurusan. Kerajaan Negeri akan memperkasakan unit pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur ke peringkat Pihak Berkuasa Tempatan memastikan mesyuarat ini *Industri Park Mangement Comittee NPNC* adakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri buat masa ini saya telah mengarahkan supaya setiap tiga

bulan mengadakan sekurang-kurang sekali mesyuarat NPNC ini. Keempat menyediakan kawasan perindustrian. Ketiga menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggarakan kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada. Keempat menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dan pemaju swasta. Untuk maklumat dewan buat masa ini kerajaan sedang dalam proses untuk meluluskan permohonan untuk pengubahan zon perumahan kepada zon perindustrian di beberapa kawasan yang penting iaitu pertamanya di Bukit Raja, Klang, keduanya di Elmina Kota Elmina, ketiga di Bukit Lagon yang keseluruhannya melibatkan tanah seluas lebih daripada 1,000 ekar. Sementara itu permohonan juga telah pun diperolehi daripada pihak swasta untuk membina sebuah kawasan perindustrian seluas 1,000 ekar kawasan dekat dengan Sepang. Ke lima pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *gated and gadded*. Keenam membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui mesyuarat penyelarasan projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh saya sendiri. Dua mesyuarat sebenarnya satu untuk pelabur asing dan satu untuk pelabur tempatan. Dari segi *networking*, Tuan Speaker pertama meningkatkan usaha promosi di luar negara seperti program lawatan penggalakan pelaburan setiap tahun. Kerajaan Negeri melalui *invest* Selangor akan merangka program lawatan ke luar negara sekurang-kurang 4 kali setahun ke negara yang berpotensi. Di tahun ini mungkin lebih daripada empat. Kedua meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, dewan-dewan perniagaan asing dalam dan luar negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa kesemasa. Ketiga mengujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan Negeri Selangor kepada pelabur-pelabur negara mereka. Dari segi promosi, mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik di dalam dan di luar negara. Dan keduanya penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa, ini dari segi mikro yang telah pun dirancang dan dilaksanakan. Dari segi mikronya Kerajaan Negeri telah pun menetapkan satu sasaran, ia satu visi menjadikan Selangor ini sebagai trading hub antarabangsa dan untuk memulakan projek ini bagi merealisasikan visi ini. Satu Ekspo Antarabangsa Selangor sedang dirancang di mana dalam jawatankuasa penganjuran ini akan melibatkan dewan-dewan perniagaan termasuk Dewan Perniagaan Islam, Dewan Perniagaan Melayu, Dewan Perniagaan Cina dan Dewan Perniagaan India. Dan ini akan menggabungkan semua tenaga dan usaha daripada pihak-pihak peniaga dari Dewan Perniagaan ini bagi memastikan kita mendapat mencapai kebahagiaan dalam menganjurkan Ekspo Antarabangsa Selangor sebagai langkah. Pertama untuk kita mara ke arah menjadikan Selangor sebagai Trading Hub Antarabangsa. Keduanya dan kita melihat juga mengapa kita harus meletakkan visi ini menjadikan Selangor Trading Hub untuk Antarabangsa ini kerana kita mempunyai kekuatan yang kita tahu tetapi kita tidak menyedari sebelum ini. Iaitu kita sebenarnya memilih

lokasi yang strategik yang kita tahu tetapi kita tidak menggunakan tidak *unlistkan* potensi yang ada pada kita ini. Kita mempunyai infrastruktur cukup baik, ia berbanding dengan tempat seperti di Johor, Pulau Pinang dan sebagainya. Kita mempunyai infrastruktur jauh lebih baik daripada kedua-dua negeri ini dan tidak ada sebab mengapa kita boleh kalah kepada kedua-dua negeri ini. Dan ketiga kita mempunyai *talent pool* cukup besar di dalam kawasan Negeri Selangor termasuk Kuala Lumpur. Setiap tahun kita mempunyai RM10,000 graduan yang dihasilkan oleh Universiti Tempatan kita. Dan *talent pool* ini jika sekiranya kita dapat membekalkan lagi peluang dengan kemahiran yang tertentu diperlukan oleh industri. Sudah tentu dia jadi aset kepada kita dan Kerajaan Negeri Selangor juga akan bekerjasama rapat dengan Selangor *Human Resource Development Center* untuk membantu, melatih pelajar-pelajar kita termasuk juga graduan kita ke arah situ supaya mereka memperolehi kemahiran yang lebih tinggi daripada yang diperlukan. Dan kita mempunyai pelbagai bahasa dan budaya di negara ini dan merupakan kekuatan kepada kita. Orang India daripada India nak pergi berniaga di Negeri China mereka kalau berkongsi, ya kalau mereka menjadikan peniaga Malaysia ini sebagai rakan kongsi mereka mempunyai peluang lebih baik dan berpotensi besar. Kalau nak pergi saudagar China atau saudagar Indonesia, India nak pergi Indonesia kalau dia menjadikan rakan Malaysia ini Selangor sebagai rakan kongsi dan sudah tentu peluang untuk membuka pasaran lebih baik lagi. Dan keduanya selain menjadikan Selangor sebagai pusat Trading Antarabangsa ini. Kita sedang membangunkan e-perdagangan di Selangor ini dan kita telah menubuhkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ini, Negeri Selangor telah menubuhkan satu jawatankuasa ataupun konsul majlis yang dinamakan sebagai *CTEK Selangor Informance Teknologi and Economies Consul* untuk membantu, untuk membina satu modul e-perdagangan di Selangor ini dan juga menubuhkan Pusat Kreativiti Digital supaya kita dapat menghasilkan bakat-bakat kita yang mempunyai inovasi supaya mereka dapat menceburi dalam bidang perdagangan ini. Dan keadaan itu kita juga akan membina satu asas yang baik untuk kita menerima *high and teknologi*. Buat masa ini kita tidak lagi boleh bergantung kepada sektor pembuatan yang begitu bergantung kepada tenaga buruh. Kita kena naikan taraf kita, naikan kedudukan kita dalam *value change*, dalam rangkaian nilai kita. Dulu kita bergantung kepada sektor perkilangan yang bergantung kepada tenaga buruh dan sekarang kita pergi ke *high tack* kepada teknologi yang lebih tinggi. Saya ambil contoh *iPhone* ini, *Apple* ini dia mempunyai keuntungan besar.

TUAN SPEAKER: Ya satu minit.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya dia mempunyai keuntungan besar sebagai satu *iPhone* itu, *Apple* dapat keuntungan daripada itu 25% keuntungan pergi kepada *appel*. Tetapi kilang Fockskon pembuat *iphone* yang terbesar di dunia keuntungannya hanya 3% daripada harga *iPhone* tersebut. Yang teknologi, pemegang teknologi dia tidak ada kilang pun hanya dengan inovasi dengan teknologi dia dapat keuntungan 25% daripada *iPhone* yang sama. Itu yang kita

tujukan, itu yang kita sasarkan sebab itu kita meletakkan sasaran ini, kita nak Selangor ini menerima *high tack*. Jadi kalau pelaburan datang itu nak bina kilang yang mencemarkan udara yang menggunakan akan mengajikan pendatang asing untuk menjadi pekerja, itu kita akan menolak, kita mahukan industri yang akan menaikkan taraf kita, menaikkan kedudukan dalam *value change* kita, itu sahaja, sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah pun 4.30 petang maka dewan ditangguhkan sehingga hari esok 7 April 2015 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang)